

**PERKAHWINAN CAMPUR DAN HUBUNGANNYA DENGAN
KEBAHAGIAAN KELUARGA : KAJIAN DI SELANGOR**

NURZAHIDAH JAAPAR

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITY OF MALAYA
KUALA LUMPUR**

2011

**PERKAHWINAN CAMPUR DAN HUBUNGANNYA DENGAN
KEBAHAGIAAN KELUARGA : KAJIAN DI SELANGOR**

NURZAHIDAH JAAPAR

**DISSERTATION SUBMITTED IN PARTIAL FULFILMENT OF THE
REQUIREMENTS FOR THE DEGREE OF MASTER OF SYARIAH**

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITY OF MALAYA
KUALA LUMPUR**

2011

ABSTRAK

Dengan peningkatan kadar imigrasi asing serta kepelbagaiannya di Malaysia, tidak dapat dielakkan bahawa wujudnya peningkatan dalam amalan perkahwinan campur. Walaupun amalan ini masih sedikit, bagaimanapun beberapa masyarakat tempatan berminat untuk memilih pasangan di luar daripada kelompok sendiri seperti pasangan yang berlainan bangsa dan warganegara. Walau bagaimanapun, fenomena ini tidak terkecuali dari beberapa isu yang boleh dipertikaikan terutamanya mengenai kualiti perkahwinan antara pasangan kahwin campur. Lantaran itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan daripada perkahwinan campur terhadap kesejahteraan keluarga di Selangor Darul Ehsan. Kedua-dua penyelidikan perpustakaan dan kaedah temubual telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah temubual mengandungi kaedah temubual separa berstruktur dan mendalam. Maklumat telah dikumpulkan dengan bantuan soalan-soalan temubual. Lapan responden telah ditanya daripada empat zon utama di Selangor khususnya kepada pasangan kahwin campur yang tinggal di Selangor. Hasil kajian mendedahkan bahawa kesemua responden telah menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi dengan perkahwinan mereka. Keseluruhannya, kajian ini menunjukkan semua responden telah melaksanakan seluruh elemen penting dalam mendapatkan sebuah keluarga bahagia dari sudut pandangan Islam. Diharapkan perbincangan dan penjelasan yang disampaikan akan memberi faedah terutamanya kepada pasangan kahwin campur Muslim dalam usaha mencapai kebahagiaan perkahwinan dan kesejahteraan keluarga.

ABSTRACT

With the increasing foreign immigrant rate and multicultural in Malaysia it seems inevitable that there will be a corresponding increase in mixed marriages practice in Malaysia. Even though, this group is still small in number, however some of our local societies are keen to choose partner outside from the similar distinctive circle such as different races and citizenship. Still, this phenomenon not exempted from several disputable issues especially on the quality of marriage among couple intermarries. Thus, the aim of this study was to identify the effect of mixed marriage and its correlation with family happiness in Selangor Darul Ehsan. Both library research and interview methodology were utilised in this study. The interview method consisted of semi-structural interview and in-depth interview. The information was gathered with the aid of an interview questions. Eight respondents were asked from four main zones in Selangor specifically the mixed marriage spouse who lived in Selangor. The result of this study revealed that all respondent indicated a high level of satisfaction with their marriage. Overall this study was point out that all respondent has implementing all important elements in obtaining a happy family from Islamic point of view. It is hoped that, this discussion and explanation presented will benefit particularly to Muslim intermarriage.

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 Rejab 1432 H
3 Jun 2011
Jumaat

Nurzahidah binti Haji Jaafar
IGA080048

PERHARGAAN



Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya memberikan saya daya kekuatan untuk menunaikan tanggungjawab saya dalam menyempurnakan sebuah disertasi.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Professor Madya Dr Raihanah binti Haji Azahari selaku penyelia disertasi saya. Beliau telah memberi segala tunjuk ajar, idea, maklumat, teguran, nasihat, bimbingan, dorongan dan panduan dalam usaha menghasilkan disertasi ini dari awal hingga akhir. Jutaan terima kasih sekali lagi kepada beliau yang tidak pernah jemu melayan karenah saya semasa di bawah penyeliaannya. Pengorbanan yang beliau lakukan amat saya hargai dan dikenang sehingga ke akhir hayat, insyaAllah.

Ucapan terima kasih juga buat pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya khasnya kepada Professor Madya Dr Rahimin Affandi, Professor Madya Dr Abdul Karim Ali dan kesemua pensyarah jabatan yang banyak membantu saya dalam memberikan maklumat, nasihat, tunjuk ajar dan sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tidak ketinggalan juga jutaan terima kasih kepada Professor Madya Dr Sharifah Hayaati Syed Ismail, Professor Madya Dr Raihanah Abdullah dan Dr Asmak Ab Rahman yang banyak memahami dan membantu dalam menyampaikan ilmu, idea, panduan, dorongan dan nasihat agar saya terus gigih berusaha.

Buat insan yang paling dikasihi dan bermakna dalam hidup ini, kedua ibu bapa saya Allahyarham Haji Jaapar bin Haji Akib dan Hajjah Siti Hajar binti Haji Ahmad serta ahli keluarga yang tersayang iaitu Allahyarham Dr Zainudin Jaffar dan Kak Ni'mah sekeluarga, Allahyarham Mohamad bin Jaapar serta Kak Zah sekeluarga, Mohd Fuad dan Kak Badariah sekeluarga, Kak Faezah dan Dr Ahmad Zainudin sekeluarga, Dr Ghazali dan Kak Hilmiah sekeluarga, Kak Rasyidah dan Abdul Razak sekeluarga,

Ahmad Naim dan Kak Hayana sekeluarga dan yang terakhir sekali insan yang teristimewa dalam hidup saya iaitu Khairil Fakhriz Ahmad Suhaimi yang tidak pernah jemu memberi semangat dan sokongan moral supaya saya terus berjaya dalam apa juar lapangan yang saya ceburi. Hanya padaMu Ya Allah daku pohon bahagia dan rahmatikanlah hidup seluruh insan yang paling ku kasihi ini.

Kepada teman-teman seperjuangan Hidayah, Fazreen, Ajilah, Kak Norizah, Hamdana, Zuraidah, Najihah, Syuhada, Hamidah, Badriah, Kak Hayati, Kak Taqwa, Kak Alhana, Matus, rumah no. 15 dan yang lain-lain yang telah banyak mengajar saya erti pengorbanan dan menjadi teman berbicara serta menumpang suka dan duka dalam menghasilkan sebuah disertasi ini. Ucapan terima kasih juga didedikasikan kepada sahabat Nur Diana Dzulkiply yang mencetuskan idea awal bagi topik penulisan ini. Turut tidak dilupakan kepada responden dan staf MAIS, JAIS dan JAKSESS yang telah banyak membantu dan memudahkan perjalanan penyelidikan ini. Semoga dengan budi dan jasa kalian itu akan dibalas dan dirahmati oleh Allah s.w.t.

Akhir kata, saya berdoa agar semua yang terlibat dalam menjayakan disertasi ini mendapat tempat ‘ulya di sisi Allah s.w.t, dan segala pengorbanan kalian ku serahkan kepada yang Maha Esa untuk membalaunya. Saya berharap agar risalah ini dapat bermanfaat bagi khlayak ramai khasnya peminat dan pencinta ilmu-ilmu Islam. Amin.

Nurzahidah Haji Jaapar
Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

3 Jun 2011
(1 Rejab 1432H)
Jumaat

DAFTAR ISI

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
DAFTAR ISI	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI STATUT	xiv
SENARAI KES	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
PANDUAN TRANSLITERASI	xix

BAB PERTAMA:

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah Kajian	4
1.3 Soalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Metodologi Penyelidikan	14
1.7.1 Metodologi Pengumpulan Data	14
1.7.1.1 Kajian Kepustakaan	14
1.7.1.2 Temubual	15
1.7.1.2.1 Temubual Semi-Struktur	15
1.7.1.2.2 Tembual Berstruktur	16
1.7.2 Kaedah Persampelan	16
1.7.2.1 Persampelan Bertujuan	16
1.7.3 Metodologi Penganalisaan Data	18
1.7.3.1 Metode Analisis Hukum	18
1.7.3.2 Metode Induktif	18
1.7.3.3 Metode Deduktif	19
1.8 Kajian-kajian Lepas	19
1.8.1. Kajian Perkahwinan Campur	19
1.8.2. Kajian dalam Sosiologi dan Antropologi	29
1.8.3. Kajian Teori Kebahagiaan	31
1.9 Struktur Kajian	39

BAB KEDUA:

KONSEP PERKAHWINAN CAMPUR MENURUT ISLAM DAN SOSIOLOGI

2.1 Pendahuluan	42
2.2 Perkahwinan Campur daripada Perspektif Islam	42
2.2.1 Sejarah dan Latar Belakang Perkahwinan Campur dalam Sejarah Islam	43
2.2.2 Hukum Perkahwinan Campur dalam Islam	45
2.2.2.1 Pasangan yang Beragama Islam	45
2.2.2.2 Perkahwinan Adalah Fitrah Sejagat	47
2.2.2.3 Melengkapkan Perbezaan	49
2.2.2.4 Saling Kenal Mengenal	50
2.2.2.5 Pilih Wanita Yang Disukai	51
2.2.2.6 Instrumen Penyelesaian Masalah Sosial	53
2.2.2.7 Memelihara Keturunan dan Mengembangkan Zuriat	55
2.2.3 Hikmah Perkahwinan Campur dalam Islam	56
2.2.3.1 Dakwah Praktikal	56
2.2.3.2 Mewujudkan Umat Islam yang Dinamik dab Berintegrasi	57
2.2.3.3 Meluaskan Struktur Keluarga dan Masyarakat	59
2.2.3.4 Mengukuhkan Kekuatan Agama Islam	60
2.2.3.5 Kahwin Campur Meningkatkan Ekonomi	61
2.3 Perkahwinan Campur daripada Sudut Sosiologi	62
2.3.1 Definisi Perkahwinan Campur	62
2.3.2 Jenis Perkahwinan Campur	64
2.3.2.1 Perkahwinan antara Status	65
2.3.2.2 Perkahwinan antara Suku/Sanak	65
2.3.2.3 Perkahwinan antara Bangsa, Negara dan Agama	66
2.3.3 Latar Belakang dan Sejarah Perkahwinan Campur di Malaysia	68
2.3.4 Faktor Pendorong Perkahwinan Campur	70
2.3.5 Perbezaan Budaya dalam Perkahwinan Campur	75
2.3.5.1 Aktiviti Harian	76
2.3.5.2 Adat dan keagamaan	77
2.3.5.3 Bahasa Pertuturan dan Komunikasi	79
2.3.5.4 Sistem Kekeluargaan dan Sokongan Sosial	80
2.3.6 Pembudayaan dalam Perkahwinan Campur	81
2.3.6.1 Adaptasi	82
2.3.6.2 Asimilasi	82
2.3.6.3 Islamisasi	83
2.3.7 Teori Amalgamasi	84
2.4 Kesimpulan	85

BAB KETIGA:
KONSEP KEBAHAGIAAN KELUARGA DALAM ISLAM

3.1 Pendahuluan	87
3.2 Kebahagiaan menurut Islam	88
3.2.1 Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan al-Fārābī	88
3.2.2 Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan Imām al-Ghazālī	90
3.2.3 Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan Ibn Miskawayh	92
3.2.4 Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan al-Attas	93
3.3 Kebahagiaan menurut Pandangan Bukan Islam	95
3.3.1 Definisi Kebahagiaan menurut Teori <i>Family Well- Being</i>	95
3.3.2 Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan Aristotle	96
3.3.3 Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan Buddhist	98
3.3.4 Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan Plato	100
3.4 Teori Kebahagiaan	101
3.4.1 Elemen-elemen Bahagia dalam Islam	103
3.4.1.1 Iman	104
3.4.1.1.1 Akidah	105
3.4.1.1.2 Ilmu	106
3.4.1.2 Amal	107
3.4.1.2.1 Niat	107
3.4.1.2.2 Akhlak	108
3.4.1.2.3 Sosial	109
3.4.1.2.4 Amanah	110
3.4.1.2.5 Keselamatan Fizikal	111
3.5 Keluarga Bahagia dalam Islam	112
3.5.1 Konsep Keluarga Bahagia	112
3.5.2 Dalil Pensyariatan dalam Membentuk Keluarga Bahagia	112
3.5.3 Bentuk Keluarga Bahagia dalam Islam	113
3.5.3.1 <i>al-Sakīnah</i>	113
3.5.3.2 <i>al-Mawaddah</i>	114
3.5.3.3 <i>al-Rahmah</i>	115
3.5.4 Contoh Amalan Keluarga Bahagia Rasūlullah s.a.w.	116
3.6 Kesimpulan	119

BAB KEEMPAT:
**ANALISIS PERKAHWINAN CAMPUR DAN HUBUNGANNYA DENGAN
KEBAHAGIAAN KELUARGA: DI SELANGOR**

4.1 Pendahuluan	121
4.2 Profil Pasangan Kahwin Campur	123
4.2.1 Profil Responden	123
4.2.2 Profil Pasangan Responden	130
4.3 Profil Sejarah Perkahwinan Campur	131
4.3.1 Latar Belakang Perkahwinan	133
4.3.2 Sejarah Perkahwinan	135
4.3.3 Faktor Perkahwinan Campur	138
4.4 Perbezaan Budaya dalam Perkahwinan Campur	140
4.4.1 Makanan dan Cara Pemakanan	140
4.4.2 Pakaian dan Cara Pemakaian	143
4.4.3 Adat dan Keagamaan	146
4.4.3.1 Cara Gaya keibubapaan	146
4.4.3.2 Perayaan	151
4.4.4 Bahasa Pertuturan dan Komunikasi	154
4.4.5 Sistem Kekeluargaan dan Sokongan Sosial	158
4.5 Pembudayaan dalam Perkahwinan Campur	165
4.5.1 Adaptasi	166
4.5.2 Asimilasi	168
4.5.3 Islamisasi	169
4.6 Kesan Perkahwinan Campur	171
4.7 Kebahagiaan Keluarga	174
4.8 Kesimpulan	179

BAB KELIMA:

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	183
5.2 Rumusan	183
5.3 Saranan dan Cadangan	191
5.4 Penutup	200
BIBLIOGRAFI	201
LAMPIRAN	214

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Statistik Perkahwinan Warganegeri Selangor dengan Warganegara Asing di Selangor Tahun 2009	5
Jadual 1.2 : Banci Penduduk Negeri Selangor Mengikut Kumpulan Etnik Tahun 2000	6
Jadual 1.4 : Taburan Responden Mengikut Zon dan Daerah di Negeri Selangor	18
Jadual 4.3: Jantina Responden dan Pasangan	123
Jadual 4.4: Umur Responden dan Pasangan	124
Jadual 4.5: Turutan Kelahiran Responden dan Pasangan	124
Jadual 4.6: Bilangan Saiz Keluarga Responden dan Pasangan	125
Jadual 4.7: Bangsa dan Agama Responden dan Pasangan	125
Jadual 4.8: Pendidikan Responden dan Pasangan	126
Jadual 4.9: Jumlah Tahun Pendidikan Formal Responden dan Pasangan	127
Jadual 4.10: Kategori Pekerjaan Responden dan Pasangan	127
Jadual 4.11: Pendapatan Bulanan Keluarga	128
Jadual 4.12: Bilangan Ahli Isi Rumah	129
Jadual 4.13: Umur Ketika Berkahwin (tahun)	131
Jadual 4.14: Perbezaan Umur Responden dan Pasangan	131
Jadual 4.15: Tempoh Perkahwinan Responden (tahun)	132
Jadual 4.16: Bilangan Anak Responden	132
Jadual 4.17: Maklumat Latar Belakang Perkahwinan Responden dan Pasangan	135
Jadual 4.18: Tempoh Perkenalan Responden dan Pasangan (bulan)	136
Jadual 4.19: Perkahwinan Campur di kalangan Keluarga Terdekat	137
Jadual 4.20: Makanan dan Cara Pemakanan dalam Perkahwinan Campur	140
Jadual 4.21: Pakaian dan Cara Pemakaian dalam Perkahwinan Campur	143
Jadual 4.22: Cara Gaya Keibubapaan dalam Perkahwinan Campur	147

Jadual 4.23: Perayaan dalam Perkahwinan Campur	151
Jadual 4.24: Bahasa Pertuturan dan Komunikasi dalam Perkahwinan Campur	154
Jadual 4.25: Sistem Kekeluargaan dan Sokongan Sosial dalam Perkahwinan Campur	158
Jadual 4.26: Adaptasi dalam Perkahwinan Campur	166
Jadual 4.27: Asimilasi dalam Perkahwinan Campur	168
Jadual 4.28: Islamisasi dalam Perkahwinan Campur	169
Jadual 4.29: Kesan Perkahwinan Campur	171
Jadual 4.30: Kebahagiaan Keluarga dalam Perkahwinan Campur	174

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.3: Peta Daerah Negeri Selangor	11
Rajah 3.1: Model Keluarga Bahagia Islam	104

SENARAI STATUT

Halaman

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003	46
--	----

SENARAI KES

	Halaman
Abdul Razak lawan Maria Menado (1965)	70
Chua Mui Nee lawan Palaniapan (1967)	70
Elis Syuhaila lawan Dutchman Frank Theodorus Van de Ven @ Firdaus Abdullah (2009)	70
Haslinda binti Alias lawan Johdi Matthew Byrne @ Yahya bin Abdullah (1999)	3
In Re Maria Hertogh (1951)	70
Martin lawan Umi Kalsom (1963)	70
Raja Kamarul Bahrain lawan Jacqueline Pascarl (1992)	70
Siti Nadzirah Mohd. Nasir lawan Fazal Azim Abdul Ahad (2007)	70

SENARAI SINGKATAN

%	peratusan
&	dan
@	<i>alias</i>
Ab.	Abdul
Abd.	Abdul
Bhd.	Berhad
Bil.	Bilangan
c.	cetakan
Dr.	Doktor
Dsb	dan sebagainya
ed.	Editor
En.	Encik
<i>et al</i>	<i>et alii/ alia</i> (dan yang lain-lain yang melebihi dua)
h.	halaman
H.	Hijrah
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem</i> (pada tempat yang sama)
ICT	<i>Information and Communication Technologies</i>
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
ISTAC	<i>International Institute of Islamic Thought and Civilization</i>
IT	<i>Information Technologies</i>
j.	Jilid
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKESS	Jabatan Kehakiman Syarie Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jil.	Jilid
juz.	Juzuk
Ltd.	<i>Limited</i>
M	Masihi
MACMA	<i>Malaysian Chinese Muslim Association</i>
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MLJ	<i>Malaysian Law Journal</i>
NGO	<i>non-govermental organization</i>
No.	Nombor
Okt	Oktober
<i>op.cit.</i>	<i>opera citato</i> (karya yang sudah dipetik)
PAID	Pejabat Agama Islam Daerah
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PhD	Doktor Falsafah
Pn.	Puan
Prof.	Profesor
r.a.	Radiyallah ‘anhu
s.a.w.	Sallallahu ‘alayhi Wasallam
S.M.	sebelum Masihi
s.w.t.	Subhanahu wa ta’ala
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
t.t.	tanpa tarikh

T.T.T
Terj.
USA
Vol.
YADIM

Tanpa Tempat Terbitan
terjemahan
United State of America
Volume
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

University Of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran 1.1: Borang Temubual	214
Lampiran 1.2: Soalan Temubual	221
Lampiran 1.3: Kahwin Campur	230
Lampiran 1.4: Kahwin Campur di Kalangan Masyarakat Malaysia	232
Lampiran 1.5: Kahwin Campur Bukan Punca Masalah	234
Lampiran 1.6: Kahwin Campur Bukan Sebab Utama Cerai	238
Lampiran 1.7: Kahwin Campur Memang Ada Risiko	239
Lampiran 1.8: Keistimewaan Kahwin Campur - Lahirkan Zuriat Yang Baik	241
Lampiran 1.9: Perkahwinan Campur Meningkat di Kelantan	244
Lampiran 1.10: Nasihat Mengenai Perkahwinan Dengan Lelaki Asing	245
Lampiran 1.11: Perkahwinan Campur: Bahagia Atau Sengsara?	248
Lampiran 1.12: Pendapat Pakar: Fahami Budaya Pasangan	249
Lampiran 1.13: Pendapat Pro Mengenai Perkahwinan Campur	250
Lampiran 1.14: Pendapat Kontra Mengenai Perkahwinan Campur	251

PANDUAN TRANSLITERASI

a) Konsonan¹

Huruf Arab	Nama dan Transkipsi
ء, ا	a, ’(hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	Ş
ض	D
ط	T
ظ	Z
ع	‘
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L

¹ Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.(2001). Kuala Lumpur: APIUM.

م	M
ن	N
ه	H
و	W
ي	Y
ة	H

b) Vokal

Vokal pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
(Fathah) ۚ	a	قَنْت	qanata
(Kasrah) ۛ	i	سَلِيمٌ	salima
(Dammah) ۤ	u	جُعْلٌ	Ju'ilā

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا / ای	ā	كَبِيرٌ	Bāb/kubrā
ي	ī	وَكِيلٌ	wakīl
و	ū	سُورَةٌ	sūrah

c) Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
وُ	aw	قول	Qawl
يُّ	ay	خَيْرٌ	Khayr
وُّ	uww	قَوْهٌ	quwwah
يُّ	Iy/i	عَرَبِيٌّ	‘Arabiyy/ī

Nota: Istilah atau perkataan yang berasal daripada perkataan Bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan Bahasa Malaysia dieja mengikut perkataan Bahasa Malaysia melainkan jika ditulis mengikut Bahasa Arab.

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Firman Allah s.w.t:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَّأُنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَاوَرَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَكُمْ
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ

Surah al-Hujurāt (49): 13

Maksudnya:

—Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)”¹

Manifestasi daripada firman di atas menunjukkan bahawa Allah s.w.t menciptakan setiap manusia bermacam-macam bangsa dan suku supaya dapat bersuai kenal, beramah mesra, tolong-menolong dalam kehidupan bermasyarakat dan seterusnya dapat memanjangkan keturunan manusia kerana

¹ Aidh al-Qarni (2008), *Tafsir al-Muyassar*, j. 4, Jakarta: Qisthi Press, h. 157.

tidak ada kemuliaan setiap bangsa dan kaum di sisi Allah kecuali dinilai dari darjat ketaqwaanya.² Dalam dunia yang penuh global kini, perkahwinan campur yang berlaku di antara pelbagai bangsa, ras³, suku⁴ puak⁵, kaum, adat resam⁶ dan kelompok etnik adalah sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan malah ia berkembang selari dengan arus pembangunan sosiolisisasi manusia.⁷

Dari aspek sejarah Islam, perkahwinan campur telah berlaku dan menjadi amalan para sahabat serta generasi selepas mereka. Rasulullah s.a.w sendiri tidak pernah melarang para sahabat mengamalkan perkahwinan dengan bangsa lain, malah Baginda sendiri mempunyai isteri dari bangsa Qibty yang bernama Mariah al-Qibtiyyah yang berasal dari agama Kristian.⁸

Namun begitu, amalan perkahwinan campur dewasa ini kadangkala menimbulkan pelbagai kontroversi dan masalah-masalah lain disebabkan hubungan yang dibina mempunyai risiko yang tinggi⁹ akibat dari perbezaan

² Sayyid Qujb (1992), *Fī Zilāl al-Qurān*, j. 7. Lubnan: al-Risalah Publishers, h. 520-521.

³ Dari segi biologi ras adalah satu kelompok manusia yang mempunyai persamaan daripada segi fizikal seperti warna kulit, bentuk kepala, hidung, mata, bibir, telinga dan sebagainya. Ciri-ciri fizikal tersebut ditentukan oleh baka yang warisi daripada generasi. Penduduk dunia pernah dibahagikan kepada ras-ras tertentu seperti *Caucasoid*, *Mongoloid*, *Negroid* dan *Australoid* berdasarkan kepada perbezaan fizikal, Ting Chew Peh (1993), *Konsep Asas Sosiologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 107.

⁴ Suku adalah unit kekeluargaan yang terdapat dalam sistem adat pepatih yang dibentuk oleh beberapa unit kecil yang dikenali sebagai perut. Ahli sesuatu suku percaya bahawa mereka berasal daripada nenek moyang yang sama. Mereka menyusur galurkan keturunan mereka daripada nasab-ibu, Abbas Haji Ali (1974), „Sebahagian Dari Dasar Adat (Tinjauan Secara Umum)”, (Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih di Seremban, 9-12 April: 1974), h. 21.

⁵ Kelompok (orang) ialah satu kumpulan individu yang mempunyai identiti yang sama, perasaan kekitaan, matlamat yang sama serta hubungan sosial yang tertentu, *ibid.*, h. 58.

⁶ Adat resam ialah suatu cara yang telah ditentukan untuk melakukan sesuatu yang telah diakui oleh masyarakat itu. Resam juga merujuk kepada tingkahlaku yang dikukuhkan dan diamalkan di kalangan sesuatu masyarakat dan dianggap sebagai cara yang betul untuk melakukan sesuatu oleh masyarakat itu; Joseph S. Roucek dan Roland L. Warren (1979), *Sosiologi Satu Pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 21-22.

⁷ *Ibid.*, h. 189.

⁸ Ḥāfiẓ Abī al-Raḥmān (2002), *Tarājīm Sayyidāt Bayt al-Nubūwah Raḍiāllah ,Anhunn, Qāherah: Dār al-Ḥadīth*, h. 340-341.

⁹ Norliza Mohamad Zakaria (26 Februari 2009), „Kahwin Campur Memang Ada Risiko”, *Utusan Malaysia*, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0227&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_17.htm&arc=hive, 26 Februari 2010.

dan pertembungan sistem nilai antara pasangan tersebut,¹⁰ maka permasalahan yang wujud ini telah mempengaruhi kebahagiaan keluarga yang dibina. Misalannya, pada tahun 1999, kes perceraian dan tuntutan hādānah oleh *Haslinda binti Alias lawan Johdi Matthew Byrne @Yahya bin Abdullah*¹¹ di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Selangor.¹²

Dalam Islam, perkahwinan campur secara umumnya difahami dengan ikatan pernikahan suami isteri yang berlaku di antara dua bangsa yang berlainan keturunan dan budaya hidup¹³ dengan syarat pasangan wajib beragama Islam serta beriman dengan Allah s.w.t.¹⁴ Sepertimana sabda Rasulullah s.a.w menggalakkan umatnya memilih pasangan yang bertaqwah dan berakhhlak mulia dengan tujuan untuk menjamin kelestarian kehidupan rumahtangga.¹⁵ Sabda s.a.w:

((قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لا تزوجوا النساء لحسنهن، فعسى حسنن أن يرديهن ولا تزوجهن لأموالهن ، فعسى أموالهن أن تطغىهن ، ولكن تزوجهن على الدين ولامة خرماء سوداء ذات دين ، أفضل))¹⁶

¹⁰ Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Tan Jo-Pei (2003), *Perkahwinan Campur di Malaysia*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 67.

¹¹ Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (1999), “Haslinda binti Alias lawan Johdi Matthew Byrne @ Yahya bin Abdullah”, *Jurnal Hukum*, Jil.13, Bahagian 1, Kes Mal Bilangan 1341-34-3/99, JAKIM: Kuala Lumpur, h. 47-63.

¹² Situasi sebenar kes ini ialah defendan yang berbangsa Filipina telah berkahwin dengan plaintif pada tahun 1990 dan hasil daripada perkongsian hidup, mereka telah dikurniakan dua orang anak perempuan. Namun sepanjang tempoh perkahwinan, defenden sering memukul dan mengasari plaintif disebabkan sikap cemburu dan sering mabuk. Kejadian ini berlaku semasa pasangan ini tinggal di Filipina dan pada masa yang sama, defenden telah tidak membenarkan plaintif dan anak-anak pulang ke Malaysia dan memegang semua dokumen perjalanan plaintif dan anak-anak. Plaintiff telah bercerai pada tahun 1998 akibat daripada tindakan ganas dan ketidaksefahaman dengan defenden di samping wujud perbezaan cara hidup, fahaman agama dan masyarakat setempat. Situasi kes ini bukan sahaja mempengaruhi kebahagiaan keluarga yang dibina malah ianya turut melibatkan konflik agama, bangsa dan diplomatik.

¹³ Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Tan Jo-Pei (2003), *op.cit.*, h. 1.

¹⁴ Abd al-Rahmān al-Jazīry (1969), *Fiqh ,Alā al-Madhāhib al-,Ārba,ah*, j. 4, Qāherah: Dār Ihyā‘ al-Turāth al-_-Arabī, h. 53.

¹⁵ Ahmad Maḥmūd Ibrāhīm (1997), *al-Waṣīṭ Fī al-Madhbāb*, j. 5, Miṣr: Dār al-Salām, h. 26-27.

¹⁶ Muḥammad bin Yazīd bin Abd Allah bin Mājah al-Qazwīnī (1952), *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Nikāh, j. 1, no. hadith 1060, Qāherah: Dār Ihyā‘ al-Kutub al-_-Arabiyyah, h. 323-324.

“Janganlah mengahwini wanita-wanita kerana kecantikan, mungkin kecantikan itu memburukkan hidup. Jangan mengahwini mereka kerana harta, mungkin harta itu menyebabkan kezaliman mereka. Tetapi kahwinilah mereka atas dasar agama. Seorang sahaya yang hitam, berbibir tebal yang beragama adalah lebih baik”

Manifestasi daripada tuntutan di atas, jelas menunjukkan pensyariatan mengenai pemilihan pasangan dalam perkahwinan adalah digalakkan kepada pasangan yang berpegang kepada agama, sehingga mengatasi faktor bangsa, kaum, etnik dan sebagainya kerana Islam amat memandang berat terhadap pasangan yang beriman dan beramal soleh kerana ianya mencakupi ucapan dan perbuatan sebagai mencerminkan peribadi pasangan. Selain itu, perkahwinan yang bahagia juga bersandarkan kepada keseimbangan dari semua faktor termasuklah juga keturunan. Faktor keturunan yang baik bertujuan memelihara kesucian umat Rasulullah s.a.w. dan seterusnya memenuhi *maqāṣid* pembinaan keluarga iaitu memelihara keturunan (*hifz al-nasl*)¹⁷ dan seterusnya mampu mencapai kebahagiaan dan keredaan Allah s.w.t. di dunia dan akhirat.¹⁸

1.2 Penyataan Masalah Kajian

Berikut adalah gambaran mengenai statistik perkahwinan warganegeri Selangor dengan warganegara asing di Selangor Tahun 2009.

¹⁷ Yūsuf Aḥmad Muḥammad al-Badāwy (2000), *Maqāṣid al-Syarī‘ah ,Indi Ibn Taymiyyah*, j. 1, al-‘Urdūn: Dār al-Nafā‘is, h. 471.

¹⁸ Paizah Ismail (2003), *Kekeluargaan Islam Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 147.

Jadual 1.1: Statistik Perkahwinan Warganegeri Selangor dengan Warganegara Asing di Selangor Tahun 2009¹⁹

NEGARA	PASANGAN		JUMLAH
	LELAKI	PEREMPUAN	
Bangladesh	15	0	15
India	10	10	20
Indonesia	72	234	306
Thailand	6	20	26
Pakistan	7	0	7
Filipina	1	4	5
Singapura	2	1	3
Kemboja	2	4	6
Mesir	1	0	1
Myanmar	3	1	4
China	0	1	1
Sudan	1	0	1
United Kingdom	1	0	1
Sri Lanka	2	0	2
Itali	1	0	1
Amerika	3	0	3
Turki	1	0	1
Somalia	1	3	4
Jordan	1	0	1
Combodia	0	1	1
Australia	2	0	2
Bosnia	1	1	2
Lain-Lain	6	0	6
JUMLAH	139	280	419

Sumber: Unit Dokumen Nikah, Cerai & Rujuk, Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS.

Merujuk kepada statistik perkahwinan campur di Selangor, didapati jumlahnya terus meningkat dari semasa ke semasa meskipun tidak terlalu drastik. Perkahwinan campur di antara warganegeri Selangor dengan rakyat

¹⁹ Statistik Penceran dalam kalangan pasangan kahwin campur tidak dapat diberikan kerana tidak ada catatan dan maklumat mengenainya di pejabat Unit Dokumen Nikah Cerai Rujuk, Bahagian Undang-Undang Keluarga di JAIS, Selangor Darul Ehsan.

asing pada tahun 2009 ialah seramai 419²⁰ pasangan daripada 17299²¹ iaitu mewakili 2.42% daripada perkahwinan di Selangor. Kenyataan ini menampakkan bahawa terdapat kecenderungan dalam kalangan masyarakat di Selangor dalam memilih pasangan bangsa asing dan negara luar.

Hasil daripada pembangunan dan kemajuan yang pesat, negeri Selangor telah menjadi negeri yang mempunyai penduduk yang ramai dari pelbagai etnik dan bangsa²² terdiri daripada Melayu sebagai penduduk majoriti diikuti oleh Cina dan India seterusnya bangsa-bangsa lain.²³ Menurut perangkaan penduduk negeri Selangor tahun 2000, kaum Melayu telah meningkat kepada 1,728346 orang manakala kaum Cina pula 1,143077 orang. Seterusnya, kaum India dicatatkan seramai 502,359 orang, bangsa-bangsa lain mencecah angka 38,869 dan penduduk bukan warganegara di negeri Selangor ialah sebanyak 165,928 orang.²⁴

**Jadual 1.2: Banci Penduduk negeri Selangor Mengikut Kumpulan Etnik
Tahun 2000²⁵**

Kumpulan Etnik	Jumlah
Melayu	1,728346
Cina	1,143077
India	502,359
Lain-lain	38,869

²⁰ Norsuhana bt Rashib, Pegawai di Unit Dokumen Nikah, Cerai & Rujuk, Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS. Temubual pada 22 Disember 2009 di JAIS Shah Alam.

²¹ Ibid.

²² Jabatan Perangkaan Malaysia (2008), *Buku Tahunan Perangkaan Year of Statistics Malaysia 2007*, Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, h. 37- 43.

²³ Jabatan Perangkaan Malaysia (2000), *Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim*, Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, h. 147-150.

²⁴ Ibid.

²⁵ Ibid.

Bukan Warganegara	165,928
Jumlah	3,578,579²⁶

Sumber: Jabatan Perangkaan, Banci Penduduk Selangor 2000, Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Merujuk kepada rajah di atas, tidak dapat dinafikan bahawa faktor-faktor di atas boleh mempengaruhi dan menyumbang ke arah berlakunya perkahwinan campur di negeri Selangor kerana apabila ditinjau daripada aspek imigrasi²⁷, didapati jumlah imigrasi antarabangsa yang masuk ke negeri Selangor sepanjang tahun 2000 ialah sebanyak 4.6%²⁸ daripada jumlah penduduk negeri iaitu sebanyak 165,928 orang. Walaupun fenomena perkahwinan campur ini umumnya tidak menjadi satu isu yang besar, namun masih terdapat beberapa persoalan mengenai kualiti perkahwinan pasangan kahwin campur ini dari segi kesannya terhadap kebahagiaan keluarga.

Justeru, tidak dinafikan bahawa perkahwinan seperti ini adalah lebih mencabar²⁹ dan berisiko sebelum dan sepanjang perkahwinan mereka disebabkan pertembungan nilai dan cara hidup yang berbeza.³⁰ Situasi sebegini memerlukan kesefahaman dan toleransi yang tinggi dan mendalam di antara pasangan suami isteri kerana perkahwinan campur membabitkan soal

²⁶ Bancian penduduk dilakukan selama 10 tahun sekali. Data terkini banci penduduk negeri Selangor mengikut kumpulan etnik adalah pada tahun 2000.

²⁷ Imigrasi dalam erti kata moden merujuk kepada pergerakan orang-orang dari sebuah Negara bangsa ke sebuah negara bangsa yang lain di mana mereka tidak merupakan warganegara. Imigrasi melibatkan kediaman tetap jangka panjang oleh pendatang-pendatang.

²⁸ Jumlah imigrasi di Selangor dikira berdasarkan jumlah peratusan penduduk bukan warganegara dibahagi dengan jumlah keseluruhan penduduk negeri Selangor.

²⁹ Zulkifli Jalil, (26 Februari 2010) –Waspada Kahwin Campur”, Utusan Malaysia, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0226&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm&arc=hive, 26 Februari 2010.

³⁰ Dugan Romano (1988), *Inter-Cultural Marriage: Promises and Pitfalls*, USA: Intercultural Press Inc., h. 17.

berkaitan agama, bangsa, adat resam, kepercayaan, nilai diri, peranan gender, dan sistem sosial.³¹

Berdasarkan kepada permasalahan kualiti perkahwinan, amatlah wajar untuk melihat dan mengkaji dengan lebih mendalam terhadap amalan perkahwinan campur di Selangor serta melihat sejauh mana kesannya dalam mempengaruhi kebahagiaan keluarga. Selain itu, pengkaji merasakan kajian ini perlu dilakukan untuk mengenal pasti sejauh mana aspek positif yang boleh menyumbang ke arah perpaduan masyarakat majmuk dan integrasi dua budaya. Kajian ini juga turut menilai aspek perbezaan dan masalah yang mungkin timbul disusuli dengan nilai pembudayaan dalam perkahwinan campur berserta kesannya terhadap kebahagiaan keluarga.

1.3 Soalan Kajian

Berdasarkan latar belakang masalah di atas, tujuan dan fokus utama kajian ini adalah untuk menghuraikan mengenai konsep perkahwinan campur dari perspektif sosiologi dan Islam dan sejauh mana amalan perkahwinan campur ini dapat memberi kesan terhadap kebahagiaan keluarga dalam Islam. Kajian ini perlu menjelaskan persoalan berikut:

- 1) Apakah konsep perkahwinan campur menurut perspektif sosiologi dan Islam?**
- 2) Apakah konsep kebahagiaan keluarga menurut Islam?**

³¹ Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Tan Jo-Pei (2003), *op.cit.*, h. 7.

- 3) Adakah amalan perkahwinan campur memberi kesan terhadap kebahagiaan keluarga?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan masalah yang dinyatakan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat tiga objektif utama yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu:

1. Menjelaskan konsep perkahwinan campur dari sudut sosio-fiqh;
2. Menghuraikan konsep kebahagiaan keluarga menurut Islam;
3. Menganalisis kesan daripada amalan perkahwinan campur terhadap kebahagiaan keluarga di Selangor.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan memberikan manfaat kepada:

1. Pihak berkuasa agama Negeri, persekutuan, badan bukan kerajaan (NGO) termasuklah Jabatan Agama Islam negeri Selangor (JAIS) serta jabatan-jabatan agama Islam lain, Jabatan Kehakiman Syarie Selangor (JAKESS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) serta badan-badan organisasi Islam yang lain dalam mempertingkatkan pemeliharaan dan pemerkasaan institusi kekeluargaan Islam sebagai institusi ulung di Malaysia.

2. Pihak pengamal bidang sosiologi dan pembangunan keluarga dalam memberi sumbangan informasi dan ilmu pengetahuan, khususnya dalam bidang kekeluargaan Islam selain memberi kefahaman dan pendedahan yang komprehensif tentang konsep perkahwinan campur dan realitinya di Malaysia. Ia juga akan dapat memperjelaskan tentang keunikan dan keistimewaan perkahwinan campur sebagai salah satu alternatif dalam perkahwinan masyarakat Islam.
3. Para pelajar dan pengkaji dalam menambah bahan rujukan ilmiah dan kajian Islam di Jabatan Fiqh dan Usul disamping dijadikan sebagai kajian keilmuan di Universiti Malaya.

1.6 Skop Kajian

Analisa tentang konsep perkahwinan campur dan kebahagiaannya difokuskan kepada beberapa skop perbincangan:

Kajian ini umumnya melihat mengenai perkahwinan campur dari sudut sosiologi dan fiqh. Perbincangan tentang perkahwinan campur dan teori-teorinya dirujuk daripada buku-buku kontemporari, kitab-kitab fiqh, tafsir serta hadith yang kemudiannya difokuskan kepada pemakaianya dalam aspek kehidupan sosial termasuk bangsa, adat, budaya, sokongan sosial serta prinsip kekeluargaan Islam. Ia bertujuan untuk menghasilkan satu penjelasan mengenai struktur dan proses-proses sosial termasuklah perbezaan dan

perubahan sosial di samping membawakan hukum dan hikmah perkahwinan campur dalam Islam.

Kajian diskopkan kepada lapan pasangan responden daripada ras utama di Selangor di mana ia hanya melibatkan individu yang berkahwin campur sahaja. Terdapat tiga kriteria penting yang diambil kira iaitu i) Salah seorang pasangan adalah penduduk negeri Selangor ii) Individu tersebut mestilah berkahwin dengan warganegara asing dan iii) Pasangan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak berusia setahun dan ke atas (bertujuan untuk pengukuran cara gaya keibubapaan). Kajian dijalankan di empat zon utama di seluruh Negeri Selangor iaitu zon utara yang diwaliki oleh daerah Hulu Selangor, zon barat iaitu daerah Petaling, zon timur iaitu daerah Gombak dan zon selatan iaitu daerah Kuala Langat.

Rajah 1.3: Peta Daerah Negeri Selangor



Sumber: Peta Selangor, [http://www.jpbd selangor.gov.my](http://www.jpbdselangor.gov.my)³²

Data asas mengenai maklumat pasangan yang berkahwin campur telah diperolehi melalui jabatan-jabatan tertentu seperti Unit Dokumen Nikah, Cerai dan Rujuk, Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS, Bahagian Pembangunan Insan MAIS, pejabat agama daerah iaitu PAID Hulu Selangor, PAID Petaling, PAID Gombak, PAID Kuala Langat.

Justifikasi kajian ini difokuskan dalam kalangan pasangan campur di Negeri Selangor kerana Selangor ialah sebuah negeri yang mempunyai bilangan penduduk teramai di Malaysia dan mempunyai kadar imigrasi yang tinggi.³³ Maklumat ini merujuk kepada unjuran penduduk dan isi rumah tahun 2009 iaitu seramai 5,179,600³⁴ orang dan jumlah imigrasi sebanyak 4.6% pada tahun 2000.³⁵ Selangor juga merupakan sebuah negeri yang termaju dan mempunyai masyarakat majmuk yang ramai dari pelbagai bangsa kerana kebanyakan daripada mereka berhijrah ke negeri ini atas faktor peluang pekerjaan, pendidikan, ekonomi, sosial dan lokasi.³⁶ Selain itu, justifikasi kajian ini memilih pasangan kahwin campur daripada warganegeri Selangor dan warganegara asing disebabkan perkahwinan silang bangsa ini mempunyai ciri yang tersendiri termasuklah cabaran dan risiko yang lebih tinggi

³² Peta Daerah Negeri Selangor, <http://www.jpbd selangor.gov.my>, 1 Januari 2010.

³³ Jabatan Perangkaan Malaysia, “Penduduk, Isi Rumah, Tempat Kediaman Malaysia 2009”, www.statistics.gov.my, 1 Januari 2010, h. 1-2.

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Data Penduduk, Isi Rumah dan Tempat Kediaman 2009 adalah data unjuran yang berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000. Bancian data penduduk yang terkini adalah pada tahun 2000 dan unjuran terkini penduduk adalah pada tahun 2009.

³⁶ Pengisytiharan Selangor sebagai Negeri Maju, Kerajaan Negeri Selangor, <http://www.selangor.gov.my/main.php?Content=vertsections&SubVertSectionID=124&VertSectionID=375&CurLocation=120&IID=&Page=1>, 20 Januari 2010.

disebabkan perbezaan cara kehidupan serta nilai diri³⁷ pasangan tersebut malah mereka juga kurang terdedah kepada cara dan budaya masyarakat Melayu di Malaysia.³⁸

Seterusnya, kajian ini juga cenderung untuk melihat kesan perkahwinan campur terhadap kebahagiaan keluarga di mana penulis merungkai mengenai konsep kebahagiaan menurut sarjana Islam dan bukan Islam, di samping membina teori kebahagiaan hasil daripada pandangan sarjana Islam dan bukan Islam sebagai indikator pengukur kepada kebahagiaan pasangan kahwin campur. Justifikasi pemilihan pandangan sarjana seperti Imām al-Ghazālī, al-Fārābī, Ibn Miskawayh dan al-Attas adalah disebabkan mereka merupakan tokoh yang banyak membincangkan mengenai jiwa, hati, bahagia dan juga tertumpu secara langsung, teratur dan tersusun kepada perbincangan untuk mendapatkan kebahagiaan berdasarkan al-Quran dan al-Hadith di samping mengambil kira pandangan para fuqaha' dan ilmuwan lain. Namun begitu beberapa sarjana Islam turut sama membincangkan mengenai kebahagiaan antaranya Ibn Khaldūn, Abū Dardā' dan Hamka.

Manakala, justifikasi perbincangan dari sudut pandangan bukan Islam dan sekular ditonjolkan daripada pelbagai dimensi berbeza terutamanya daripada pandangan ahli falsafah, sosiologi, teologi seperti teori *well-being*, Buddhist, Aristotle dan Plato di samping membandingkan pandangan mereka terhadap

³⁷ Constable, Nicole (2005), "Introduction: Cross-Border Marriages, Gendered Mobility and Global Hpergamy" dalam Constable, Nicole, *Cross-Border Marriages Gender and Mobility in Transnational Asia*, Philadelphia: University of Pennsylvania, h. 2-3.

³⁸ Mohd Fadly Samsudin (4 Disember 2009), "Kahwin Campur", *Harian Metro*, http://www1.bharian.com.my/Current_News/myMetro/Friday/AdDin/20091204143856/Article/indexv_html, 22 Februari 2010.

definisi kebahagiaan dalam Islam kerana pada dasarnya pandangan-pandangan tersebut juga diambil oleh masyarakat umum sebagai salah satu sumber pengetahuan dalam mendapatkan kebahagiaan.

1.7 Metodologi Penyelidikan

1.7.1 Metodologi Pengumpulan Data³⁹

1.7.1.1 Kajian Kepustakaan

Penulis melakukan kajian kepustakaan di beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Antara perpustakaan tersebut ialah Perpustakaan Utama, Perpustakaan Peringatan Za‘ba, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Perpustakaan Nilam Puri, Kelantan Darul Naim. Seterusnya, penulis juga mengumpulkan bahan dari Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur serta Perpustakaan Tun Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia.

Dalam kajian ini, kaedah pengumpulan data sekunder melalui kajian perpustakaan dilakukan berdasarkan dari sumber-sumber seperti kitab-kitab fiqh al-Munākahāt, ‘Uṣūl al-Fiqh, Taṣawwūf, Tafsīr, Ḥadīth, Fatwa, Sejarah, buku-buku Sosiologi, Antropologi, Filosofi, jurnal, tesis, disertasi, dokumen-dokumen seperti peta, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 terutamanya yang melibatkan bidang perkahwinan campur,

³⁹ Asmah Omar (2002), *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 10.

kekeluargaan Islam, filosofi dan pemikiran Islam bagi mendapatkan data dan maklumat secara teori (*theoretical*) berkaitan perkahwinan campur dan kebahagiaan keluarga.

Secara keseluruhannya, kaedah pengumpulan data sekunder secara kajian kepustakaan telah diaplikasikan dalam bab kedua dan ketiga yang mana kesemua bab tersebut mengaplikasi konsep asas dan umum mengenai perkahwinan campur dan kebahagiaan keluarga.

1.7.1.2 Temubual⁴⁰

1.7.1.2.1 Temubual Semi-Struktur⁴¹

Pada peringkat awal kajian lapangan, penulis mendapatkan maklumat dan data primer secara langsung dengan melakukan temubual semi-struktur melibatkan organisasi seperti di Jabatan Perangkaan Negeri Selangor bagi mendapatkan maklumat bincian dan unjuran Penduduk Negeri Selangor Mengikut Kumpulan Etnik, di Bahagian Pembangunan Insan MAIS untuk data statistik saudara baru yang memeluk Islam, di Unit Dokumen Nikah, Cerai & Rujuk, Bahagian Undang-Undang Keluarga (JAIS) bagi data statistik nikah, cerai, rujuk dan aduan tahun 2008-2009 dan peratusan perkahwinan campur di negeri Selangor, di PAID Hulu Selangor, Petaling, Gombak dan Kuala Langat untuk mendapatkan maklumat asas responden.

⁴⁰ Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*, Buku 1, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, h. 141-113.

⁴¹ *Ibid.*, h. 116-117.

1.7.1.2.2 Temubual Berstruktur⁴²

Manakala dalam peringkat kedua kajian lapangan ini, penulis telah menggunakan kaedah temubual berstruktur atau mendalam⁴³ di mana ia bertujuan untuk mendapat sebanyak mungkin maklumat yang tepat daripada responden dengan menumpukan kepada keseragaman soalan dan jawapan. Soalan yang diajukan kepada responden adalah mengikut susunan dalam panduan yang disediakan.⁴⁴ Temubual dilakukan bersama lapan pasangan responden yang terdiri penduduk Negeri Selangor yang berkahwin dengan warganegara asing dan sekurang-kurangnya mempunyai seorang anak berusia setahun dan ke atas. Keseluruhan kajian lapangan ini diaplikasikan dalam bab keempat.

1.7.2 Kaedah Persampelan

1.7.2.1 Persampelan Bertujuan⁴⁵

Bagi memilih sampel daripada populasi yang sangat besar, penulis menggunakan reka bentuk sampel bertujuan bagi memastikan subjek kajian yang dipilih berdasarkan tujuan dan kehendak kajian.⁴⁶ Kajian yang dijalankan penulis adalah melibatkan amalan perkahwinan campur dalam kalangan rakyat di Negeri Selangor dengan warganegara asing yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang berumur setahun ke atas. Oleh yang demikian,

⁴² *Ibid.*, h. 114-115.

⁴³ Micheal Quinn Patton (1987), *How to Use Methods in Evaluation*, London: Sage Publication, h. 108-109.

⁴⁴ *Ibid.*, h. 110.

⁴⁵ Syed Arabi Idid (2002), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 67-68.

⁴⁶ *Ibid.*

responden dipilih dan ditetapkan mengikut ciri-ciri khas dan faktor-faktor limitasi kajian bertujuan untuk melakukan temubual yang mendalam dan khusus kepada responden tersebut.

Walaupun hasil penemuan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada seluruh populasi perkahwinan campur di Negeri Selangor, tetapi ianya dapat menggambarkan realiti yang mewakili subjek kajian perkahwinan campur berdasarkan responden yang telah dipilih.⁴⁷ Penulis telah menentukan kawasan atau *frame* yang boleh mewakili populasi kajian di mana kawasan kajian dibahagikan kepada empat zon utama mewakili zon utara iaitu Hulu Langat, zon barat iaitu Petaling, zon timur iaitu Gombak dan zon selatan iaitu Kuala Langat. Oleh yang demikian, penulis menemubual lapan pasangan responden seperti yang diilustrasikan dalam Jadual 1.4:

Jadual 1.4: Taburan Responden Mengikut Zon dan Daerah di Negeri Selangor

Zon	Daerah	Bilangan Responden
Utara	Hulu Selangor	2
Selatan	Kuala Langat	2
Timur	Gombak	2
Barat	Petaling	2
Jumlah Keseluruhan		8

Bilangan ini adalah merujuk kepada data dan statistik perkahwinan campur yang diperolehi daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan juga daripada bancian penduduk Negeri Selangor mengikut kumpulan etnik

⁴⁷ Chua Yan Piaw (2006), *op.cit.*, h. 201.

yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Negeri Selangor. Kaedah ini secara khususnya digunakan dalam bab pertama dan keempat.

1.7.3 Metodologi Penganalisaan Data

Data-data yang dianalisis diuraikan dengan terperinci dalam bab kedua dan bab keempat. Oleh yang demikian, dalam membuat penganalisaan data, penulis telah menggunakan beberapa kaedah iaitu:

1.7.3.1 Metode Analisis Hukum⁴⁸: Kaedah ini digunakan dalam membuat penelitian terhadap sesuatu hukum berdasarkan hujuh-hujah, alasan dan kaedah tertentu. Dalam konteks kajian ini, penelitian khusus akan diberikan kepada pentafsiran para fuqaha' tentang konsep perkahwinan dalam Islam secara umum dan mengkhususkan penelitian kepada konsep kebahagiaan keluarga. Analisis juga dilakukan terhadap pentafsiran para fuqaha' tentang kaedah-kaedah fiqh bagi hukum perkahwinan campur. Metode ini pada dasarnya digunakan dalam bab kedua dan ketiga.

1.7.3.2 Metode Induktif⁴⁹: Kaedah ini adalah satu cara penganalisaan data melalui kaedah mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus kepada kesimpulan yang umum terutamanya terhadap sesuatu masalah yang tidak ada ketentuan nas daripada al-Quran dan al-Sunnah. Penggunaan metode ini diaplikasi dalam bab keempat dan kelima iaitu dalam menganalisis dan menjelaskan mengenai kesan perkahwinan campur dan kebahagiaan keluarga

⁴⁸ Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., h. 98-99.

⁴⁹ Micheal Quinn Patton (1987), *op.cit.*, h. 150.

pasangan campur tersebut secara khusus iaitu dengan menemubual responden melalui soalan temubual secara mendalam tentang perkahwinan campur dan kebahagiaan keluarga. Metode ini juga banyak digunakan untuk menyimpulkan maklumat terutamanya dalam menjelaskan kesan perkahwinan campur dan hubungannya dengan kebahagiaan keluarga.

1.7.3.3 Metode Deduktif⁵⁰: Kaedah ini adalah satu cara menganalisa data dan melakukan penulisan berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpandukan maklumat umum yang terkandung dalam sumber naqlī terhadap hal-hal yang khusus.⁵¹ Penggunaan metode ini adalah seperti di dalam bab kedua dan ketiga dalam membentangkan mengenai konsep perkahwinan campur dan konsep kebahagiaan keluarga melalui penerangan dalil-dalil dan pandangan umum mengenai perkahwinan campur menurut sosiologi dan Islam serta penjelasan teori kebahagiaan secara terperinci. Oleh yang demikian, dalam kaedah ini penulis akan membawa maklumat umum dan seterusnya membentangkan kesimpulan khusus bagi setiap bab.

1.8 Kajian-Kajian Lepas

1.8.1 Kajian Perkahwinan Campur

Rozumah Baharudin *et al.* (2003)⁵² dalam monograf yang bertajuk “*Perkahwinan Campur di Malaysia*” membincangkan mengenai fenomena perkahwinan campur di Malaysia. Penulis melakukan kajian ini menggunakan

⁵⁰ Idris Awang (2009), *op.cit.*, h. 101-102.

⁵¹ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta: FIRKIP, h. 52-53.

⁵² Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari dan Tan Jo-Pei (2003), *op.cit.*

reka bentuk tinjauan (*exploratory*) dan deskriptif melalui kaedah kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik kepada 659 responden iaitu 261 responden lelaki dan 389 responden perempuan yang terdiri daripada empat ras/etnik utama hasil gabungan suami-isteri Melayu-Cina, Melayu-Bumiputera Sarawak, Cina-Melayu dan India-Melayu. Kriteria sampel kajian ialah salah seorang atau kedua-dua pasangan berkahwin campur, warganegara atau bermastautin di Malaysia dan sekurang-kurangnya mempunyai seorang anak berusia 5 hingga 18 tahun. Daripada soal selidik tersebut, penulis menganalisis pelbagai faktor sebelum dan selepas perkahwinan dibuat terutamanya yang berkaitan dengan faktor umur ketika berkahwin, tempoh perkahwinan, tempoh perkenalan, pemilihan pasangan, konflik serta cadangan dalam menjayakan amalan perkahwinan ini. Kesimpulan kajian ini, penulis menjelaskan majoriti pasangan berkahwin pada usia muda (purata=25 tahun) dan telah berkahwin untuk tempoh selama purata 14.5 tahun. Kebanyakan responden mengambil masa hampir 2 tahun sebelum membuat keputusan untuk berkahwin campur. Antara sebab mengapa responden mengambil masa yang lama ialah wujud halangan dan tentangan dari ahli keluarga terdekat. Faktor pendorong berkahwin campur ialah berkaitan ras seperti keunikan berkahwin campur, komunikasi dan keturunan, minat dan cinta, saudara mara terdekat berkahwin campur. Faktor yang menimbulkan konflik ialah cara hidup budaya yang berlainan, sikap dan tingkahlaku, bahasa pertuturan, amalan dan ajaran agama. Kebanyakan responden mengaku lebih terbuka terhadap identiti anak. Walau bagaimanapun bagi responden beragama Islam, identiti diri mengikut agama lebih diberi penekanan. Kebanyakan responden menyatakan bahawa perkahwinan campur dapat menyumbang kepada perpaduan antara kaum di

negara ini kerana dapat memahami, menghormati dan bertoleransi dengan adat dan cara hidup, makanan dan perayaan antara kaum. Hasil kajian menyatakan galakan terhadap amalan perkahwinan campur kerana ianya menarik serta dapat menghasilkan zuriat yang cerdas dan boleh menjadi katalis kepada perpaduan kaum. Justeru, terdapat perbezaan dari sudut skop kajian dengan penulis di atas iaitu analisis perkahwinan campur dari sudut sosio-fiqh dan kebahagiaan dalam prinsip kekeluargaan Islam. Penulis juga menggunakan kaedah penyelidikan temubual semi-struktur dan berstruktur iaitu dengan mendapatkan data daripada Unit Nikah Rujuk Cerai, JAIS, manakala data kajian penulis di atas diambil dari Jabatan Pendaftaran Negara. Oleh yang demikian, sampel kajian antara penulis berlainan iaitu khusus kepada masyarakat Muslim dengan pasangan kahwin campur luar negara.

Dugan Romano (1988)⁵³ pula dalam bukunya yang bertajuk “*Inter-Cultural Marriage: Promises and Pitfalls*” telah mengengahkan pelbagai peringkat yang berlaku sebelum dan selepas mengambil keputusan berkahwin silang budaya. Antara peringkat tersebut termasuklah faktor pemilihan pasangan seperti responden mempunyai perasaan terbuang daripada kelompok masyarakat sendiri, suka memberontak dan mencari kebebasan, tidak suka terikat dengan kelas masyarakat sendiri, suka sesuatu yang mencabar dan berbeza, dan suka lari dari kenyataan. Selain itu, peringkat kedua iaitu peringkat penyesuaian daripada aspek kehidupan selepas berkahwin seperti makanan dan minuman, peranan wanita dan lelaki, pemilihan tempat tinggal, pandangan politik, pemilihan kawan-kawan, pengurusan kewangan, hubungan

⁵³ Dugan Romano (1988), *Inter-Cultural Marriage: Promises and Pitfalls*, USA: Intercultural Press Inc.

ipar duai, konflik kelas sosial, cara membesarakan anak-anak, bahasa dan komunikasi, pengurusan tekanan, kesakitan dan penderaan. Proses-proses penyesuaian ini berlaku antara pasangan pada peringkat awal perkahwinan disebabkan perbezaan cara hidup yang berpotensi membawa kepada masalah ketidakfahaman atau kesulitan yang tidak diduga yang mungkin berlaku bagi setiap pasangan yang berkahwin campur. Pada peringkat akhir, buku ini turut menyediakan beberapa langkah penyelesaian yang praktikal dalam menangani konflik yang timbul dalam membina kejayaan bagi sebuah perkahwinan campur seperti menyerahkan dan memberikan sepenuh peluang kepada budaya pasangan dan menyesuaikannya dengan budaya sendiri, bertolak ansur dengan memberi kesaksamaan dan fleksibel terhadap sesuatu adat dan cara hidup kedua pasangan. Oleh yang demikian, buku ini berbeza daripada kajian penulis di mana sampel kajian adalah dalam kalangan pasangan kahwin campur di Barat dan perbincangan yang dilontarkan juga adalah daripada perspektif bukan Islam.

Seterusnya Thomas W. Maretzki (1977)⁵⁴ dan Rosemary Breger *et al.* (1998)⁵⁵ dalam artikel “*Intercultural Marriage: an Introduction*” dan “*Introducing Mixed Marriage*”, turut membincangkan mengenai tafsiran yang sesuai dan bertepatan mengenai perkahwinan campur yang membawa kepada konsep-konsep yang berkaitan dengan perkahwinan campur. Artikel ini turut menerangkan tentang situasi dan permasalahan khusus dalam perkahwinan campur seperti perbezaan bahasa, personaliti, budaya, aktiviti

⁵⁴ W. Maretzki, Thomas (1977), “Intercultural Marriage: An Introduction” dalam W. Maretzki, Thomas *et al. Adjustment in Intercultural Marriage*, Hawaii: The University Press of Hawaii.

⁵⁵ Rosemary Breger & Rosanna Hill (1998), “Introducing Mixed Marriage” dalam Rosemary Breger & Rosanna Hill *Cross-Cultural Marriage: Identity and Choice*, New York: Berg.

kehidupan dan adat tradisi. Selain itu, penulis turut membincangkan punca permasalahan dalam kalangan pasangan kahwin campur dan mendapati faktor utama konflik antara pasangan adalah disebabkan perbezaan identiti dan nilai diri. Justeru, faktor tersebut cenderung memberi kesan negatif kepada kualiti perkahwinan pasangan seperti sering membanding-bandinkan jenis entik, budaya, cara hidup, bangsa dan Negara. Oleh yang demikian, hasil pemerhatian dan kajian, penulis telah menyimpulkan bahawa pasangan kahwin campur seringkali berhadapan dengan masalah pergelutan identiti dan nilai diri, namun kadangkala masalah tersebut dianggap mampu memperkayakan identiti sesebuah bangsa. Artikel ini berbeza daripada kajian penulis kerana skop perbincangan artikel tertumpu kepada faktor pemilihan perkahwinan campur, punca permasalahan dan konflik dalam perkahwinan campur daripada penceritaan dan pengalaman responden kahwin campur di Eropah.

Berkaitan dengan peluang, pemilihan pasangan dan persekitaran terhadap perkahwinan campur, kajian telah dilakukan oleh Jane Khatib Chadidi *et al.* (1998)⁵⁶ yang bertajuk “***Chance, Choice and Circumstance: a Study of Women in Cross-cultural Marriage***”, mengkaji mengenai satu kajian kepada 20 orang wanita dalam perkahwinan campur dengan menggunakan kaedah temubual mendalam dan tidak berstuktur. Setiap responden dikehendaki mengambil ujian personaliti bagi mendapat bentuk pengalaman sebelum mereka mengambil keputusan untuk berkahwin campur. Dua puluh wanita tersebut terdiri dari sembilan buah negara seperti Britain,

⁵⁶ Chadidi, Jane Khatib *et al.* (1998) –“Chance, Choice and Circumstance: A Study of Women in Cross-cultural Marriage” dalam Rosemary Breger & Rosanna Hill (1998), *Cross-Cultural Marriage: Identity and Choice*, New York: Berg.

Amerika Syarikat, Turki, Cyprus, Austria, Perancis, Iran, Sepanyol dan Rusia. Hasil kajian mendapati majoriti daripada mereka mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi di mana 15 wanita tersebut adalah lulusan universiti, empat orang memiliki ijazah kedoktoran dan sebahagian yang lain memiliki kelulusan pascasiswazah. Oleh yang demikian, kebanyakannya daripada mereka mendedahkan bahawa mereka mempunyai pengalaman yang positif ketika bersama bangsa asing dan lebih terdedah dengan budaya lain kerana sering berada di luar negara. Justeru, terdapat perbezaan berkenaan sampel kajian yang digunakan kerana penulis di atas menemubual pihak isteri daripada perkahwinan campur sahaja bagi mendapatkan pandangan dan pengalaman daripada perspektif wanita yang berkahwin campur.

Mai Yamani (1998)⁵⁷ dalam tulisannya “*Cross Cultural Marriage within Islam: Ideal and Reality*”, mengkaji mengenai perkahwinan campur dalam Islam dari pelbagai aspek perundangan Islam. Penulis telah menggunakan sampel daripada wanita Arab Saudi dan lelaki Pakistan yang terdiri daripada Mazhab Sunni dengan melihat kepada masalah-masalah praktikal yang muncul daripada perkahwinan ini. Di samping itu, kajian ini juga turut membentangkan beberapa syarat khusus dalam perkahwinan Islam dan melihat bagaimanakah ianya memberi kesan terhadap perkahwinan campur. Kemudian, penulis secara khususnya menerangkan perbezaan-perbezaan yang wujud dalam perkahwinan komuniti antarabangsa Muslim terutamanya dalam tradisi dan amalan kehidupan. Selain itu, kajian ini turut menjelaskan beberapa masalah praktikal yang boleh timbul seperti yang

⁵⁷ Mai Yamani (1998), “Cross Cultural Marriage within Islam: Ideal and Reality” dalam Rosemary Breger & Rosanna Hill, *Cross-Cultural Marriage: Identity and Choice*, New York: Berg.

diilustrasikan melalui pengalaman peribadi pasangan. Di akhir kajian ini, penulis membawakan perbincangan bagaimana keharmonian dicapai bagi pasangan kahwin campur adalah melalui cara mengalihkan kontek budaya masing-masing kepada kontek yang lebih bersifat neutral dan tidak terikat pada mana-mana budaya pasangan. Justeru, terdapat perbezaan dari sudut skop kajian dengan penulis di atas yang mana penulis cenderung membincangkan mengenai responden kahwin campur daripada sudut perundangan Islam, berbeza dengan penulis membincangkan perkahwinan campur menurut sosiologi dan Islam.

Manakala di Singapura, beberapa kajian turut dilakukan mengenai perkahwinan campur di antaranya ialah Hassan *et al.* (1972)⁵⁸ bertajuk ***“Ethnic Outmarriage Rates in Singapore: the Influence of Traditional Socio-Cultural Organization”***. Pengkaji telah melaporkan kadar perkahwinan campur yang berlaku di Singapura terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik iaitu Cina, Melayu dan India serta Eropah dan Eurasian. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat variasi dalam kadar perkahwinan campur di Singapura dan memperlihatkan pengaruh etnik dan agama dalam organisasi keluarga lebih kuat ditekankan berbanding daripada pengaruh kedudukan dan pendidikan pasangan.

Manakala, Eddie *et al.* (1974)⁵⁹ telah melakukan kajian bertajuk ***“Some Social Concomitants of Interethnic Marriage in Singapore”***. Penulis

⁵⁸ Hassan, Riaz dan Benjamin, Riaz (1972), *“Ethnic Outmarriage Rates in Singapore: The Influence of Traditional Socio-Cultural Organization”* (Kajian Ilmiah, Department of Sociology, University of Singapore).

⁵⁹ Kue, Eddie C.Y dan Hassan, Riaz (1974), *“Some Social Concomitants of Interethnic Marriage In Singapore”*, (Kajian Ilmiah, Department of Sociology, University of Singapore).

mengkaji faktor-faktor sosial yang memainkan pengaruh kepada kadar perkahwinan campur di Singapura. Empat faktor yang dikaji ialah taraf sebelum berkahwin, status sosial, ekonomi responden, agama dan umur. Turut mengkaji mengenai perkahwinan campur di Singapura ialah Chew dan Mac Dougall (1977)⁶⁰ bertajuk “*Forever Plural: the Perception and Practice of Inter-communal Marriage in Singapore*”, mengkaji mengenai amalan dan persepsi orang ramai terhadap perkahwinan campur antara komunal di Singapura. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa daripada tahun 1960-an hingga pertengahan 1970-an peratusan perkahwinan campur adalah lebih kurang 5-6% berbanding dengan perkahwinan biasa dan keadaan ini adalah tidak seimbang jika dibandingkan dengan perkahwinan yang sedia ada.

Manakala, kajian yang dilakukan oleh Tan Poo Chang (1986)⁶¹ bertajuk “*Some Findings on Ethnic Intermarriage in Peninsular Malaysia*”, menyelusuri mengenai beberapa penemuan dalam perkahwinan antara etnik di Semenanjung Malaysia yang dikhurasukan kepada etnik Melayu sebagai majoriti juga Cina serta India. Dalam penulisan tersebut, menunjukkan kepada hasil kajian iaitu etnik Melayu mempunyai kecenderungan yang rendah untuk mengahwini pasangan yang di luar daripada etnik kumpulan. Namun bagi sesetengah etnik Melayu yang berkahwin campur, kebanyakannya daripada mereka berkahwin dengan etnik India kerana mempunyai cara kehidupan dan adat yang hampir sama.

⁶⁰ Chew Sock Foon dan Mac Dougall, John A. (1977), *Forever Plural: The Perception and Practice of Inter-communal Marriage in Singapore*, Ohio University: Center for International Studies.

⁶¹ Tan Poo Chang (1986), “Some Findings on Ethnic Intermarriage in Peninsular Malaysia dalam Persatuan Sains Sosial Malaysia”, (Kertas Kerja Seminar Himpunan Sains Sosial di Universiti Malaya, 1-2 Disember 1986).

Marsha Wiggins Frame (2004) dalam kajiannya iaitu “*The Challenges of Intercultural Marriage: Strategies for Pastoral Care in Pastoral Psychology*”⁶² menggambarkan beberapa isu yang berkaitan dengan perkahwinan campur. Kes yang diilustrasikan dapat menjelaskan mengenai beberapa masalah yang khusus mengenai perkahwinan campur di kawasan desa dan penulis juga menyediakan strategi kaunseling yang berkemungkinan boleh membantu pasangan kahwin campur. Strategi tersebut termasuklah proses akulturasi, mencipta semangat rohani dan budaya *genograms*⁶³, membentuk semula dan menguruskan cabaran-cabaran dalam perbezaan budaya, bekerjasama dengan penduduk asal, mencipta upacara amal dan membina sokongan dalam perkahwinan campur.

Manakala, kajian yang dilakukan oleh penyelidik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (2007) iaitu “*Perkahwinan Campur di Kalangan Masyarakat Islam: Kajian Kes di Kampung Likas, Kinabalu, Sabah*”⁶⁴ bertujuan untuk melihat beberapa aspek yang berkaitan dengan perkahwinan campur antara etnik dalam masyarakat bumiputera Islam Sabah yang menetap di Kampung Likas. Keunikan yang dimiliki oleh masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik serta mempunyai latar belakang kebudayaan yang berbeza tetapi menganuti agama yang sama iaitu Islam. Faktor berlakunya perkahwinan campur mungkin disebabkan oleh

⁶² Marsha Wiggins Frame (2004), —“The Challenges of Intercultural Marriage: Strategies for Pastoral Care”, *Pastoral Psychology*, No. 3, Bil. 52, Januari 2004, Netherlands: Springer.

⁶³ Kebudayaan genogram adalah satu alat bantuan pembelajaran yang digunakan oleh profesional dalam penjagaan kesihatan sebagai satu cara berstruktur untuk melihat kepercayaan budaya dan amalan-amalan pesakit-pesakit dan keluarga-keluarga mereka.

⁶⁴ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (2007), —“Perkahwinan Campur di Kalangan Masyarakat Islam: Kajian Kes di Kampung Likas, Kinabalu Sabah”, <http://www.kpwkm.gov.my/malayindo/index.php?page=research&country=my&category=9&pages=29>., 16 Disember 2009.

persamaan asas-asas matrik budaya iaitu beragama Islam. Dalam kajian ini perkahwinan campur dilihat mendatangkan implikasi kepada individu yang terlibat dan anak-anak mereka. Kajian ini mendapati telah berlaku proses sosialisasi dalam kalangan sesetengah individu yang berkahwin campur di mana mereka terpaksa menghadkan pengamalan budaya sendiri dan menerima pengamalan budaya pasangannya selepas berkahwin kerana adanya faktor budaya dominan dalam keluarga.

Dina Khan (1998)⁶⁵ dalam kajian “*Mixed Marriages in Islam: an Anthropological Perspective on Pakistan*” pula membentangkan mengenai implikasi sosial dan kesan daripada perkahwinan campur antara Muslim dan bukan Muslim di Pakistan yang melibatkan kesan sosial yang besar kepada krisis ciri peribadi dan identiti budaya pasangan jenis ini. Di samping itu, pengkaji telah membandingkan teori *self-identity* daripada *Laing's Notion of Ontological Insecurity* dan *Gregory Bateson's Theory of the Double Bind* dalam menyatakan permasalahan di atas serta menghasilkan satu model yang menerangkan tingkah laku isteri-isteri bangsa asing termasuklah konteks masalah identiti, hubungan ipar-duai, pengasuhan anak-anak, agama, identiti budaya anak-anak, aturan tempat tinggal, perkahwinan anak-anak, faktor kebahagiaan serta pemeliharaan terhadap identiti sendiri. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan kepada beberapa pasangan isteri bangsa asing yang tinggal di Pakistan telah mendapati bahawa terdapat ancaman kepada isteri asing ini dan mereka juga didapati lebih mudah ingkar kepada cara dan

⁶⁵ Dina Khan (1998), “Mixed Marriages in Islam: An Anthropological Perspective on Pakistan”, *Journal of Anthropological Society of Oxford*, <http://www.isca.ox.ac.uk/fileadmin/ISCA/JASO/1998-29-1.pdf#page=7>, 12 November 2009.

suruhan suami. Model yang dibentangkan menjurus kepada asimilasi atau *ontological insecurity*⁶⁶ kepada cara pasangan.

S.Pompe (1988)⁶⁷ dalam kajiannya yang bertajuk “*Mixed Marriages in Indonesia: Some Comments on the Law and the Literature*” telah menyatakan konflik berkaitan cinta dan kepercayaan pasangan yang berkahwin campur antara agama justeru melahirkan bayangan dan gangguan ngeri yang tidak dapat dielakkan dan mengakibatkan ketidaksefahaman dan ketidak bahagiaan pasangan ini. Pengkaji telah merujuk pasangan campuran dalam sejarah Indonesia iaitu Farida dan Sumarto yang telah dihalang cinta mereka sebagai membincangkan kepentingan pegangan agama sebagai syarat utama dalam perkahwinan di Indonesia. Hasil penelitian kepada kerajaan Indonesia dikatakan gagal mencipta *dues ex machina* iaitu dalam menjawab fenomena perkahwinan campur di Indonesia.

1.8.2 Kajian Sosiologi dan Antropologi

Norazit Selat (1993) dalam bukunya *Konsep Asas Antropologi*⁶⁸ dan Alexander (2006) dalam buku “*The Meaning of Social Lifes: A Cultural*

⁶⁶ Satu kesinambungan perasaan yang berkaitan dengan pengalaman-pengalaman dalam hidup seseorang individu. Jika keselamatan ontologis berkalu, seseorang individu akan mengalami emosi-emosi positif dan stabil serta dapat mengelakkan huru-hara dan kebimbangan dalam hidupnya. Jika individu pernah mengalami satu pengalaman yang tidak selaras dengan makna kehidupannya, perkara ini akan mengancam keselamatan ontologis individu tersebut. Keselamatan ontologis juga memberi makna pandangan positif mengenai diri, dunia dan masa depan.

⁶⁷ S.Pompe (1988), -Mixed Marriages in Indonesia: Some Comments on the Law and the Literature”, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia and Oceania*. <http://www.kitlv-journals.nl>, 20 Mac 2010.

⁶⁸ Norazit Selat (1993), *Konsep Asas Antropologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Sociology*⁶⁹ telah menghuraikan mengenai perbincangan cara hidup manusia yang dilihat daripada perspektif sosial dan kebudayaan. Penulis mendatangkan pelbagai terminologi mengenai sosiologi dan menghuraikan terma tersebut melalui konsep yang terperinci. Semua perbincangan adalah berkaitan ruang lingkup antropologi termasuk sistem sosial, sistem ekonomi, sistem peranakan dan sistem politik. Penulisan ini juga memberikan penerangan yang mendalam mengenai *eksogami* dan ianya mempunyai pelbagai sangkutan dengan konsep-konsep lain seperti *endogami*, perikatan, perkahwinan dan persanakan. Manakala Ting Chew Peh (t.t) dalam bukunya “**Konsep Asas Sosiologi**⁷⁰ dan Schaefer (2009)⁷¹ dalam “**Sociology: a Brief Introduction**” telah menyentuh mengenai teori amalgamasi, akodomasi dan diskriminasi. Beliau juga menyentuh semua terminologi yang berkaitan dengan sosiologi yang menerangkan mengenai masyarakat, fenomena sosial dan tingkah laku manusia.

Pitirim A. Sorokin (1959)⁷² dalam buku yang bertajuk “**Social and Cultural Mobility**” dan Thompson (2008)⁷³ dalam tulisannya “**Society in Focus: an Introduction to Sociology**” telah menghuraikan mengenai ruangan, jarak, kedudukan susunan berlapis dalam tingkat sosial yang bersangkutan dengan taraf hidup sosial masyarakat yang berpindah. Selain itu, buku ini membincangkan mengenai turun naik dalam tingkat-tingkat sosial melalui

⁶⁹ Alexander, Jeffery. C, (2006), *The Meaning of Social Lifes: a Cultural Sociology*, Oxford: Oxford University Press.

⁷⁰ Ting Chew Peh (1993), *op.cit.*

⁷¹ Schaefer, Rirchard T. (2009), *Sociology: a Brief Introduction*, New York: Mc Graw-Hill Companies.

⁷² Pitirim A. Sorokin (1959), *Social and Cultural Mobility*, New York: Noble Offset Printers.

⁷³ Thompson, William E. (2008), *Society in Focus: an Introduction to Sociology*, Boston: Pearson.

perbincangan ekonomi, politik dan pekerjaan sosial. Seterusnya buku ini turut menumpukan mengenai populasi daripada pelbagai tingkat sosial serta perkara asas yang menyebabkan perkara tersebut berlaku, jenis-jenis perpindahan masyarakat dan juga pelbagai kesan dari mobiliti sosial.

1.8.3 Kajian Teori Kebahagiaan

Perbincangan mengenai konsep bahagia telah dibincangkan oleh Alī Abū Milḥam (1995) dalam bukunya “*Āra” Ahli al-Madīnah al-Faḍīlah wa Maḍādatihā Li Ibn Naṣr al-Fārābī*”⁷⁴, mengemukakan mengenai teori kenegaraan iaitu konsep demokrasi melalui filsafat al-Fārābī. Dalam kitab ini, penulis memformulasikan gagasan filsafatnya mengenai sebuah kota ideal yang tertumpu kepada dua konsep utama iaitu konsep tentang kepimpinan dan perbincangan kedua ialah mengenai konsep kebahagiaan. Penulis membahaskan bahawa manusia itu hidup memerlukan kepada seorang pemimpin untuk dirinya mendapatkan kebahagiaan. Oleh itu penulisan ini pada dasarnya membina kerangka yang membangunkan gagasan *al-madīnah al-faḍīlah* bermula dari konsep kepimpinan dalam mendapatkan sebuah kota yang sempurna harus ada padanya pemimpin yang baik dan cemerlang dan juga kemudiannya mampu menemukan kebahagiaan bagi manusia kerana kehidupan hakiki manusia adalah untuk meraih kebahagiaan.

Al-Ghazālī (1973) dalam kitabnya “*Iḥyā” ‘Ulūm al-Dīn*”⁷⁵ telah membahaskan tentang konsep dalam diri manusia iaitu pengertian jiwa, roh,

⁷⁴ Alī Abū Milḥam (1995), *Āra” Ahli al-Madīnah al-Faḍīlah wa Maḍādatihā Li Ibn Naṣr al-Fārābī*, Bayrut: Dār wa Maktabah al-Hilāl.

⁷⁵ Abū Ḥamid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (1973), *Iḥyā” „Ulūm al-Dīn*, j. 1, Qāherah: Amal Kitab al-Arabī.

hati dan akal. Kitab ini adalah sebuah kitab yang besar perbincangannya mencakupi segenap aspek kehidupan manusia yang mengandungi empat bahagian utama iaitu bahagian ibadah yang mengandungi sepuluh kitab seperti ilmu akidah, solat, zakat, puasa dan haji. Manakala kitab kedua ialah kitab adab yang juga mengandungi sepuluh kitab termasuklah adab nikah, halal dan haram, kitab adab bergaul, kitab menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Bagi kitab yang ketiga ialah pembinaan jiwa yang mengandungi keajaiban hati, mendidik jiwa, kemarahan dan dengki, pangkat dan riak. Selain itu penulis juga telah menerangkan secara khusus mengenai kebahagiaan dalam kitabnya “*Qimiyāt al-Sa,ādāt*”⁷⁶ yang menceritakan mengenai pengetahuan tentang diri, Allah s.w.t, dunia dan akhirat sebagaimana adanya kerana menurut penulis melalui pengetahuan-pengetahuan ini, manusia dapat menyucikan jiwa dan apabila jiwa manusia bersih, tatkala itu kebahagiaan akan menjelma.

Ibnu Miskawayh (1961) dalam kitabnya “*Tahdhīb al-Akhlāq*”⁷⁷ telah membahaskan mengenai bagaimana mendidik jiwa. Karangan beliau ini menceritakan bagaimana cara untuk mendapatkan akhlak yang baik yang lahir dari perlakuan yang baik tanpa menghadapi kesusahan dan kesulitan. Di samping itu, al-Miskawayh menceritakan kaedah untuk memelihara tingkat-tingkat akhlak. Seterusnya penulis telah membahagikan perbincangan mengenai mendidik akhlak manusia kepada beberapa bab utama termasuklah perbincangan mengenai kemuliaan jiwa iaitu cenderung kepada ilmu, bab

⁷⁶ _____ (2007), *Kimiya-e Saadat the Alchemy of Happiness*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

⁷⁷ Ahmad Ibn Muḥammad Ibn Miskawayh (1961), *Tahdhīb al-Akhlāq*, Bayrut: Mansyūrat Dār Maktabat al-Ḥayāt.

kedua membincangkan tentang pengertian mengenai akhlak dan dalil-dalil pensyariatannya dan bab ketiga, perbincangan mengenai perbezaan antara kebaikan dan kebahagiaan, bahagian-bahagian kebaikan, turut membandingkan mengenai pengertian bahagia menurut Aristotles, Plato, Socrates dan ahli barat moden. Bagi bab yang terakhir penulis membincangkan mengenai bagaimana bahagia itu datang hasil daripada perlakuan yang mulia, cabaran dan keperluan manusia kepada kebahagiaan di samping membahaskan bagaimana mendidik penyakit jiwa dan mengubat kesedihan. Keseluruhan kandungan buku penulis membawakan mengenai mendidik jiwa kepada akhlak-akhlak yang baik yang mana dengan cara ini manusia dapat melakukan kebaikan dan menerima kebahagiaan.

Al-Attas (1993) dalam bukunya yang bertajuk "*The Meaning and Experience of Happiness in Islam*",⁷⁸ menjelaskan mengenai makna kebahagiaan dan pengalamannya dalam Islam. Dalam buku ini penulis memperincikan mengenai penjelasan makna kebahagiaan sebagaimana difahami dan dialami oleh mereka yang beriman dan mengamalkan hidup Islam dengan satu tafsiran yang mendalam. Selanjutnya penulis menjelaskan mengenai pengalaman bahagia dalam Islam yang merujuk kepada tiga unsur penting dalam kehidupan Islam iaitu rohani, jasmani dan persekitaran hidup manusia. Penulis juga menggunakan kaedah perbandingan antara makna dan pengalaman bahagia menurut pandangan Barat iaitu melalui perbincangan bahagia menurut Aristotles kerana semua yang dikemukakan oleh Aristotle bersifat sekular dan jauh daripada ketuhanan. Di akhir penulisan ini,

⁷⁸ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC.

dinyatakan bahawa mereka yang menyerahkan diri kepada Tuhan-Nya serta berpegang erat kepada hidayah-Nya dan al-Quran adalah satu sumber langsung tafsiran tentang kebahagiaan.

Aristotles (1930) dalam bukunya berjudul “*The Nichomachean Ethics*”⁷⁹ yang diterjemahkan oleh Martin Martin Ostwald membahaskan mengenai ilmu, etika, akal dan intelek, gerak laku manusia, tujuan kehidupan serta kebaikan rohani dan jasmani. Manakala perbincangan mengenai teori etika oleh Aristotles juga ditulis oleh J.O Urmson (1988) bertajuk “*Aristotle’s Ethics*”⁸⁰ menjelaskan mengenai sebuah kehidupan yang ideal adalah melalui setiap tindakan dan tujuan manusia. Beliau memfokuskan perbincangan mengenai bahagia dalam tajuk kesepuluh iaitu *eudaemonia*. Penulis mengatakan bahawa pendirian Aristotles mengenai *eudaemon life* adalah berkaitan dengan setiap kompenan hidup yang terbaik. Manakala Christopher Shields dalam bukunya “*Aristotle*”⁸¹ membincangkan tentang kehidupan yang bahagia sebagai satu tujuan akhir dalam kehidupan manusia. Kehidupan yang bahagia dan gembira ialah hidup dengan keadaan yang baik (*aretē*) dan berakhhlak mulia kerana ia adalah aktiviti yang akan menyempurnakan kebahagiaan manusia.

Dalam buku ditulis oleh R.M Hare (1992)⁸² bertajuk “*Plato*”, menjelaskan mengenai falsafah pemikiran Plato bermula dengan membawa sejarah kehidupan zaman kegemilangan Plato, sejarah keturunan dan kekeluargaan Plato dan seterusnya sejarah bagaimana Plato menjadi seorang

⁷⁹ Aristotles (1930), *The Nichomachean Ethics*, London : J.M. Dent.

⁸⁰ J.O Urmson (1988), *Aristotle’s Ethics*, Oxford: Blackwell Publisher Ltd.

⁸¹ Christopher Shields (t.t), *Aristotle*, New York : Routledge Taylor & Francis Group.

⁸² R.M, Hare (1992), *Plato*, Kassim Ahmad (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ahli falsafah disebabkan persoalan yang sering ditimbulkan oleh Plato mengenai teori metafizik dalam mengetahui sesuatu benda, teori bentuk, dialektik, kebaikan moral, ilmu, pendidikan (*epistemology*) dan kehidupan yang sempurna.

Bagi kajian yang dilakukan oleh Toby (1997) “*Effects of Low-Wage Employment on Family Well-Being*”,⁸³ telah membincangkan mengenai kesan daripada pekerjaan berpendapatan rendah terhadap kebahagiaan keluarga di mana ia menerangkan idea mengenai perkara yang berkaitan dengan hal pekerjaan seperti pendapatan, waktu bekerja, tugas kerja yang rumit yang dirasai oleh ibu bapa di tempat kerja. Keseluruhan faktor ini dinyatakan boleh mempengaruhi sifat mereka sebagai ibu bapa dalam membentuk kebahagiaan untuk anak-anak mereka. Di samping itu, penulis membincangkan mengenai kesan perkembangan intelektual, pembangunan emosi anak-anak dan mengambil kira bagaimana hubungkaitnya dengan pendapatan daripada pekerjaan yang diterima oleh ibu bapa. Hasil kajian ini mendapati bahawa ibu yang bekerja tidak semestinya terancam, namun beliau tetap mencadangkan program kebajikan yang menumpukan perhatian kepada membantu ibu-ibu untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan pendapatan yang lebih bagus serta membantu ibu-ibu memahami suasana di rumah dalam memainkan peranan untuk membentuk perkembangan dan kebahagiaan anak-anak.

⁸³ Toby L. Parcel and Elizabeth G. Menaghan (1997), “Effects of Low-Wage Employment on Family Well-Being”, *The Future of Children*, No. 1, Bil. 7, United Kingdom: Princeton University.

Manakala, Jefferey H.Greenhaus *et al.* (1987)⁸⁴, telah menganalisis mengenai “*Work Experience, Job Perfomance and Feeling of Personal and Family Well-Being*”. Penulis menunjukkan hubungan dan interaksi antara persembahan kerja dan pengalaman terhadap kerja-kerja khusus dianalisa melalui tiga indikator iaitu penyesuaian dalam perkahwinan, konflik antara kerja dan keluarga dan serta kualiti hidup dalam kalangan 336 orang akauntan. Persepsi mengenai pembahagian kerja yang tidak saksama dan suasana yang tidak memberi sokongan, konflik peranan kerja, komitmen yang lebih adalah sesuatu yang sangat mempengaruhi kepada indikator kebahagiaan sesebuah keluarga. Di samping itu, hubungan di antara pencapaian kerja dan kebahagiaan adalah berbeza-beza mengikut gender, komitmen masa untuk kerjaya dan konflik peranan gender yang dialami oleh responden.

Kajian mengenai kekeluargaan Islam telah dikarang oleh Paizah Ismail (2003)⁸⁵ yang bertajuk “*Kekeluargaan Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah*”, yang menyentuh mengenai kekeluargaan Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah dan memperincikan mengenai hubungan antara lelaki dan wanita secara umum dalam Islam. Seterusnya penulis menekankan asas dan kepentingan pembinaan keluarga dengan mendatangkan pelbagai dalil al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, huraian berserta dalil mengenai cara memilih pasangan dalam Islam bagi menjamin kebahagiaan dalam keluarga melalui proses pertunangan, izin wali, pernikahan, melaksanakan hak dan tanggungjawab suami dan isteri. Secara umumnya penulis menyimpulkan

⁸⁴ Jefferey H.Greenhaus *et al.* (1987), “Work Experience, Job Perfomance, and Feeling of Personal and Family Well-Being”, *Journal of Vocational Behaviour*, www.bus.lsu.edu/.../WorkExperiencesJobPerformance-1987.pdf, 31 Disember 2009.

⁸⁵ Paizah Ismail (2003), *Kekeluargaan Islam menurut Al-Quran dan al-Sunnah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

bahawa pembinaan keluarga dalam Islam adalah wadah bagi lelaki dan perempuan untuk mencari kedamaian dan kebahagiaan hidup bersama dan menyambung zuriat keturunan.

Mahmood Zuhdi (2008)⁸⁶ pula dalam bukunya yang bertajuk “*Famili Harmoni Memupuk Keluarga Bahagia*” menjelaskan mengenai kekeluargaan Islam di mana tujuannya adalah untuk memperkembangkan generasi yang dihalalkan oleh Islam sebagai pewaris keturunan. Beliau juga memanjangkan perbincangan mengenai pembentukan keluarga bahagia dan kesejahteraan keluarga melalui asas pembinaan dan struktur. Manakala, penulis turut membincangkan fungsi dan hak wanita dalam keluarga dari sudut Islam dan undang-undang keluarga Islam. Selain itu, penulis membincangkan mengenai poligami daripada pandangan al-Quran dan Sunnah serta masalah rumahtangga pada waktu kini bagi menangani permasalahan dalam pengurusan rumahtangga. Di akhir perbincangan, penulis banyak membawakan mengenai konsep pendidikan ibu bapa melalui tarbiyyah pendidikan agama, hukuman, pengalaman dan konsep kaunseling keluarga sebagai asas pembinaan keluarga Islam yang bahagia dan berjaya.

Abdul Jalil (1993) dalam bukunya yang bertajuk “*Perkahwinan dalam Islam berdasarkan kepada Dalil, Hukum, Hikmah dan Panduan Kebahagiaan*”⁸⁷ membincangkan mengenai konsep perkahwinan dalam Islam dan pensyariatannya melalui dalil-dalil al-Quran, al-Hadith dan ijma’.

⁸⁶ Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid (2008), *Famili Harmoni Memupuk Keluarga Bahagia*, Shah Alam: Kaya Bestari.

⁸⁷ Abdul Jalil Mohd Hassan (1993), *Perkahwinan dalam Islam Berdasarkan kepada Dalil, Hukum, Hikmah dan Panduan Kebahagiaan*, Kuala Lumpur: A. S Noordeen.

Seterusnya penulis menjelaskan mengenai proses awal perkahwinan Islam yang dimulakan dengan proses peminangan dan hukum-hukum mengenai pertunangan. Manakala bab seterusnya, penulis menjuruskan perbincangan pernikahan dan rukun-rukunnya secara terperinci, kemudian perbincangan turut diisi dengan panduan pergaulan suami isteri termasuk juga adab, tanggungjawab, cara-cara, amalan-amalan dan hikmah-hikmah yang dibawakan dalam bab ini menerusi dalil-dalil penerangannya. Di akhir bab, penulis membawakan pernikahan Rasulullah dengan isteri-isteri dalam memberikan contoh rumahtangga terbaik menurut Islam.

Justeru, melalui pemerhatian yang dibuat berkaitan tajuk ini menunjukkan masih terdapat ruang yang luas dan kekosongan yang perlu diteroka dan dipenuhi berkaitan konsep perkahwinan campur terutamanya berkaitan masyarakat Islam di Malaysia dari sudut kebahagiaan keluarga yang dibina di samping isu yang mungkin timbul seperti perbezaan budaya dari konteks *kafā'ah*. Ini kerana buat masa ini perbincangan mengenai perkahwinan campur tertumpu pada gaya keibubapaan, penyesuaian anak-anak campuran, masalah dan tekanan pasangan kahwin campur, masalah kesuburan, interaksi dalam perkahwinan, isu kaum dan peranan gender dari perspektif sosiologi tanpa mendekati prinsip-prinsip kekeluargaan Islam seperti wujudnya beberapa persoalan mengenai kualiti perkahwinan campur di Malaysia di mana kualiti perkahwinan ini diukur melalui konsep kebahagiaan dalam Islam. Oleh yang demikian, aspek permasalahan seperti perbezaan budaya dan agama yang umumnya terlibat secara langsung dalam kehidupan

rumahtangga sekali gus menuntut perbahasan utama dalam mencapai kebahagiaan sesebuah perkahwinan yang diredhui dan dirahmati Allah s.w.t.

Justeru perlunya ada satu anjakan paradigma oleh penggerak-penggerak bidang sosiologi Islam dalam mengkaji dan menghuraikan persoalan dan permasalahan perkahwinan campur serta mencari jalan mendepani isu dan cabaran yang mendarat. Tujuannya satu, adalah untuk menjawab persoalan dan keperluan masyarakat mengenai perkahwinan campur dan hubungannya dengan kebahagiaan keluarga.

1.9 Struktur Kajian

Kajian ini telah disusun khusus dan dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama merupakan bab pengenalan kepada kajian ini. Subtopik-subtopik yang dibincangkan dalam bab ini termasuk latar belakang masalah kajian, penyataan masalah kajian, soalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, kajian-kajian lepas serta struktur kajian.

Dalam bab kedua, penulis menjelaskan mengenai konsep perkahwinan campur dari sudut sosiologi iaitu melalui definisi, jenis-jenis, latar belakang perkahwinan campur di Malaysia, faktor yang mendorong perkahwinan ini, perbezaan budaya dalam perkahwinan campur seperti aktiviti harian, adat dan keagamaan, bahasa pertuturan dan komunikasi serta sistem hubungan keluarga dan sokongan sosial yang mempengaruhi kepada kebahagiaan keluarga. Selain itu, perbincangan diteruskan dengan membawakan pembudayaan dalam

perkahwinan campur melalui pelbagai proses termasuklah adaptasi, asimilasi dan Islamisasi. Seterusnya, penulis menerangkan mengenai perkahwinan campur dalam Islam daripada sudut sejarah, hukum perkahwinan campur dalam Islam berserta hikmahnya.

Manakala dalam bab ketiga, penulis membincangkan mengenai konsep bahagia daripada sudut syariat dan pandangan ulama-ulama Islam serta pandangan falsafah-falsafah bukan Islam terhadap konsep tersebut di samping merangka teori kebahagiaan sebagai kesinambungan perbincangan mengenai kebahagiaan. Seterusnya, penulis menghuraikan mengenai teori kebahagiaan melalui elemen-elemen bahagia dan konsep keluarga bahagia dalam Islam berserta dalil-dalil, ciri-ciri keluarga bahagia dan contoh-contoh amalan dalam keluarga Baginda Muḥammad s.a.w.

Bab keempat membincangkan mengenai analisa kajian di mana perbincangan melibatkan analisis maklumat profil pasangan, profil perkahwinan dari segi latar belakang dan sejarah perkahwinan, faktor pendorong perkahwinan campur, perbezaan yang wujud dalam perkahwinan campur termasuklah aktiviti harian, makanan dan pemakanan, pakaian dan pemakaian, adat dan keagamaan iaitu cara gaya keibubapaan, perayaan, bahasa pertuturan dan komunikasi, sistem kekeluargaan dan sokongan sosial, pembudayaan dalam perkahwinan campur, kesan perkahwinan campur dan konsep keluarga bahagia. Analisis kajian ini adalah untuk melihat kesan perkahwinan campur terhadap kebahagiaan keluarga.

Akhirnya, dalam bab yang terakhir iaitu bab kelima penulis menyimpulkan keseluruhan dapatan penyelidikan penulis. Seterusnya, penulis membawakan cadangan dan saranan kepada pasangan yang berkahwin campur dan masyarakat sekelilingnya termasuklah individu dan pasangan, ahli keluarga, masyarakat sosial dan undang-undang dalam memberikan maklumat berguna hasil dari kajian ini agar ia dapat memberi faedah terhadap masyarakat Islam dalam cara memilih pasangan hidup agar perkahwinan yang dibina berkekalan dan objektif perkahwinan tercapai.

BAB KEDUA

KONSEP PERKAHWINAN CAMPUR

2.1 Pendahuluan

Sebagai menyempurnakan suruhan agama, perkahwinan yang dibina haruslah berlandaskan peraturan dan syariat-syariat Islam. Sememangnya perkahwinan adalah satu penyatuan antara dua insan yang berbeza latar belakang, personaliti, cara hidup disebabkan ianya hadir daripada dua keluarga yang berlainan dan dibesarkan dengan pendekatan yang berbeza dan adat tradisi yang berlainan. Namun, berlainan pula dengan perkahwinan campur, di mana kedua-dua pasangan datang daripada latar belakang bangsa yang berbeza. Oleh yang demikian, dalam bab ini juga penulis akan membincangkan mengenai perkahwinan campur menurut Islam yang dilihat daripada aspek sejarah Islam. Kemudian, perbincangan diselaraskan dengan hukum perkahwinan campur dalam Islam melalui dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah yang berpandukan kepada *maqāṣid syar‘, iyyah* serta menjelaskan hikmahnya kepada institusi kekeluargaan Islam.

2.2 Perkahwinan Campur daripada Perspektif Islam

Jelas bahawa perkahwinan campur adalah diharuskan dan dibolehkan oleh Islam merujuk kepada dalil-dalil berkaitan perkahwinan terutamanya perkahwinan yang berlainan kaum, bangsa, etnik, budaya dan

kewarganegaraan. Dalam Islam, berkahwin adalah daripada sunnah Nabi Muhammad s.a.w memandangkan banyak peristiwa menceritakan mengenai amalan perkahwinan campur di zaman Rasulullah dan sahabat. Sebagai memenuhi tuntutan agama, perkahwinan yang dianjurkan oleh Islam itu adalah bagi menambah zuriat dan keturunan di samping berbakti membina sebuah kehidupan yang sempurna serta mengcap kebahagiaan dan keredaan Allah s.w.t. Islam tidak pernah melarang umatnya daripada berkenal-kenalan dan berkahwin dengan berbagai bangsa dan puak. Perkahwinan campur di antara pelbagai bangsa dan budaya sama sekali tidak ditegah malah ianya sangat mulia kerana ia menggalakkan dakwah kepada umat lain terhadap agama Islam. Tidak kira sama ada perkahwinan itu campur atau pun tidak, yang paling utama dan wajib dipatuhi ialah suami dan isteri tersebut mesti melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh keimanan, kesabaran dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t. bagi membina keluarga bahagia yang dikehendaki oleh ajaran Islam.

2.2.1 Sejarah dan Latar Belakang Perkahwinan Campur dalam Sejarah Islam

Daripada sudut sejarah Islam, perkahwinan campur telah bermula sejak awal lagi dalam sejarah kehidupan masyarakat Islam. Perkahwinan campur antara kabilah, Bani (keturunan), bangsa dan budaya ini telah diamalkan oleh Rasulullah s.a.w sendiri. Baginda pernah berkahwin dengan wanita berbangsa Yahudi yang bernama Rayḥānah binti Zayd. Beliau adalah seorang tawanan perang yang telah dibebaskan dan sejurus dibebaskan Rayḥānah telah

memeluk agama Islam dan dia dikahwini oleh Rasulullah s.a.w.⁸⁸ Selain itu, Baginda s.a.w juga mempunyai isteri dari bangsa Qibṭy yang bernama Mariah al-Qibṭiyyah yang berasal daripada agama Kristian⁸⁹.

Manakala, perkahwinan campur juga turut menjadi amalan para Sahabat⁹⁰ termasuklah Uthmān al-Affān yang juga pernah berkahwin dengan pasangannya yang bernama Nāilah yang merupakan anak perempuan Farā Fiṣah al-Kalbiyyah yang beragama Nasrani⁹¹. Di samping itu, Nabi Muḥammad s.a.w sendiri pernah menikahkan Zaynab bintu Jahsyin al-Qurasyiyyah dari Banī Asad iaitu seorang wanita bangsawan dengan Zayd bin Ḥarithah iaitu bekas seorang hamba kepada Rasulullah s.a.w⁹². Manakala Baginda Rasulullah s.a.w turut menikahkan Faṭimah bintu Qais al-Fihriyyah berbangsa Quraisy dengan Usāmah bin Zayd⁹³. Rasulullah s.a.w turut mengahwinkan sendiri puteri Baginda iaitu Faṭimah dengan Alī bin Abī Tālib. Rasulullah sendiri tidak pernah melarang puterinya daripada berkahwin dengan Uthmān, Alī dan Abī al-Āṣ sedangkan tiada seorang pun umat manusia yang setara dengan Rasulullah s.a.w di alam ini. Syāfiī berkata:

—Bagaimana Saidina Alī r.a sekufu dengan Faṭimah r.a sedangkan ayahnya iaitu Abī Tālib adalah seorang yang kafir, manakala ayah Faṭimah adalah seorang Rasul, Nabi dan ketua umat Islam. Ini menggambarkan bahawa Nabi tidak pernah membeza-bezakan manusia mengikut darjat atau keturunan,

⁸⁸ Muḥammad Said Ramaḍān al-Buty (1967), *Fiqh Sīrah*, Qāherah: Dār al-Fikr al-Ḥadīth, h. 211.

⁸⁹ Muḥammad Tāmīr (t.t), *al-Waṣīṭ fi al-Madhab*, j. 5, Bayrut: Dār al-Salām, h. 84.

⁹⁰ Khalifah Abbāsiyyah di Baghdad juga kebanyakannya berkahwin dengan perempuan-perempuan yang berbangsa asing sehingga dikatakan mereka tidak lagi berwarna hitam tetapi sudah bertukar kepada warna biru lantaran mereka telah memperisterikan ramai perempuan dari bangsa Yunani, Greek dan Kepulauan Mediterranean serta Asia Tengah.

⁹¹ Muḥammad Said Ramaḍān al-Buty (1967), *op.cit.*, h. 212.

⁹² Abī Muḥammad Abd Allah bin Aḥmad Muḥammad Ibn Qudāmah al-Maqdīsy (t.t), *al-Mughnī al-Mukhtaṣar al-Kharqī*, j. 7, Miṣr: Maktabah al-Qāherah, h. 372.

⁹³ *Ibid.*

namun apa yang penting dalam Islam adalah ketaqwaan pasangan kepada Allah s.w.t⁹⁴

Secara kesimpulannya, perkahwinan campur dalam Islam sudah lama wujud dan bertapak sejak zaman Rasulullah s.a.w. Secara fitrahnya, Allah menjadikan manusia berpasang-pasangan untuk berkenal-kenalan di antara satu sama lain.

2.2.2 Hukum Perkahwinan Campur dalam Islam

2.2.2.1 Pasangan yang beragama Islam⁹⁵

Firman Allah s.w.t:

وَلَا تَنِكِحُوا الْمُشْرِكَتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ ۚ وَلَا مَةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ
مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتُكُمْ ۗ وَلَا تُنِكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ
يُؤْمِنُوا ۝

Surah al-Baqarah (2): 221

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam); dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu, dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam)”.

Bagi pasangan yang berbeza bangsa, mereka diharuskan untuk berkahwin dengan syarat pasangan itu hendaklah memeluk agama Islam.

⁹⁴ Muhammad Tāmīr (t.t), *op.cit.*, h. 84.

⁹⁵ Al-Ḥabīb al-Khaṭīb (1996), *al-Bujayrīmī „Aṭṭ al-Khaṭīb*, j. 4, c. 1, Bayrut: Dār al-Kitāb al-Ilmiyyah, h. 163.

Allah mengutuk perbuatan mereka yang berkahwin dengan orang kafir atau musyrik. Ibn Qayyim menyatakan *al-Islām* atau *al-Dīn* itu bermaksud pasangan itu mesti beragama Islam.⁹⁶ Oleh yang demikian, wanita Muslimah tidak boleh mengahwini lelaki kafir atau sebaliknya tetapi Islam tetap membenarkan lelaki Muslim untuk mengahwini wanita Kitabiyyah sahaja.⁹⁷ Fuqaha‘ kebanyakannya mentafsirkan *al-Islam* itu dengan *al-diyānah* iaitu dengan kekuatan berpegang dengan agama iaitu dengan hukum hakam Islam. Antara dalil yang menunjukkan bahawa pegangan agama adalah utama adalah seperti firman Allah s.w.t:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَعُكُمْ

Surah al-Hujurāt (49): 13

Maksudnya:

→ Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya..”

Dalam hukum Islam, orang yang fasik ditolak sebarang bentuk penyaksian, periwatan atau penaqlannya. Mereka tidak boleh dipercayai untuk sebarang amanah dan tanggungjawab. Oleh yang demikian, orang fasik tidak dipercayai dalam memimpin keluarga dan rumahtangga. Selayaknya, pasangan mestilah berpegang patuh kepada agama serta istiqamah kerana perkara tersebut sudah semestinya dapat memelihara *maslahah* dan

⁹⁶ al-Imām al-Hāfiẓ Abī Abd Allah Ibn Qayyim al-Jawzy (t.t) *Zād al-Ma’ād*, j. 4. Bayrut: Dār al-Kitāb al-Ārābī, h. 22.

⁹⁷ Perkahwinan Kitabiyyah menurut undang-undang Keluarga Islam adalah diperjelaskan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 iaitu seseorang lelaki Islam boleh berkahwin dengan seorang Islam dan seorang Kitabiyyah, manakala seseorang perempuan perlu berkahwin dengan lelaki Islam. Seseorang Kitabiyyah dijelaskan dalam Akta 303 sebagai perempuan dari keturunan Bani Ya‘qub atau perempuan Nasrani dari keturunan orang-orang Nasrani sebelum Nabi Muhammad s.a.w menjadi Rasul atau seorang perempuan Yahudi dari keturunan orang-orang Yahudi sebelum Nabi Isa menjadi Rasul.

kepentingan perkahwinan terutamanya dalam mengelakkan masalah perceraian, perebutan hak ḥaqānah, pertukaran agama asal pasangan kerana pelbagai hikmah yang wujud melalui pensyariatan ini. Oleh yang demikian, pegangan agama adalah *dariūriyyāt* kerana hubungan perkahwinan adalah sangat bergantung kepada agama yang diturunkan daripada Allah s.w.t sebagai panduan hidup manusia sejak zaman berzaman. Sebagai pembawa kebenaran dan menyuruh kepada ketaqwaan, Islam adalah elemen utama dalam setiap perkahwinan Muslim agar perkahwinan dibina berjaya mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.⁹⁸

2.2.2.2 Perkahwinan Adalah Fitrah Sejagat⁹⁹

Firman Allah s.w.t:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّنْ قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا
وَدُرْرَيَّةً

Surah al-Rā'īd (14): 38

Maksudnya:

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul sebelummu, dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan...”

Dalil di atas memperlihatkan bahawa perkahwinan itu adalah salah satu fitrah insani, di mana para Nabi terdahulu juga melaksanakan sunnah yang diperintahkan oleh Allah. Tidak terkecuali seorang pun daripada

⁹⁸ Wahbah Zuhaily (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, j. 1, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 240.

⁹⁹ Syams al-Dīn Muhammad bin al-Khāṭib al-Syarbīny (1997), *Mughnī Muḥtāj*, j. 3, c. 1, Bayrut: Dār al-Ma_rifah, h. 166.

makhluk ciptaan Allah yang bergelar manusia, dinafikan haknya untuk mendirikan rumah tangga. Seruan secara umum untuk mendirikan perkahwinan ini pastinya menggalakkan penyatuan dua unsur yang berlainan mencakupi golongan manusia yang bertaraf tinggi hingga manusia yang berbeza latar belakang bangsa dan keturunan. Islam memuliakan dan menghormati setiap kejadian manusia, justeru prinsip *maqāṣid syar‘iyah* iaitu memuliakan manusia (*Iḥtirām al-Nas*)¹⁰⁰ adalah *darūriyyāt* dan penting diaplikasi dalam perkahwinan campur. Justeru memperlihatkan Islam tidak sesekali membezakan manusia waima berbeza darjah keturunan dan kumpulan bangsa, namun tetap memandang tinggi setiap manusia dengan penekanan kepada tingkat iman dan akidah setiap individu tersebut¹⁰¹. Firman Allah s.w.t:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ يَهْدِيهِمْ رَبُّهُمْ
بِإِيمَانِهِمْ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ الْأَنْهَرُ فِي جَنَّاتِ الْنَّعِيمِ

Surah Yūnus (10): 9

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Tuhan mereka akan memimpin mereka dengan sebab iman mereka yang sempurna itu. (Mereka masuk ke taman yang) sungai-sungainya mengalir di bawah tempat kediaman mereka di dalam syurga yang penuh nikmat”.

¹⁰⁰ *Ibid.*

¹⁰¹ Abd al-Rahmān al-Jazīry (1990), *opcit.*, h. 53-59.

2.2.2.3 Melengkapkan Perbezaan¹⁰²

Firman Allah s.w.t:

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا
إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Surah al-Rūm (30): 21

Maksudnya:

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan”.

Hakikat perkahwinan itu ada pada semua umat di muka bumi ini.

Melalui perkahwinan, jiwa manusia itu dapat merasakan tenteram (*sakīnah*).

Al-Quran menyebut mengenai perbezaan biologi dan gender di antara lelaki dan wanita dan oleh sebab itu, perkahwinan berperanan menyatukan perbezaan antara lelaki dan wanita sekaligus melengkapkan kehidupan seseorang lelaki dan wanita tersebut.¹⁰³

Ayat di atas juga memperlihatkan adanya perkaitan hubungan antara *sakīnah* dengan *maqāṣid al-syarī*, ah iaitu daripada sudut *ḥājiyyāt* atau pun keperluan manusia kepada prinsip *al-mawaddah wa al-rahmah*. Justeru tidak dapat dinafikan bahawa setiap perkahwinan waima perkahwinan biasa merupakan satu proses penyatuan dua individu berbeza malahan melalui perkahwinan juga adalah satu kaedah untuk memperlengkapkan seseorang

¹⁰² Ahmad Maḥmud Ibrāhīm ed. (1997), *op.cit.*, h. 26-27.

¹⁰³ Rifāt Fauzy Abd al-Mutallib (2001), *al-‘Umm li al-Imām Muḥammad al-Idrīs al-Syafī*, Manṣūrah: Dār al-Wafā‘, h. 5.

lelaki dan wanita yang berlainan bangsa kerana melalui percampuran dan pencantuman dua elemen yang berbeza dalam perkahwinan sudah tentu mampu melengkapkan perbezaan dan mewujudkan *al-mawaddah wa al-rahmah* hasil penyatuan dua individu yang berbeza.

2.2.2.4 Saling Kenal Mengenal¹⁰⁴

Firman Allah s.w.t:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّن ذَكَرٍ وَّأُثْرَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَكُمْ

Surah al-Hujurāt (49): 13

Maksudnya:

—Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenalkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya)”.

Daripada firman di atas, Allah telah menghuraikan dengan lanjut tentang penciptaan manusia dan matlamat daripada penciptaanNya. Allah telah menciptakan manusia terdiri daripada lelaki dan perempuan dan menjadikan mereka sebagai satu bangsa dan keturunan yang berbagai-bagai bertujuan menjadikan mereka saling kenal-mengenal. Dalam usaha untuk mengenali bangsa dan keturunan yang dijadikan oleh Allah, manusia tidak boleh menolak

¹⁰⁴ Abd al-Rahmān al-Jazīry (1969), *op.cit.*, h. 63.

fitrah perkahwinan campur yang melibatkan pertembungan bangsa dan budaya.

Saranan al-Quran mengenai bersuai kenal antara satu bangsa yang berbeza, memperlihatkan pemeliharaan prinsip *maqāṣid syar‘iyah* dalam perkahwinan campur daripada sudut *maṣlahah kamāliyyah* kerana ianya perkara yang memperelok kehidupan dan memperindahkannya. Menambah baik keturunan dan keluarga dengan mengukuhkan hubungan di antara anggota masyarakat, pencantuman secara biologi antara kelompok bangsa lain dalam perkahwinan, memperindahkan kelakuan diri adalah termasuk di dalam perkara yang mengandungi *maṣlahah kamāliyyah*¹⁰⁵. Melalui perkahwinan campur individu tersebut telah menambah baik struktur kekeluargaan dan memperindahkan sosiolisisasi masyarakat Islam dalam mencorakkan identiti yang baru dan lebih berkualiti dalam seluruh keturunan manusia.

2.2.2.5 Pilih Wanita Yang Disukai¹⁰⁶

Firman Allah s.w.t:

فَإِنِّي كُحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَئْنَى وَثُلْثَةٍ وَرُبَعَ

Surah al-Nisā‘ (4): 3

Maksudnya:

→ Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat”.

¹⁰⁵ Ahmad Maḥmud Ibrāhīm ed. (1997), *op.cit.*, h. 28.

¹⁰⁶ Al-Ḥabīb al-Khāṭib (1996), *op.cit.*, h. 86.

Intipati ayat di atas memperjelaskan bahawa seseorang lelaki itu dibolehkan memilih atau mengahwini wanita lebih daripada seorang tanpa tegahan termasuklah daripada kalangan jenis wanita tanpa mengira latar belakang bangsa atau keturunan asalkan wanita yang dinikahi itu adalah seorang yang beriman kepada Allah s.w.t. Ayat di atas diperincikan dalam hadith yang menyebut mengenai pemilihan pasangan dalam perkahwinan:

تنكح النساء لأربع ملائكة ولحسبيها ولحماتها ولدينها، فاظفر بذات الدين ترب

¹⁰⁷ يدك

Maksudnya:

—Wanita itu dikahwini kerana empat perkara, kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan kerana agamanya. Maka carilah wanita yang taat kepada agama, nescaya kamu akan mendapat keuntungan”.

Nyata di sini bahawa seseorang lelaki yang ingin berkahwin dengan wanita yang berbeza bangsa atau warganegara, tidak menjadi halangan. Oleh itu, pilihan perkahwinan campur adalah tidak dilarang bersandarkan kepada tujuannya dalam perkahwinan iaitu untuk menjaga kemaslahatan dan menjauhkan mudarat dan kerosakan seperti berkahwin dengan pasangan yang bukan Islam yang tidak beriman dengan Allah s.w.t. Justeru ia bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu:

¹⁰⁸ جلب المصالح ودرء المفاسد

Maksudnya:

—Menjaga kemaslahatan dan menolak kerosakan”

¹⁰⁷ Abū Dāwud (t.t), *op.cit.*, h. 539-540.

¹⁰⁸ Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā‘ (1989), *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, c. 2, Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 170.

Oleh yang demikian, amat jelas daripada kaedah di atas yang menunjukkan galakan berkahwin dengan pasangan yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan kerana melihat kepada beberapa *maslahah* terutama yang berkaitan aspek mengembangkan zuriat serta kesihatan sekiranya perkahwinan dalam kalangan saudara terdekat digalakkan. Sesungguhnya Islam amat memandang berat terhadap keturunan bagi memelihara kesucian, perkembangan, variasi dan kepelbagaiannya umat Rasulullah s.a.w. Jika dilihat scenario hari ini, amalan perkahwinan campur mampu memperkembangkan keturunan dan masyarakat Muslim agar selari dengan perkembangan masyarakat luar.

2.2.2.6 Instrumen Penyelesaian Masalah Sosial¹⁰⁹

Firman Allah s.w.t:

رُّبِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الْشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ
وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الْذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ
الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنَعَمِ وَالْحَرَثِ ذَلِكَ مَتَّعُ الْحَيَاةِ
الْدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَعَابِ

Surah al-Imrān (3): 14

Maksudnya:

→ Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak, harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia.

¹⁰⁹ Wahbah Zuhaily (1984), *op.cit.*, h. 30-31.

Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga)”.

Melalui dalil ini, perkahwinan juga dilihat sebagai satu instrumen yang sesuai dalam menyelesaikan masalah sosial seperti menjauhkan perbuatan maksiat, kegiatan pelacuran dan penzinaan. Islam sebagai agama fitrah, telah menyediakan peraturan hidup yang menyeluruh bagi mengendalikan keinginan semulajadi dalam diri setiap manusia. Dalil di atas turut memperlihatkan bahawa perkahwinan campur itu adalah salah satu kaedah yang sesuai dalam Islam bagi mengendalikan fitrah manusia yang pastinya datang dari individu yang berlainan bangsa, kaum, etnik, suku dan sanak.

Jika masalah sosial seperti di atas membenggu, masyarakat Islam hari ini akan berhadapan dengan fenomena atau gejala kemasuhan masyarakat dan keturunan umat Islam pada masa akan datang. Jika keruntuhan akhlak semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat hari ini, ia pastinya akan menyebabkan suatu keadaan yang huru hara, kacau-bilau dan berpecah belah. Dalam konteks ini, Islam telah menggariskan ciri-ciri pemilihan pasangan mengikut panduan dalam membina sebuah keluarga dan keturunan yang baik. Islam mengharuskan umatnya berkahwin dalam kalangan bangsa, kaum dan etnik yang pelbagai asalkan pasangan beriman dan bertaqwa kepada Allah s.w.t. Hakikatnya, pengharusan ini menunjukkan bahawa perkahwinan campur dilihat sebagai salah satu jalan bagi mengatasi permasalahan dan mengurangkan gejala buruk dalam masyarakat Islam sekaligus memantapkan struktur sosial masyarakat Islam.

2.2.2.7 Memelihara Keturunan dan Mengembangkan Zuriat¹¹⁰

Firman Allah s.w.t:

رَبِّ أَوْزِعِنِي أَنْ أَشْكُرْ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ
وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلْ صَلِحًا تَرَضَهُ وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِي

Surah al-Ahqaf (46): 1

Maksudnya:

"Wahai Tuhanaku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatMu yang Engkau kurniakan kepadaKu dan kepada ibu bapaku, dan supaya Aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redhai dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku".

Islam menggalakkan umatnya untuk mendirikan keluarga dan beranak pinak demi mengembangkan zuriat dan keturunan umat Islam. Daripada konteks *maqāṣid al-syarī‘ah* menjaga dan memelihara keturunan adalah penting (*dariūriyyāt*) ke atas semua manusia tanpa mengira jenis bangsa dan warna kulit kerana ianya melibatkan jiwa dan penghormatan ke atas ciptaan Allah s.w.t.

Jika ada peraturan yang khusus mengenai perkahwinan di antara golongan manusia yang pelbagai di muka bumi ini, sudah tentu sukar untuk manusia itu menjaga keturunannya maka salah satu *maqāṣid al-syarī‘ah* dalam memelihara keturunan tidak tercapai. Sebaiknya, Islam sebagai sebuah agama yang fleksibel (*muruñah*) dan terbuka sangat menggalakkan perkahwinan sebegini disebabkan amalan ini terbukti dapat memanjangkan zuriat, menambah baik baka serta keturunan di samping mendapatkan keredaan

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 33-35.

Allah s.w.t dan pengabdiannya kepada agama Islam. Rasulullah s.a.w sendiri bersabda mengenai perkara yang sunat dan digemari dalam perkahwinan iaitu:

تَزَوَّجُوا الْوَلُودَ الْوَدُودَ ، فِإِنِّي وَكَثُرَ بِكُمُ الْأَمْمُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ¹¹¹

Maksudnya:

→ Kahwinilah (wanita-wanita) yang subur yang boleh melahirkan anak ramai dan seorang yang pengasih, kerana sesungguhnya aku berbangga dengan bilangan kamu yang ramai di hadapan para Nabi pada hari kiamat”.

2.2.3 Hikmah Perkahwinan Campur dalam Islam

2.2.3.1 Dakwah Praktikal¹¹²

Ibadah perkahwinan pastinya mewujudkan banyak hikmah dan keistimewaan dalam Islam. Antara hikmah dan sumbangan positif perkahwinan campur dalam Islam ialah dilihat dapat menarik minat orang bukan Islam untuk memeluk agama Islam. Ia dilihat sebagai dakwah yang praktikal seterusnya meramaikan umat Islam yang terdiri dari keturunan bangsa dan etnik yang pelbagai. Firman Allah:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَوْمِنُونَ بِاللَّهِ^{فَ}

Surah al-Imrān (3): 110

Maksudnya:

→ Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang

¹¹¹ Muḥammad bin Yāzid bin Ḥabib bin Mājah al-Qazwīny (1952), *op.cit.*, no. hadith 2960, h. 324.

¹¹² Dina Khan (1998), *op.cit.*, h. 11.

daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)”.

Ayat suci al-Quran di atas memperlihatkan bahawasanya Islam sangat menggalakkan umatnya melakukan sebarang kebaikan dan menyuruh sekalian umatnya untuk menjauhi perkara yang dilarang Allah s.w.t. Memberi dakwah kepada orang bukan Islam dan membantu mereka mengenali Islam adalah salah satu perbuatan yang mulia di samping mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah s.w.t.

Sesungguhnya perkahwinan campur antara umat Islam dengan saudara baru yang memeluk agama Islam dilihat dan dipandang mulia kerana Rasulullah s.a.w sendiri pernah mengutus surat kepada Penguasa Romawi yang bernama Hiraklius mengajak pemerintah tersebut beriman dengan Allah s.w.t. Nyata daripada perkahwinan campur itu, mampu menyebarluaskan agama Islam dan melaluiinya dakwah mengenai Islam akan sampai kepada bangsa yang lain.¹¹³

2.2.3.2 Mewujudkan Umat Islam yang Dinamik dan Berintegrasi¹¹⁴

Perkahwinan campur juga mampu melahirkan golongan umat Islam yang lebih berkualiti dan membantu mewujudkan bangsa baru yang beridentiti Malaysia seperti Baba dan Nyonya dan Jawi Peranakan. Justeru melalui perkahwinan campur, pasangan-pasangan campur melahirkan bangsa yang dinamik dan harmoni sekaligus membawa kepada variasi dalam keluarga. Walaupun tiada

¹¹³ Muhammad Abū Zuhrah (1980), *al-Da,,wah Ilā al-Islām Tārīkhihā Fī ,Ahdu al-Nabī wa al-Šahābah wa al-Tābi,īn wa al-,Uhūd al-Mutalāhiqah wa mā yajib al-'Āan*, Qāherah: Dār al-Fikr al-`Arābī, h. 134.

¹¹⁴ Muhammad Najīb al-Muṭī`ī (t.t), *Kitāb Majmū, Syarah Li Syairāzī*, j. 17. j. 1, Jeddah: Maktabah al-Irsyād, h. 200.

kajian secara saintifik dilakukan untuk membuktikan kelahiran bayi hasil daripada perkahwinan campur mempunyai potensi IQ yang memberangsangkan, namun melahirkan baka anak yang lebih baik dan sempurna merupakan unsur penting dalam perpaduan nasional. Dalam al-Quran Allah berfirman:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا
قُرْآنٌ آعِيْنِ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

Surah al-Furqān (25): 74

Maksudnya:

“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah Kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami Imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwā”.

Jelas dalam perkahwinan yang merentasi bangsa ini boleh membantu meningkatkan perpaduan dalam kalangan kaum dan etnik yang berbeza latar belakang budayanya.¹¹⁵ Liberalisasi bangsa dan kaum perlu berlaku bagi mendorong berlakunya perubahan melalui perkahwinan dan asimilasi yang akan mencorakkan perubahan identiti baru masyarakat Malaysia. Perubahan ini tentunya akan mencorakkan dan seterusnya mencerminkan sikap keterbukaan masyarakat berbilang budaya yang bersifat progresif dan dinamik.

¹¹⁵ Sarjit S. Gill. (2008), “Integrasi Nasional Melalui Perkahwinan Campur: Kes Peranakan Punjabi di Sabah”, (Kertas Kerja Kongres Kebangsaan Tamadun Malaysia di Kuala Lumpur, 22-23 Januari 2008), h. 17-18.

2.2.3.3 Meluaskan Struktur Keluarga dan Masyarakat¹¹⁶

Dalam menyatupadukan dua individu yang berlainan bangsa dan amalan budaya, perkahwinan campur dilihat memberi kesan positif kepada pembinaan dan mengukuhkan institusi kekeluargaan Islam. Dengan penyatuan ini, hubungan silaturahim sesama manusia yang berlainan agama dapat diteruskan di samping mengembangkan keturunan dan umat Islam. Walaupun pasangan campur yang baru memeluk Islam masih mempunyai keluarga asal yang berlainan agama namun melaluinya sebuah persaudaraan baru dapat dibentuk.

Firman Allah s.w.t:

قَالَ رَبِّنَا أَغْفِرْ لِي وَلَاَخِي وَأَدْخِلْنَا فِي رَحْمَتِكَ وَأَنْتَ

أَرْحَمُ الْأَرْحَمِينَ

Surah al-Araf (7): 151

Maksudnya:

Nabi Musa berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, ampunkanlah bagiku dan bagi saudaraku, dan masukkanlah kami ke dalam rahmatMu, kerana Engkaulah sahaja yang Maha Mengasihani dari segala yang lain Mengasihani".

Daripada dalil ini dapat dibayangkan bahawa persaudaraan dan perhubungan silang bangsa dan budaya walaupun berlainan agama, mampu membawa satu pandangan yang baik terhadap Islam. Islam tidak membezakan setiap individu dan bersikap adil serta terbuka malah melalui sikap ini sudah tentu dapat membentuk satu struktur kekeluargaan yang meluas (*extended*) dan mempunyai daya integriti yang tinggi. Seruan kerajaan Malaysia untuk memelihara struktur keluarga dapat dilihat apabila Kementerian mengadakan pelbagai rancangan pembaharuan sosial khususnya dalam hal memperbaiki

¹¹⁶ *Ibid.*, h. 201.

taraf keluarga, meningkatkan integriti institusi keluarga, mewujudkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, mengukuhkan undang-undang keluarga Islam dan sebagainya dalam misi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan berdaya saing menjelang 2020.

2.2.3.4 Mengukuhkan Kekuatan Agama Islam¹¹⁷

Melalui perkahwinan campur, umat Islam mampu mengelak daripada ancaman luar yang bersifat dengki terhadap kesucian agama Islam. Seterusnya kelemahan dan kekurangan masyarakat dapat diperbaiki kerana wujud masyarakat campuran yang mengukuhkan jati diri dan perpaduan umat Islam. Daripada situasi ini, sesuatu perselisihan faham antara kaum akan mudah diatasi serta dapat membantu membentuk ikatan mesra dan erat dalam kalangan umatnya. Oleh yang demikian, perkahwinan campur dipandang sebagai satu strategi yang baik dalam Islam bagi mengukuhkan keutuhan agama dan kesepadan antara umat yang pelbagai. Firman Allah s.w.t dalam kitab suciNya:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَقْمَتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي
وَرَضِيتُ لَكُمْ أَلَا سَلَمَ دِينًا

Surah al-Mā'idah (5): 3

Maksudnya:

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu”.

¹¹⁷ Muhammad Abū Zuhrah (1958), *Muḥāḍarāt Fī „Aqd al-Ziwāj wa Athāruhu*, Qāherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, h. 45.

Manifesto dalil di atas mencerminkan bahawa Islam adalah agama untuk semua dan Allah s.w.t menjanjikan satu nikmat dan keredaan yang tiada tandingnya dalam Islam di samping membantu umatNya mencapai kekuatan dan kehormatan yang agung. Apabila Islam menjadi kuat hasil daripada umat masyarakat yang berbilang bangsa dan berdaya saing, sudah semestinya umat Islam itu bersifat kuat dan maju. Sikap-sikap positif dalam masyarakat boleh berlaku melalui perkahwinan campur iaitu mengamalkan sikap toleransi yang baik, tidak prejudis dan berprasangka buruk, bersatu padu dan berintegriti kerana perubahan yang berlaku di kalangan negara maju khususnya di Amerika Syarikat, Eropah dan Australia adalah didorong oleh perubahan sosial dan budaya yang melibatkan perkahwinan di luar lingkungan budaya dan bangsa.

2.2.3.5 Kahwin campur Meningkatkan Ekonomi¹¹⁸

Bagi perkahwinan campur yang melibatkan pasangan yang berbeza bangsa dan warganagara, sudah tentu pasangan tersebut masih mempunyai keluarga asal yang tinggal di negara asal kediaman pasangan. Daripada perkahwinan yang bersilang negara dan bangsa ini, pastinya menggalakkan beberapa aspek tertentu terutamanya yang melibatkan migrasi dan imigrasi antarabangsa ke dalam Malaysia. Hal ini selari dengan misi negara membawa nama Malaysia ke persada dunia dan menggalakkan orang luar berkunjung ke negara Malaysia. Aktiviti ini mampu menjana keuntungan dan kemajuan Negara sekaligus mempromosikan negara kita dan meningkatkan ekonomi kerajaan.

¹¹⁸ Dan Rodri'guez Garcí'a (2006), "Mixed Marriages and Transnational Families in the Intercultural Context: A Case Study of African-Spanish Couples in Catalonia", *Journal of Ethnic and Migration Studies*, Jil. 32, No. 3, h. 408-409.

2.3 Perkahwinan Campur dari Sudut Sosiologi

Heterogami atau perkahwinan campur merupakan salah satu bentuk dalam sistem perkahwinan dan ianya merujuk kepada perkahwinan yang dibentuk oleh pasangan yang mempunyai latar belakang bangsa, sosio-budaya yang berbeza termasuk berlainan adat, kepercayaan dan sistem nilai.¹¹⁹ Perkahwinan jenis ini bukan sahaja memberi pelbagai impak kepada pihak-pihak yang terlibat, malah ia turut memberi impak terhadap sistem sosiologi, masyarakat dan agama. Justeru, bab ini menjelaskan mengenai konsep perkahwinan campur melalui definisi, jenis-jenis, latar belakang perkahwinan campur di Malaysia, faktor-faktor yang mendorong perkahwinan jenis ini, perbezaan budaya dalamnya seperti aktiviti harian, adat dan keagamaan, bahasa pertuturan dan komunikasi, sistem kekeluargaan dan sokongan sosial. Selain itu, perbincangan dilanjutkan berkaitan penyesuaian pasangan dalam perkahwinan campur melalui proses pembudayaan dalam perkahwinan campur. Daripada sudut sosiologi, perkahwinan campur ini adalah salah satu langkah kepada integrasi sosial dalam proses menyatupadukan berbagai kelompok dalam masyarakat dan individu yang berlainan bangsa membentuk satu kebudayaan dan identiti yang sama. Terdapat pelbagai definisi dan takrifan yang berbeza dalam menerangkan maksud perkahwinan campur.

2.3.1 Definisi Perkahwinan Campur

Daripada sudut sosiologi, perkahwinan campur yang diistilahkan sebagai *heterogami* ialah daripada kata dasar *hetero* yang bermaksud berlainan,

¹¹⁹ Dina Khan (1998), *op.cit.*, h. 7.

berbeza atau lain.¹²⁰ Sedangkan istilah *heterogami* pula membawa maksud perkahwinan di antara pasangan yang tidak mempunyai ciri kesamaan daripada segi bangsa dan cara hidup.¹²¹ Ia termasuklah daripada aspek kekeluargaan, budaya, keturunan atau sistem masyarakat sebagai pembentukan kepada sebuah hubungan kekeluargaan".¹²²

Menurut Strong & Devoult (1998), perkahwinan campur merujuk kepada perkahwinan yang melibatkan pasangan daripada lingkungan sosio-budaya atau ciri peribadi yang berbeza.¹²³ Mereka terdiri daripada individu yang berbeza bangsa, domisil, kepercayaan, nilai, tradisi dan gaya kehidupan. Perkahwinan yang berlangsung ini telah menghasilkan dimensi budaya yang menjadi aspek signifikan dalam sesebuah perkahwinan.¹²⁴ Ia sebuah perkahwinan yang berlaku antara golongan manusia yang berbeza daripada aspek sosial, keturunan, etnik kumpulan, pegangan agama atau kelompok bangsa.¹²⁵

Manakala dalam bahasa Arab pula, ia difahami dengan perkataan زواج مختلط يقعد

yang membawa maksud sebuah perkahwinan yang bercampur, di mana berlaku akad di antara dua individu yang berbeza *anasir* dan elemen seperti sistem nilai, bangsa, tradisi hidup, adat resam dan kelas

¹²⁰ Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 529.

¹²¹ Frederic Maafouk (t.t), *Dictionary of Sociology*, c.1, Lebanon: Academia International, h. 176.

¹²² J.A Simpson & E.S.C Wiener (1989), *The Oxford English Dictionary*, j. 7, c. 2, Oxford: C/A Rendon Press, h. 1114.

¹²³ Strong & Bryan (1998), *The Marriage and Family Experience: Intimate Relationships in a Changing Society*, c. 7, Belmont, CA: Wadsworth Publishing, h. 10.

¹²⁴ BBC English (1993), *BBC English Dictionary*, London: BBC English & Harper Collin Publishers Ltd., h. 590.

¹²⁵ Dugan Romano (1988), *op.cit.*, h. 3.

sosial.¹²⁶ Seterusnya menurut Rozumah, Rumaya & Tan Jo-Pei (2003), perkahwinan campur itu adalah perkahwinan antara seorang lelaki atau seorang perempuan warganegara Malaysia dengan pasangan yang berlainan ras, etnik, agama ataupun warganegara.¹²⁷ Daripada sudut sosiologi, perkahwinan antara budaya memberi maksud perkahwinan yang berlaku antara pasangan yang berlainan latar belakang budaya. Mereka mungkin berbeza dalam nilai, kepercayaan, tradisi, adat atau gaya hidup kerana dimensi budaya adalah sangat berkait rapat antara satu sama lain terutamanya dalam aspek perkahwinan.¹²⁸

Secara keseluruhannya, daripada definisi di atas, dirumuskan bahawa sesebuah perkahwinan itu dipanggil sebagai perkahwinan campur apabila perkahwinan tersebut menyatukan atau menggabungkan antara dua individu daripada pelbagai kumpulan etnik, bangsa, budaya, agama atau kewarganegaraan yang berbeza. Individu-individu ini umumnya berbeza latar belakang kepercayaan, nilai, tradisi, adat resam, bahasa, warna kulit dan gaya kehidupan. Elemen-elemen ini yang menjadikan perkahwinan campur sebagai sebuah perkahwinan yang berbeza daripada perkahwinan biasa di samping ia unik dan berbeza.

2.3.2 Jenis Perkahwinan Campur

Perkahwinan campur boleh terjadi dalam beberapa kategori yang berbeza seperti yang dinyatakan berikut:

¹²⁶ Harith Suleiman Faruqi (2005), *Faruqi's Law Dictionary English-Arabic*, ed. 5, Beirut: Librairie Dua Liban Publisher, h. 445.

¹²⁷ Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Tan Jo-Pei (2003), *op.cit.*, h. 71.

¹²⁸ W. Maretzki, Thomas (1977), *op.cit.*, h. 1.

2.3.2.1 Perkahwinan antara Status:

Perkahwinan jenis ini diberi istilah *anisogami* yang bermaksud perkahwinan antara dua pihak yang berlainan status,¹²⁹ dan ia boleh berlaku dalam dua bentuk iaitu *hipergami* dan *hipogami*. *Hipergami* bermaksud perkahwinan seseorang perempuan dengan lelaki yang lebih tinggi statusnya. Walaupun perkahwinan jenis ini tidak meluas, tetapi ia sering berlaku di India. Ia direka bersesuaian dengan idea hierarki sistem kasta.¹³⁰ Lazimnya pemberian isteri tersebut juga disertai bayaran mas kahwin yang tinggi kepada pihak lelaki.¹³¹ Sebaliknya *hipogami* adalah satu bentuk perkahwinan yang menggalakkan seorang lelaki berkahwin dengan seorang perempuan yang lebih tinggi statusnya.¹³² Hasil daripada ikatan ini akan dapat mengukuhkan lagi status kedua-dua keluarga.¹³³

2.3.2.2 Perkahwinan antara Suku/Sanak:

Perkahwinan jenis ini dikenali sebagai *eksogami* atau perkahwinan di luar kelompok persanakan, keluarga, perkampungan atau suku.¹³⁴ Perkahwinan jenis ini melarang seseorang berkahwin dengan anggota kelompoknya sendiri. Rasional kepada bentuk perkahwinan sebegini menggalakkan keturunan

¹²⁹ Norazit Selat (1993), *op.cit.*, h. 8.

¹³⁰ Kasta membawa maksud golongan yang berdasarkan tingkatan kedudukan atau lapisan masyarakat dan golongan, *Kamus Dewan Keempat*, (2007), *op.cit.*, h. 583.

¹³¹ James A. Boon (1978), “The Shift to Meaning” dalam *American Ethnologist*, No. 2, Bil. 5, h. 7-8, <http://www.jstor.org/stable/pdfplus/643296.pdf>, 3 Disember 2009.

¹³² Perkahwinan jenis ini telah diuraikan oleh E.leach (1961) dalam kajiannya tentang masyarakat Kachin di Myanmar. Orang lelaki Kachin kebanyakannya berkahwin dengan perempuan yang lebih tinggi statusnya seperti perempuan bangsawan. Dalam perkahwinan jenis ini, pihak lelaki dikehendaki membayar hantaran yang tinggi seperti dalam bentuk ternakan umpamanya pemberian lembu dan pada masa yang sama dia juga dapat meningkatkan statusnya melalui kenduri dan jamuan besar yang diadakannya, Ting Chew Peh (1993), *op.cit.*, h. 7.

¹³³ *Ibid.*, h. 8.

¹³⁴ Robin Fox (2003), *Kinship and Marriage: An Anthropological Perspective*, ed. 11, United Kingdom: Cambridge University Press, h. 176.

sesuatu suku itu tidak lemah melalui pembiakan dalaman (*inbreeding*).¹³⁵ Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan Adat Naning di Melaka kebiasaannya mengamalkan bentuk perkahwinan seperti ini¹³⁶ kerana bagi Adat Perpatih hal pemilihan pasangan adalah penting dan dititikberatkan demi menyambung pertalian keluarga¹³⁷ antara dua pihak dan mementingkan kesuburan waris, keluarga dan seterusnyakekayaan dan kebahagiaan suku.¹³⁸

2.3.2.3 Perkahwinan antara Bangsa, Negara dan Agama:

Heterogami adalah satu bentuk perkahwinan campur yang didefinisikan sebagai perkahwinan yang mempunyai latar belakang pasangan yang berbeza bangsa, kaum, negara dan agama.¹³⁹ Perkahwinan antara bangsa dan kaum melibatkan pertembungan dua golongan puak yang berbeza sistem kehidupannya termasuklah bahasa pertuturan, amalan budaya atau adat hidup yang berlainan.¹⁴⁰ Sebaliknya, perkahwinan antara negara pula ialah perkahwinan antara dua warganegara yang berbeza. Sebagai contoh, di Malaysia Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 telah memperuntukkan Seksyen 24¹⁴¹ sebagai peraturan perkahwinan antara

¹³⁵ *Ibid.*, h. 177.

¹³⁶ Mengikut adat perpatih, mereka yang melanggar adat ini iaitu berkahwin sesuku akan dihukum kerana perbuatan mereka itu dianggap sebagai sumbang. Bagi adat ini, perkahwinan ini akan disifatkan satu tragedi yang merugikan suku kerana mereka ini dianggap sebagai adik beradik sedarah sedaging. Adat ini melarang perkahwinan sebegini berdasarkan penyesuaianya pada masa ianya disusun suatu ketika dahulu kerana ianya bertujuan melahirkan keistimewaan dan mewujudkan suatu bentuk perpaduan tersendiri dalam persukuan, Nellie S. L. Tan Wong *ed.* (1992), *Adat Perpatih*, Kuala Lumpur, Wintrac Sdn. Bhd, h. 88-91.

¹³⁷ Abbas Haji Ali (1974), *op.cit.*, h. 21.

¹³⁸ Nellie S. L. Tan Wong *ed.* (1992), *op.cit.*, h. 88-91.

¹³⁹ W. Maretzki, Thomas (1977), *op.cit.*, h. 1.

¹⁴⁰ Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Tan Jo-Pei (2003), *op.cit.*, h. 10.

¹⁴¹ **Seksyen 24. Akad nikah perkahwinan di Kedutaan-Kedutaan, dsb., Malaysia di luar negeri:**

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), perkahwinan boleh diakadnikahkan mengikut Hukum Syarak oleh Pendaftar yang dilantik di bawah subseksyen 28 (3) di Kedutaan, Suruhanjaya

pasangan rakyat Malaysia warganegeri Selangor dengan pasangan warganegara asing di luar negara. Manakala, perkahwinan antara agama melibatkan seorang Muslim dengan seseorang yang bukan beragama Islam.¹⁴² Islam telah menetapkan hukum perkahwinan antara seorang lelaki dan wanita mestilah yang beragama Islam.¹⁴³ kecuali lelaki Muslim dibolehkan mengahwini wanita Kitabiyyah sahaja.¹⁴⁴ Di negara seperti Indonesia dan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat telah mengiktiraf perkahwinan antara agama sebagai sebuah perkahwinan yang sah di sisi undang-undang.¹⁴⁵

Tinggi, atau Pejabat Konsul Malaysia di mana-mana negara yang telah tidak memberitahu Kerajaan Malaysia tentang bantahannya terhadap pengakadnikahan perkahwinan di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, atau Pejabat Konsul itu.

(2) Sebelum mengakadnikahkan sesuatu perkahwinan di bawah seksyen ini, Pendaftar hendaklah berpuashati—

(b) bahawa tiap-tiap satu pihak mempunyai keupayaan untuk berkahwin mengikut Hukum Syarak; dan

(c) bahawa jika salah satu pihak bukan pemastautin Negeri Selangor, perkahwinan yang dicadangkan itu jika diakadnikahkan, akan dikira sebagai sah di tempat di mana pihak itu bermastautin. Enakmen Undang- Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (Enakmen 2), http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/8afede34cda216624825702f000ea0dc?OpenDocument, 31 Disember 2009.

¹⁴² J. Milton Yinger (1968), “On the Definition of Interfaith Marriage”, *Journal for the Scientific Study of Religion*, No. 1, bil. 7, h. 2, <http://www.jstor.org/stable/1385115>, 20 Disember 2009.

¹⁴³ Zākī al-Dīn Sya_ban (1964), *al-Ziwāj wa al-Talāq fī al-Islām*, Qāherah: Dār al-Qawmiyyah Li al-Ṭaba_ah Wa al-Nasyr, h. 59.

¹⁴⁴ Perkahwinan Kitabiyyah menurut undang-undang keluarga Islam adalah diperjelaskan dalam seksyen 2 dan seksyen 10, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (Enakmen 2) bermaksud iaitu seseorang lelaki Islam boleh berkahwin dengan seorang Islam dan seorang Kitabiyyah, manakala seseorang perempuan perlu berkahwin dengan lelaki Islam. Seseorang Kitabiyyah dijelaskan dalam Enakmen 4 sebagai perempuan dari keturunan Bani Ya_qub atau perempuan Nasrani dari keturunan orang-orang Nasrani sebelum Nabi Muhammad s.a.w menjadi Rasul atau seorang perempuan Yahudi dari keturunan orang-orang yahudi sebelum Nabi Isa menjadi Rasul.

¹⁴⁵ S. Pompe (1988), “Mixed marriages in Indonesia: Some Comments on the Law and the Literature”, *Journal of Indonesian Social Science and Humanities*, h. 3-4, <http://www.kitlv-journals.nl>, 25 Disember 2009; Kenneth O. Sanborn (1977), “Intercultural Marriage in Hawaii” dalam W. Maretzki, Thomas et. al., *Adjustment in Intercultural Marriage*, Hawaii: The University Press of Hawaii, h. 42.

2.3.3 Latar Belakang Sejarah Perkahwinan Campur di Malaysia

Malaysia pada hari ini didiami oleh pelbagai bangsa, kaum dan etnik. Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk,¹⁴⁶ Malaysia dilihat antara negara yang unik kerana masyarakatnya yang berbilang etnik hidup berdamping serta bercampur gaul dan tinggal dalam satu unit pemerintahan. Daripada kepelbagaian kaum dan etnik ini, maka wujud pula kepelbagaian budaya, bahasa, agama dan adat resam.¹⁴⁷

Sejarah mencatatkan bahawa kedatangan Portugis, Belanda, Jepun dan British dalam menakluki Tanah Melayu telah mengubah struktur sosiologi masyarakat setempat.¹⁴⁸ Penduduk awal Tanah Melayu pada asalnya hanya terdiri daripada orang asli dan orang Melayu.¹⁴⁹ Namun, selepas zaman kolonialisasi dan migrasi penduduk Tanah Melayu semakin bertambah kepada bangsa lain seperti Cina, India, Portugis, Eropah dan Belanda.¹⁵⁰ Sebagai *Aurea Chersonesus*,¹⁵¹ Tanah Melayu menjadi pusat urusniaga antarabangsa sementara menunggu musim angin monsun dan kebanyakan pedagang asing menetap di Melaka, Pulau Pinang dan Johor dan seterusnya berkahwin dengan penduduk tempatan.¹⁵² Maka dengan kedatangan pedagang asing ini telah menyebabkan lahirnya masyarakat majmuk di Malaysia akibat daripada

¹⁴⁶ Kamus Dewan Keempat (2007), *op.cit.*, h. 843-844.

¹⁴⁷ Khoo Kay Khim (1937), “Malaysia: Immigration and the Growth of a Plural Society”, Khoo Kay Khim, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, No. 71, (Jun 1998), h. 5-10.

¹⁴⁸ Azmah Abdul Manaf (2001), *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 33-35.

¹⁴⁹ Abdul Wahid Jais & Faezah Kassim (2005), “Sosialisasi Masyarakat Orang Asli: Satu Analisis Awal Dari Aspek Adat dalam Faezah Kassim”, (Kertas Kerja Seminar Sejarah Sosial Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Serantau di Kuala Lumpur, 22-23 Jul 2005), Jil. 2, h. 1.

¹⁵⁰ Azmah Abdul Manaf (2001), *op.cit.*, h. 33-35.

¹⁵¹ Bermaksud semenanjung emas.

¹⁵² Ong, Hak Ching (1976), “Sejarah Kaum Baba (Cina Peranakan) di Melaka”, Ong, Hak Ching, (Kertas Kerja Seminar Sejarah Melaka di Melaka, 14-18 Disember 1976, h. 170.

percampuran dalam perkahwinan. Faktor-faktor kolonialisasi dan migrasi telah mempengaruhi perkembangan masyarakat majmuk di Malaysia kini dan seterusnya memberi sumbangsan kepada berlakunya perkahwinan campur antara bangsa dan etnik di Malaysia.

Antara contoh perkahwinan campur yang paling awal berlaku di Tanah Melayu ialah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka iaitu perkahwinan antara Sultan Mansor Syah dengan Puteri Hang Li Po. Akibat daripada perkahwinan campur ini, telah menghasilkan pula ramai keturunan seperti Baba dan Nyonya atau Peranakan Cina¹⁵³ yang juga merupakan satu identiti yang unik bagi Negeri Melaka dan rakyat Malaysia amnya. Selain itu, sejak tahun 1700 perkahwinan lelaki India Muslim dengan wanita Melayu kebanyakannya di Pulau Pinang¹⁵⁴ telah melahirkan satu keturunan yang dipanggil Jawi Peranakan.¹⁵⁵ Namun kebanyakan daripada golongan ini telah berasimilasi dengan bangsa Melayu.¹⁵⁶

Oleh demikian, amalan perkahwinan campur di Malaysia adalah berpaksi kepada faktor sejarah penjajahan dan imigrasi asing di Malaysia. Walaupun fenomena perkahwinan campur ini tidak begitu ketara, namun bukti

¹⁵³ Kaum cina peranakan ini adalah satu kaum yang mempunyai identiti tersendiri di kalangan masyarakat Malaysia kerana mereka tidak dikategorikan sebagai orang Cina kerana bahasa Cina bukanlah bahasa kegunaan mereka malah banyak mewarisi kebudayaan Melayu. Peranakan cina adalah salah satu campuran di antara bangsa Melayu dan Cina dan menghasilkan kaum baru yang dikenali Baba dan Nyonya. *ibid.*, h. 184-185.

¹⁵⁴ Masyarakat ini terbentuk di zaman Malaya British apabila saudagar India berkahwin dengan wanita Melayu tempatan. Masyarakat ini dikenali kerana status dan kekayaannya, selain kerana menerbitkan akhbar bahasa Melayu pertama *Jawi Peranakan*.

¹⁵⁵ Utaka, Yushi (2002), “Conserving the Living Culture: Lessons from Little India”, (Kertas Kerja International Conference on the Penang Story di Penang, 19-21 April 2002), Bil. 3, h. 1-4.

¹⁵⁶ Halimah Mohd Said (2004), *Images of the Jawi Peranakan of Penang: Assimilation of the Jawi Peranakan Community into the Malay Society*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 23.

kepada amalan ini boleh dilihat kepada kes-kes mahkamah seperti *In Re Maria Hertogh* (1951),¹⁵⁷ *Chua Mui Nee. lawan Palaniapan* (1967),¹⁵⁸ *Raja Kamarul Bahrin dan Jacqueline Pascarl* (1992),¹⁵⁹ *Martin lawan Umi Kalsom* (1963), *Abdul Razak lawan Maria Menado* (1965), *Haslinda binti Alias lawan Johdi Matthew Byrne @ Yahya bin Abdullah*¹⁶⁰ (1999), *Siti Nadzirah Mohd. Nasir lawan Fazal Azim Abdul Ahad*¹⁶¹ (2007) dan *Elis Syuhaila lawan Dutchman Frank Theodorus Van de Ven @ Firdaus Abdullah*¹⁶² (2009). Semua ini telah membuktikan bahawa perkahwinan campur di Malaysia telah mewarnai sistem perundangan terutamanya apabila pasangan yang berkahwin itu berlainan warganegara dan latar belakang bangsa.

2.3.4 Faktor Pendorong Perkahwinan Campur

Dalam membincangkan mengenai perkahwinan campur, kajian menunjukkan jarang sekali kita dapati ia berlangsung atas pilihan keluarga.¹⁶³ Lazimnya perkahwinan campur berlaku dalam masyarakat multietnik seperti di Malaysia, Amerika Syarikat dan Singapura. Secara semulajadi, faktor jodoh adalah satu sebab yang tidak dinafikan sebagai penyumbang utama kepada perkahwinan campur. Bagi ahli sosiologi barat, elemen peluang adalah paling

¹⁵⁷ [1951] MLJ 164 — 7 [2256].

¹⁵⁸ [1967] 1 MLJ 270 — 7 [2579]

¹⁵⁹ Raja Bahrin Shah & Bryan Wickham (1997), *The Raja Bahrin Story: A Father's Dramatic Rescue Mission*, Singapore: Time Books International, h. 34.

¹⁶⁰ Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (1999), *op.cit.*, h. 47-63.

¹⁶¹ Norhana Salashar Basharuddin. (22 November 2007) Siti Nazhirah Bawa Pulang Arman Khan, *Utusan Malaysia*, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1122&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm, 1 Julai 2010.

¹⁶² Hidayah Mohammad. (27 Mei 2010) Elis Syuhaila Akan Terus Berusaha Dapatkan Anak Tunggal Yang Dilarikan Bekas Suami, *Berita Harian*, http://www.bharian.com.my/articles/RindukepadaFerris/Article/print_html, 1 Julai 2010.

¹⁶³ Tan, Poo Chang (1986), "Some Findings on Ethnic Intermarriage in Peninsular Malaysia" dalam *Himpunan Sains Sosial*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, h. 6.

utama dalam proses pemilihan pasangan kahwin campur.¹⁶⁴ Walter F. Char (1977) menyatakan:

...Chance and availability are very important factors in the process of mate selection. This is true in all marriage but probably is more so in intercultural marriage...¹⁶⁵.

Dalam Islam, faktor ini merupakan kehendak dan ketetapan Allah. Pelbagai hikmah dan rahsia yang terkandung di sebaliknya termasuklah jodoh, ajal maut dan hidayah keimanan kepada umat-umatNya.¹⁶⁶ Firman Allah s.w.t:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنِ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ^{٤٧}

Surah al Naml (27): 65

Maksudnya:

“Dan katakanlah hai Muhammad kepada umatmu, bahawa tiada siapa di langit maupun di bumi yang mengetahui perkara ghaib kecuali Allah”

Seterusnya, tarikan pasangan sama ada dari sudut rupa, ciri personaliti atau kualiti tertentu¹⁶⁷ yang lebih unik dan menyerlah adalah motivasi penting dalam penyatuan dua individu yang berlainan bangsa. Jane Khatib (1998) *et. al* menyatakan:

“...some women said they were drawn to their future husband because he was different. Although this difference was variously defined, it alluded to personal qualities in the future spouse which they compared favourably with those of known others, or complemented some aspects of the subject’s own personality in which she felt lacking...”¹⁶⁸

¹⁶⁴ *Ibid*, h. 35.

¹⁶⁵ Walter F. Char (1977), “Motivations for Intercultural Marriages” dalam Wen-Shing Tseng, *Adjustment in Intercultural Marriage*, United State: Department of Psychiatry, h. 34.

¹⁶⁶ Baḍāwī al-Tabūnah (t.t), *Iḥyā*”, *Ulūm al-Dīn li al-Imām al-Ghazālī*, j. 2, Qāherah: Dār al-Ulūm, h. 34.

¹⁶⁷ Dugan Romano (1988), *op.cit.*, h. 132.

¹⁶⁸ Jane Khatib Chadidi *et al.* (1998), *op.cit.*, h. 52.

Elemen-elemen tersebut selalunya mencerminkan minat dan kecenderungan pasangan kepada mencuba sesuatu yang baru dan berbeza daripada pilihan biasa.¹⁶⁹ Islam tidak melarang untuk memilih pasangan bersandarkan kepada beberapa kriteria tertentu seperti keturunan, harta, kecantikan dan agama.¹⁷⁰ Rupa paras dan keturunan merupakan salah satu kriteria asas dalam pemilihan pasangan sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

تنکح النساء لأربع ملائكة ولحسبيها ولحماتها ولدينها، فاظفر بذات الدين ترتب

¹⁷¹ يدك

Maksudnya:

— Wanita itu dikahwini kerana empat perkara, kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan kerana agamanya. maka carilah wanita yang taat kepada agama, nescaya engkau beruntung”

Selain itu, motivasi kepada pasangan yang berkahwin campur ialah Islam. Mai Yamani (1998) memberikan komentar yang berbunyi:

“From the beginning of Islam, cross-cultural marriage has been significant agent of Islamization, not only in areas that were conquered militarily, but also in the outlying factors such as the spirit of Islam which promoted the cohesion between Muslims despite any racial or cultural differences... ”¹⁷²

Islam adalah sebuah agama *syumul* dan tertinggi yang antara lainnya membawa maksud sebuah agama yang mempunyai panduan lengkap tentang segala sistem kehidupan dan permasalahan manusia yang boleh diselesaikan sekiranya manusia memahami dan mengamalkan agama Islam secara

¹⁶⁹ Walter F. Char (1977), *op.cit.*, h. 35.

¹⁷⁰ al-Nawāwī (1980), *Kitāb al-Majmū‘, Syarḥ Li al-Muhadhab al-Syairāzī*, j. 1, Jeddah: Maktabah al-Irsyād, h. 207-208.

¹⁷¹ Abū Dāwud (t.t), *al-Kutub al-Sittah*, j. 8, Istanbūl: Cagri Yayınlari, h. 539-540.

¹⁷² Mai Yamani (1998), *op.cit.*, h. 153.

menyeluruh.¹⁷³ Firman Allah s.w.t yang menyuruh umatNya beriman dengan Islam dipetik:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي
وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Surah al-Mā'idah (5): 3

Maksudnya:

—Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu”.

Tidak dinafikan, sesetengah golongan mempunyai kepercayaan kepada budaya dan cara hidup golongan lain selain daripada budaya mereka sendiri. Dalam membicarakan mengenai faktor ini, Walter F. Char (1977) telah mengulas:

*“People have beliefs about their culture and other culture which may or may not be founded on reality. Based on such beliefs, an intercultural marriage may result. There are some who say that they married someone from another culture because that person possesses a valued attribute that their own culture is not as likely to supply”.*¹⁷⁴

Di Malaysia, daya tarikan terhadap budaya Melayu telah menjadi penyebab utama sesetengah pasangan kahwin campur untuk memilih pasangan bangsa Melayu kerana cara kehidupan yang berlandaskan Islam,¹⁷⁵ adat resam yang menekankan kesopanan, kelembutan dalam perhubungan,¹⁷⁶ norma-

¹⁷³ Sayyid Quṭub (1992), *op.cit.*, h. 842.

¹⁷⁴ Walter F. Char (1977), *op.cit.*, h. 37.

¹⁷⁵ Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *op.cit.*, h. 874.

¹⁷⁶ Abdul Wahid Jais (2006), “Kesantunan Bahasa dalam Peradaban Melayu dari Perspektif Komunikasi”, (*Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Bahasa Verbal dan Bukan Verbal dari Perspektif Bahasa, Terjemahan dan Komunikasi di Pulau Pinang*, 2006), h. 60-61.

norma hidup bersifat ketimuran dan bertatasusila serta kesenian yang pelbagai dan bernilai tinggi.¹⁷⁷

Bagi faktor sampingan, perubahan zaman dan kemajuan teknologi yang¹⁷⁸ berasaskan kajian saintifik termaju seperti penggunaan peralatan elektronik yang canggih sama ada daripada instrumen maklumat dan komunikasi,¹⁷⁹ industri, pengangkutan dan sains gunaan telah memberi perubahan yang begitu besar pada masyarakat Melayu dan sedikit sebanyak merubah segala peradaban dan kebudayaan masyarakat Melayu.¹⁸⁰ John Mcfadden & James L. Moore (2001) menyebut:

*“The presence of intercultural marriages and intimacy is clear and expanding in societies throughout the globe and technological instruments”.*¹⁸¹

Seterusnya, penerimaan yang terbuka oleh masyarakat terhadap pasangan yang berkahwin campur adalah sebagai satu faktor berlakunya perkahwinan ini. Jika dulu ia dianggap sebagai suatu kesalahan dan melanggar adat kebiasaan sebagaimana yang dipetik:

-Individuals tend to perceive people belonging to their own group much more favorably than persons belonging to other group. Many parents of those who marry cross-culturally and

¹⁷⁷ *Ibid.*

¹⁷⁸ Noraniza Yusuf (2006), “Globalisasi dan ICT sebagai Satu Fenomena Universal: Kesan Terhadap Pensejarahan Komuniti Global” dalam Abdul Manaf Bohari, *ICT dari Perspektif Profesional: Isu-Isu Pengurusan dan Organisasi*, Selangor: Pearson Hall, h. 129-131.

¹⁷⁹ Sains atau teknologi perhubungan telegraf atau telefon yang dipancarkan melalui radio, talian, satelit dan lain-lain terdiri daripada telefon mudah alih, komputer, radio, television dan lain-lain.

¹⁸⁰ Madlifah Mohd. Yusup (1976), “Perubahan Teknologi dan Kesan-Kesannya Terhadap Sistem Nilai Masyarakat”, (Kertas Kerja Seminar Belia dan Alam Sekitar di Kuching, 18-20 Oktober 1976), h. 3.

¹⁸¹ John Mcfadden & James L. Moore (2001), “Intercultural Marriage and Intimacy: Beyond the Continental Divide”, *International Journal for the Advancement of Counselling*, Netherlands: Kluwer Academic Publishers.

cross-racially have reservation and doubt about the wisdom of their child's choice".¹⁸²

Namun, prinsip asas perpaduan yang diterap dalam masyarakat Malaysia kini telah menjadikan amalan perkahwinan campur ini sebagai medium kepada perpaduan rakyat dan negara. Secara kesimpulannya faktor di atas memberi gambaran jelas mengenai proses pemilihan pasangan bagi pasangan yang berkahwin campur. Selain daripada itu, terdapat juga faktor lain yang mendorong mereka berkahwin campur seperti faktor persekitaran yang menggalakkan sama ada mempunyai ahli keluarga ataupun saudara-mara yang turut mengamalkan perkahwinan campur dan mereka telah terbiasa dengan amalan ini dalam kehidupan mereka.

2.3.5 Perbezaan Budaya dalam Perkahwinan Campur

Oleh kerana perkahwinan campur merupakan perikatan antara dua bangsa yang berbeza, maka tidak disangkal lagi perbezaan yang ketara antara pasangan kahwin campur daripada aspek penting dalam aktiviti kehidupan termasuklah beberapa aktiviti harian, adat dan keagamaan, bahasa pertuturan dan komunikasi, sistem kekeluargaan dan sokongan sosial.¹⁸³ Perbincangan mengenai perbezaan dalam perkahwinan campur dalam kalangan masyarakat Melayu dan pasangan yang berbangsa asing adalah difokuskan kepada beberapa aspek penting dalam kehidupan seperti:

¹⁸² Mary Sissons Joshi & Meena Krishna (1998), "English and North American Daugther-in-Law in the Hindu Joint Family" dalam Rosemary Breger & Rosanna Hill, *Cross-Cultural Marriage: Identity and Choice*, New York: Berg, h. 172-173.

¹⁸³ Richard Buttney (1987), *op.cit.*, h. 135-137.

2.3.5.1 Aktiviti Harian

Dalam konteks perkahwinan campur, aktiviti harian termasuklah perkara yang utama seperti makanan dan pakaian. Umumnya, kebanyakan masakan setiap bangsa dan negara berbeza dari segi sajian, rasa, aroma, resipi, khasiat dan penyediaannya.¹⁸⁴ Makanan dilihat sebagai perkara yang paling utama untuk ditekankan berbanding perkara lain dalam aktiviti kehidupan pasangan yang berkahwin campur ini.¹⁸⁵ Islam telah menggariskan peraturan-peraturan tertentu dalam ibadah termasuklah dalam hal makanan.¹⁸⁶ Maka, perkara yang berkaitan dengan makanan mestilah disesuaikan dengan peraturan yang digariskan oleh Islam demi mendapat kehidupan yang direhdai dan sumber yang halal akan menjamin kesihatan jasmani dan rohani yang hakiki.¹⁸⁷

Umumnya melalui pakaian kita akan dapat mengenali identiti seseorang. Lazimnya baju kurung menggambarkan identiti wanita Bangsa Melayu dan ceongsam pada wanita Bangsa Cina. Dalam konteks pakaian pula, pasangan asing pasti mempunyai perbezaan dalam cara pemakaian.¹⁸⁸ Kadangkala, pemilihan pakaian yang berbeza dan tidak tepat akan menimbulkan masalah dalam diri. Perkara ini adalah sesuatu yang subjektif dan berkaitan dengan isu bangsa, nilai dan identiti diri. Perasaan keliru atau keceluaran identiti kaum serta perasaan tidak tergolong (*unbelonging*) dalam sesuatu ciri bangsa sering berlaku dalam kalangan pasangan yang berbeza bangsa sepetimana pendapat di bawah yang menyatakan:

¹⁸⁴ Dugan Romano (1988), *op.cit.*, h. 34-35.

¹⁸⁵ *Ibid.*

¹⁸⁶ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*, Qāherah: Maktabah Wahbah, h. 396.

¹⁸⁷ *Ibid.*

¹⁸⁸ Dugan Romano (1988), *op.cit.*, h. 56-59.

“Although we may consciously deny it, there is a strong tendency for people to rank ethnicities, cultures, races and country of belonging as being superior or inferior to one another”¹⁸⁹.

Aspek pakaian dilihat lebih menjadi isu dan cabaran kepada pasangan jenis ini dan ianya jelas dan kerap berlaku dalam kalangan keluarga yang berkahwin campur.

2.3.5.2 Adat dan Keagamaan

Adat adalah suatu peraturan yang sudah diamalkan sejak turun-temurun di dalam sesebuah masyarakat sehingga kadangkala ia menjadi suatu hukum, peraturan atau pantang larang¹⁹⁰ yang harus dipatuhi¹⁹¹ terutamanya hal-hal seperti adat perkahwinan orang Melayu, menyambut kelahiran bayi dengan bercukur. Mann dan Waldron (1977) menjelaskan bahawa wujud perbezaan dalam cara hidup pasangan berlainan ras kerana seringkali menghadapi masalah untuk mengadaptasi cara baru¹⁹² terutamanya dari segi cara pengasuhan, pendidikan dan sosialisasi anak-anak. Akibatnya pasangan mengamalkan cara pengajaan anak yang unik dan tersendiri dengan mencampur adukkan ciri-ciri adat dan tradisi yang berbeza daripada budaya asal dan pasangan ke dalam cara pengasuhan anak mereka.¹⁹³

¹⁸⁹ Rosemary Breger & Rosanna Hill (1998), *op.cit.*, h. 20.

¹⁹⁰ Pantang larang bermaksud peraturan yang lazim dipakai sejak dahulu kala lagi manakala perkataan 'pantang' membawa maksud tegahan daripada melakukan sesuatu.

¹⁹¹ Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *op.cit.*, h. 7.

¹⁹² Mann, E& J.A Waldron (1977), "Intercultural Marriage and Child Rearing" dalam W. Maretzki, Thomas *et al.* *Adjustment in Intercultural Marriage*, Hawaii: The University Press of Hawaii.

¹⁹³ Ronald C. Johnson and Craig T. Nagoshi (1986), "The Adjustment of Offspring of Within-Group and Intercultural Marriages: A Comparison of Personality Factor Scores", *Journal of Marriage and Family*, No. 2, Bil. 48, Mei 1986, h. 1-2.

Manakala dalam hal keagamaan termasuklah dalam hal perayaan, mereka harus menghormati dan merayakannya hari perayaan pasangan seperti kaum Muslimin. Jelas dalam Islam, perbuatan menyambut dan meraikan perayaan bangsa yang berbeza agama adalah satu perkara yang dilarang Allah s.w.t atas dasar kekufuran dan berkasih sayang dengan mereka disebabkan agama.¹⁹⁴ Dalil di bawah menerangkan mengenai penyataan di atas:

Oleh yang demikian hukumnya adalah haram dan sama sekali tidak boleh dilakukan. Islam menggariskan syarat dan landasan tertentu dalam menghormati perayaan atau ucapara yang disambut oleh orang yang bukan beragama Islam. Menurut Yusūf al-Qaraḍāwī (1997),¹⁹⁵ adalah harus untuk kita mengucapkan dan menghormati perayaan mereka kerana ini tidak lebih daripada hanya mewujudkan rasa simpati antara satu sama lain tetapi tidak bermakna bahawa kita telah merelakan agama dan kepercayaan mereka kerana Islam tidak menutup hubungan di antara dua kaum yang berlainan agama dan kepercayaan ini. Allah s.w.t berfirman:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ
تُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيْرِكُمْ أَن تَبْرُوْهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ
اللَّهَ تُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Surah al-Muntaḥanah (60): 8

Maksudnya:

→Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung

¹⁹⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1997), *op.cit.*, h. 210-212.

¹⁹⁵ *Ibid.*

halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasih orang-orang yang berlaku adil.—

2.3.5.4 Bahasa Pertuturan dan Komunikasi

Bahasa merupakan satu simbol komunikasi yang digunakan untuk berinteraksi dan berhubung antara satu sama lain.¹⁹⁶ Dalam perkahwinan campur, bahasa pertuturan menjadi satu aspek penting namun perbezaan bahasa ibunda yang wujud pastinya menjadi satu cabaran yang besar kerana terdapat halangan dan sekatan dalam berinteraksi dengan individu dan komuniti yang berbeza.

Menurut Rosemary (1998) *et al.*

“In a mixed marriage where the partners do not share the same mother tongue, the language in which they decide to communicate at home can be symbolic of the extent which each partner is prepared to forget her or his cultural background and incorporate new elements. In Yamani’s example where Urdu and Arabic are the language in question, the family actually spoke a third language equally foreign to both partners, but in which both were fluent.”¹⁹⁷

Intipati di atas jelas menunjukkan bahawa pasangan yang berkahwin campur telah bersedia untuk melupakan latar belakang budaya mereka dan menggabungkan elemen bahasa yang baru. Ini membuktikan bahawa pasangan kahwin campur berkecenderungan menggunakan bahasa yang lebih dominan dan mudah difahami sebagai bahasa pertuturan di rumah atau bersama keluarga walaupun kadangkala bahasa yang digunakan bukanlah bahasa ibunda kedua-dua pasangan.¹⁹⁸ Kebolehan berbahasa lebih daripada satu

¹⁹⁶ Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *op.cit.*, h. 106.

¹⁹⁷ Rosemary Breger & Rosanna Hill (1998), *op.cit.*, h. 21-22.

¹⁹⁸ Sarah Donovan (2004), “Stress and Coping Techniques in Successful Intercultural Marriages”, (*Disertasi Sarjana*, Faculty of the Virginia Polytechnic Institute and State University), h. 46-48.

bahasa adalah kriteria yang amat penting bagi pasangan kahwin campur dan anak-anak mereka.¹⁹⁹

2.3.5.5 Sistem Kekeluargaan dan Sistem Sokongan Sosial

Perkahwinan campur adalah satu penyatuan antara dua individu iaitu lelaki dan wanita yang berlainan bangsa dan kebudayaan, dan akibat daripada amalan ini berlakulah proses pemindahan sifat-sifat dan ciri-ciri yang membawa maksud perubahan identiti individu terlibat kepada identiti baru yang melibatkan perpindahan seorang individu ke dalam kumpulan individu lain secara aktif.²⁰⁰

Lazimnya, proses perpindahan atau pertukaran identiti ini tidak disenangi masyarakat apatah lagi ahli keluarga dan ibu bapa. Ini kerana apabila berlaku perpindahan identiti, pasangan yang berkahwin campur pastinya mengikuti cara hidup baru pasangannya dan meninggalkan terus adat resam yang telah diamalkan sejak kecil lagi. Menurut Beson (1981), masalah yang mungkin timbul ialah pengasingan, cemuhan dan penolakan daripada ahli keluarga serta rakan-rakan yang baru ekoran daripada akibat mereka mengambil keputusan untuk berkahwin campur. Oleh yang demikian, pasangan sering menghadapi kesukaran untuk membina jaringan sosial yang berkesan terutamanya dalam proses mendidik dan mengasuh anak. Menurut Robert O. Blood (1962):

“Alienation from in-laws is a natural corollary of mixed marriage motivated by rebellion or loose families ties. Where the family of orientation had disintegrated through death or voluntary separation, the usual family pressure for homogamy

¹⁹⁹ Ronald C. Johnson & Craig T. Nagoshi (1986), *op.cit.*, h. 1-2.

²⁰⁰ Norazit Selat (1993), *op.cit.*, h. 137.

were dismissed and the post-marital sanctions on heterogamy were correspondingly less".²⁰¹

Terdapat kajian yang mendapati pasangan yang berkahwin campur menghadapi masalah kekurangan sokongan daripada ahli keluarga asal, penerimaan sosial daripada ahli keluarga baru dan sokongan sosial daripada masyarakat luar²⁰² yang akhirnya mengakibatkan pasangan ini merasa terasing daripada keluarga atau budaya asal mereka.²⁰³ Oleh yang demikian, pasangan yang berkahwin campur digalakkan menjaga kualiti hubungan kekeluargaan iaitu dengan keluarga asal agar perkembangan sosial individu semakin meluas dan berkembang di samping membina hubungan baik dan terbuka dengan keluarga baru serta mengelakkan pasangan campur keluar daripada hubungan keluarga asal mereka.

2.3.6 Pembudayaan dalam Perkahwinan Campur

Dalam konteks perkahwinan campur, terdapat kaedah khusus dalam menguruskan perbezaan sistem dan nilai yang berlainan. Ini kerana pasangan yang berkahwin campur dilihat memerlukan kepada satu medium dan kaedah tertentu sebagai instrumen penyelesaian terhadap masalah-masalah perbezaan dan cabaran yang mendarang. Di antara proses-proses yang perlu dilalui oleh pasangan kahwin campur ialah:

²⁰¹ Robert, O. Blood (1962), *Mixed and Unmixed Marriage*, c. 3, New York: Holt, Rinehart and Winston, h. 79.

²⁰² Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Tan Jo-Pei (2003), *op.cit.*, h. 36-39.

²⁰³ Sarah Donovan (2004), *op.cit.*, h. 39-41.

2.3.6.1 Adaptasi

Umumnya, pasangan yang berkahwin campur tidak dapat lari dalam menghadapi pelbagai konflik dan masalah dalam perkahwinan lebih-lebih lagi apabila melibatkan dua bangsa yang berlainan budaya dan corak hidupnya.²⁰⁴ Maka adaptasi²⁰⁵ dilihat sebagai cara untuk pasangan menyesuaikan diri walaupun kadar dan peratus penyesuaian antara suami dan isteri dalam kelangsungan rumahtangga adalah berbeza. Adaptasi banyak bergantung kepada faktor persekitaran, komitmen keluarga, masyarakat dan toleransi serta tolak ansur kedua-dua pasangan dalam menyesuaikan diri ketika berhadapan dengan masalah pertembungan nilai-nilai budaya. Tidak dinafikan proses ini memakan masa yang panjang dan merupakan konflik yang agak mencabar terutamanya awal peringkat perkahwinan.²⁰⁶

2.3.6.2 Asimilasi

Dalam perkahwinan campur kebanyakan daripada pasangan akan mengalami proses asimilasi budaya²⁰⁷ dan cara hidup. Ia juga dapat ditakrifkan sebagai satu proses penerapan budaya. Menurut Norazit Selat (1993):

—Asimilasi menerangkan bahawa kebudayaan atau cara hidup sesuatu masyarakat (biasanya golongan migran atau puak minoriti iaitu bangsa asing) telah diserap oleh satu kebudayaan lain yang lebih dominan tanpa membawa sebarang perubahan kepada kebudayaan yang menyerap.”²⁰⁸

²⁰⁴ Milton J. Bennett (1998), *Intercultural Communication: A Current Perspective*, Intercultural Press, h. 2.

²⁰⁵ Satu proses penyesuaian dengan keadaan atau sebagainya yang baru dan berbeza, *Kamus Dewan Keempat* (2007), *op.cit.*, h. 11.

²⁰⁶ Milton J. Bennett (1998), *op.cit.*, h. 2.

²⁰⁷ Asimilasi budaya bermaksud pemaduan berbagai-bagai jenis atau berbagai-bagai unsur bangsa atau budaya menjadi satu, *Kamus Dewan Keempat* (2007), *op.cit.*, h. 35.

²⁰⁸ Norazit Selat (1993), *op.cit.*, h. 18.

Proses asimilasi bergantung kepada dua faktor yang penting iaitu kesanggupan golongan minoriti untuk menghilangkan identiti mereka dan kesanggupan golongan majoriti menerima golongan lain. Justeru, proses asimilasi ini berkemungkinan berlaku dalam bentuk sehala dan bentuk dua hala. Namun proses ini tidak semestinya berjalan dengan kadar yang sama di antara pihak yang mengalami proses tersebut. Sebagai contoh seorang bangsa Jepun yang berkahwin dengan orang Melayu akan cenderung mengamalkan cara Melayu dan meninggalkan terus budaya asalnya. Namun berbeza dengan asimilasi dua hala iaitu kedua-dua pasangan tersebut melalui proses perubahan budaya seperti orang Melayu sedikit sebanyak mengamalkan cara kehidupan orang Jepun termasuklah dalam hal-hal seperti makanan, pakaian, pergaulan dan sebagainya.

2.3.6.3 Islamisasi

Bagi al-Attas, Islamisasi²⁰⁹ adalah sebuah revolusi ilmu iaitu dengan merubah disiplin ilmu, fikiran, jiwa raga, amalan, cara hidup yang mampu memberi kesan terhadap kehidupan manusia sebagai seorang Muslim.²¹⁰ Pasangan yang berkahwin campur dilihat harus memainkan peranan yang penting dalam menjayakan proses Islamisasi kerana melalui proses ini, pasangan yang bukan berasal daripada agama Islam, dapat mempelajari dan mengamalkan ajaran Islam secara berperingkat kerana melalui proses ini seseorang dapat meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah. Keimanan dan

²⁰⁹ Satu usaha atau proses untuk menjadikan patuh kepada ciri-ciri agama Islam, atau perihal mengislamkan, pengislaman, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007), *op.cit.*, h. 590.

²¹⁰ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1931), *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*, Kuala Lumpur: Yayasan Anda Akademik, h. 45.

kepercayaan yang tinggi kepada Allah adalah *wasilah* untuk mendapatkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.²¹¹

Dalam membincangkan mengenai proses Islamisasi ini, ianya terbahagi kepada dua skop utama iaitu; proses Islamisasi dalam kalangan pasangan yang berkahwin campur di mana salah seorang atau kedua-duanya baru memeluk Islam dan mempunyai latar belakang keturunan dan budaya yang berbeza. Manakala yang kedua melibatkan pasangan yang telah beragama Islam cuma berlainan bangsa dan corak hidup. Proses awal yang sewajarnya ialah dengan melihat kepada perkara-perkara asas dan pokok yang melibatkan iman dan akidah. Kemudian barulah berpindah secara berperingkat-ringkat dalam hal ibadah dan muamalat dan seterusnya berpindah kepada perkara-perkara cabang.

2.3.7 Teori Amalgamasi

Perkembangan keturunan manusia melalui perkahwinan campur boleh difahami melalui proses amalgamasi²¹² dan ia berlaku daripada hasil pencantuman sesuatu secara saintifik seperti dalam hal pertanian dan penanaman. Dalam konteks Malaysia, amalgamasi bererti orang-orang Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan kumpulan-kumpulan etnik yang lain bercantum dan biasanya melalui perkahwinan silang budaya atau campuran yang menghasilkan satu kaum baru.²¹³

²¹¹ al-Ghazālī (1970), *Khuluq al-Muslim*, Riyad: Dār al-Bayān, h. 23.

²¹² Penyatuan biologi antara anggota-anggota kelompok etnik atau ras yang berlainan, sehingga muncul bangsa yang baru, Ting Chew Peh (1993), *op.cit.*, h. 3.

²¹³ Di Amerika Syarikat, idea amalgamasi sering dinyatakan atau disamakan dengan istilah “periuk pencair” (*melting pot*), yang berasal daripada judul drama Israel, Zangwill, seorang

Teori amalgamasi boleh dinyatakan dalam bentuk formula A+B+C=D, di mana A, B dan C mewakili kumpulan etnik yang berlainan dan D mewakili *amalgam*, satu kumpulan baru hasil daripada penyatuan biologi antara A, B dan C. Sama seperti proses pencantuman dalam pertanian, kaedah ini menghasilkan baka baru yang lebih baik dan berkualiti.²¹⁴ Dalam perkahwinan campur, proses ini adalah salah satu hasil dan kesan positif yang jelas terbukti dengan melahirkan satu bangsa dan keturunan baru yang mempunyai baka terbaik daripada dua ras yang berlainan yang mana ianya terbukti boleh menjadikan anak campuran satu keturunan yang unik dan lebih bijak daripada anak-anak biasa.²¹⁵

2.4 Kesimpulan

Perkahwinan campur merupakan satu ikatan perkahwinan antara dua individu yang berlainan bangsa, sosio-budaya dan domisil yang mana daripada sudut sejarah Malaysia, banyak perkahwinan sebegini berlaku dan amalan ini bertanggungjawab mencorak sistem sosiolisisasi masyarakat Malaysia kini termasuklah golongan Baba Nyonya, Jawi Peranakan, Portugis-Eurasian, Punjabi, India Muslim dan Cina Muslim. Jika dilihat daripada faktor yang mendorong kepada perkahwinan campur, kebanyakannya tertumpu kepada faktor jodoh, Islam, personaliti, budaya Melayu, dan faktor sampingan lain seperti teknologi dan persekitaran iaitu saudara terdekat yang berkahwin campur.

imigran Yahudi Amerika Syarikat. Idea asas “periuk pencair” ialah kebudayaan yang beraneka ragam dalam sesuatu masyarakat bercantum dan melahirkan satu kebudayaan baru, *ibid.*, h. 4.

²¹⁴ *Ibid.*

²¹⁵ Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Tan Jo-Pei (2003), *op.cit.*, h. 64-65.

Manakala perbezaan budaya yang berlaku dalam aktiviti harian seperti makanan, pakaian, dan bahasa pertuturan adalah perkara lazim yang dihadapi oleh setiap pasangan pada peringkat awal perkahwinan. Namun perbezaan itu boleh diatasi jika pasangan menguruskan perbezaan sistem-sistem nilai yang berlainan di antara mereka dengan bijaksana bagi mengelakkan konflik dan kesukaran antara pasangan dan juga pihak-pihak yang terlibat seperti keluarga, ibu bapa dan masyarakat setempat. Elemen penyesuaian yang melibatkan proses adaptasi, asimilasi, Islamisasi dan sebagainya haruslah sentiasa berterusan kerana dengan kaedah-kaedah ini dapat menggalak dan menyuburkan nilai-nilai murni dalam keluarga pasangan yang berkahwin campur. Perkara ini adalah asas yang amat penting yang mesti diambil serius oleh pasangan suami isteri campuran dalam menjamin keberlangsungan kehidupan berkeluarga dan membina keluarga yang bahagia.

BAB KETIGA

KONSEP KEBAHAGIAAN KELUARGA DALAM ISLAM

3.1 Pendahuluan

Asas pembinaan sesebuah perkahwinan adalah untuk keluhuran dan ketenteraman hidup (*al-sakīnah*) sekaligus sebagai pembentukan sebuah masyarakat yang harmoni. Keharmonian masyarakat umumnya bermula daripada institusi keluarga yang mampu mewujudkan ketenangan dan kemantapan hidup bersama berdasarkan kepada hubungan baik dan rasa kasih sayang antara satu sama lain.²¹⁶ Bagi pasangan yang berkahwin campur, lazimnya menghadapi cabaran yang besar²¹⁷ dalam mengharungi kehidupan rumah tangga disebabkan jurang perbezaan sistem nilai, ciri personal dan budaya yang besar.²¹⁸ Bagi mengekalkan kebahagiaan setiap pasangan terutamanya yang mempunyai latar belakang bangsa, budaya, dan adat resam yang berbeza, konsep kebahagiaan dalam keluarga harus difahami dan diaplikasi secara menyeluruh agar keluarga yang dibina mencapai keredaan dan keberkatan di dunia dan akhirat. Dalam bab ini, penulis merungkai mengenai konsep kebahagiaan menurut pandangan sarjana Islam dan bukan Islam di samping membina teori kebahagiaan melalui perbincangan elemen-

²¹⁶ Muhamad Zahiri Awang Mat (2006), "Konsep Sakinah, Mawaddah dan Rahmah Menurut Perspektif al-Quran: Kajian khusus Ayat 21, Surah al-Rum" (Kertas Kerja Seminar Falsafah Perkahwinan di Kuala Lumpur, 29-30 Mac 2006), Jil.2, Kertas 34, h. 65.

²¹⁷ Norliza Mohamad Zakaria. (26 Februari 2010). *op.cit.*, h. 17.

²¹⁸ Dina Khan (1998), *op.cit.*, h. 7.

elemen bahagia, bentuk keluarga bahagia dan contoh amalan keluarga bahagia oleh Rasulullah s.a.w.

3.2 Kebahagiaan Menurut Islam

3.2.1. Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan al-Fārābī

Menurut al-Fārābī (870M-950M), kebahagiaan merupakan sesuatu perkara yang dirindui oleh setiap orang kerana ia merupakan kebaikan paling besar di antara segala kebaikan yang ada.²¹⁹ Namun, dalam menemukan bahagia, sebuah keluarga memerlukan seorang pemimpin terbaik.²²⁰ Beliau menggandingkan konsep negara yang baik dengan konsep bahagia kerana tujuan manusia menjalani hidupnya adalah untuk meraih kebahagiaan.²²¹ Seterusnya al-Fārābī menyatakan sesuatu perbuatan yang berlandaskan niat (*irādiyyah*) secara sedar dan terancang yang membawa manfaat untuk mencapai kebahagiaan ditakrifkan olehnya sebagai satu amalan yang baik dan terpuji (*al-faḍā’il*).²²² Jelas pandangan al-Fārābī di atas membawa maksud apa sahaja perbuatan yang baik dalam keluarga dan rumahtangga seperti menuaikan tanggungjawab suami dan isteri dengan niat untuk mencapai kebahagiaan adalah sesuatu yang mulia dan terpuji.²²³

Al-Fārābī juga telah mengaitkan secara rapat jiwa manusia (*al-nafs al-insāniyyah*) dengan kebahagiaan. Justeru, al-Fārābī menjelaskan pembahagian

²¹⁹ Abī Naṣr Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn Tarkhān Ibn Uzlāq al-Fārābī (1966), *Kitāb Tanbīh ,alā Sabīl al-Sa,ādah*, t.t.p: Maṭba ah Majlis Dā’irat al-Ma ārif al-Uthmāniyyah, h. 2.

²²⁰ Ja afar al-Yāsīn (1983), *Failāsufāny Raidāny: al-Kindī wa al-Fārābī*, c. 2, Beirut: Dār al-Andalūs, h. 82-83.

²²¹ Alī Abū Milḥam (1995), *op.cit.*, h. 50-62.

²²² al-Fārābī (1983), *Kitāb Taḥṣīl al-Sa,ādah*, Beirut: Dar al-Andalus, h. 49-52.

²²³ *Ibid.*, h. 49.

jiwa manusia melalui lima fakulti iaitu tenaga makan (*al-quwwah al-ghāziyah*)²²⁴, tenaga perasaan (*al-quwwah al-hassah*),²²⁵ tenaga ingatan (*al-quwwah al-mutakhayyilah*),²²⁶ tenaga berfikir (*al-quwwah al-nāṭiqah*)²²⁷ dan tenaga kemahuan (*al-quwwah al-nuzū,ijyah*).²²⁸ Kesemua cabang-cabang ini menurut al-Fārābī adalah kesempurnaan pertama (*kamāl al-‘āwwal*) yang harus dilakukan oleh manusia dalam memperolehi kebahagiaan.²²⁹ Jiwa akan menjaga kesemua fakulti tersebut maka manusia akan cenderung melaksanakan sifat keutamaan dan terpuji (*al-fadā’il al-khuluqiyyah*), kesederhanaan (*wasatiyyah*), keadilan (*,adālah*), kebenaran (*al-ḥaq*), budi bahasa (*akhlāq*), penghormatan diri (*tahrīm nafs*) dan kebaikan (*al-khayr*).²³⁰

Secara keseluruhannya, al-Fārābī membahaskan hidup yang bahagia dan aman harus mengamalkan nilai-nilai keinsanan dan kemanusiaan serta tingkah laku yang baik kerana semua amalan tersebut berperanan dalam menentukan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Seterusnya, al-Fārābī menjelaskan bahawa dalam memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat, ianya berkait dengan jiwa yang baik (*al-faḍīlah*) iaitu jiwa yang terlepas daripada ikatan kebendaan dan tuntutan hawa nafsu, melaksanakan amanah dan janji, menunaikan tugas-tugas syarak dengan sempurna, menjauhkan dosa-dosa besar, meninggalkan perkara yang diharamkan oleh Allah s.w.t dan lain-

²²⁴ Cabang nutrisi yang memenuhi keperluan fizikal seperti keperluan makanan.

²²⁵ Cabang kepekaan iaitu melalui pemeliharaan pancaindera manusia.

²²⁶ Cabang imaginasi atau pertimbangan akal dalam diri manusia.

²²⁷ Cabang rasional yang membantu manusia membezakan antara baik dan buruk.

²²⁸ Cabang tenaga yang mampu menghasilkan kehendak (*al-Irādah*); al-Fārābī (1964), *Kitāb al-Siyāsah al-Madāniyah al-Mulaqqab bi Mabādī” al-Mawjudāt*, Beirut; Maktabah al-Khatuliqiyah, h. 21-31.

²²⁹ *Ibid.*, h. 77-80.

²³⁰ Al-Fārābī (1971), *Fuṣūl al-Muntaza,ah*, Bayrut: Dār al-Masyriq, h. 88-89.

lain lagi.²³¹ Oleh yang demikian jiwa akan menjadi bahagia apabila manusia berjaya melaksanakan kesemua perkara yang mulia dan menjauhi perkara yang dilarang.

3.2.2. Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan Imām al-Ghazālī

Mengikut Imām al-Ghazālī (1058M-1111M), kebahagiaan ditafsirkan sebagai penyatuan antara ilmu, amal, rohani dan jasmani.²³² Ciri-ciri kebahagiaan yang dijelaskan oleh al-Ghazālī adalah terletak kepada semua ilmu yang bermanfaat kepada manusia mencakupi ilmu teori dan ilmu amali. Ilmu teori adalah tergolong daripada ilmu mengenal Allah, Malaikat, Kitab, Rasul dan ilmu akidah kerana kesemuanya mempunyai matlamat yang tertinggi iaitu mengenal Allah.²³³ Al-Ghazālī menyatakan ilmu mengenal Allah s.w.t (*ma,rifatullah*) adalah kunci kebahagiaan sepertimana maksudnya:

—Bahagia dan kelazatan sejati, ialah bilamana dapat mengingat Allah”²³⁴

Manakala ilmu amali ialah ilmu yang dipraktikkan dalam perbuatan dan amalan seharian seperti sosial, undang-undang, politik, syariah, ekonomi dan sebagainya. Justeru, kebahagiaan akan tercapai jika kesemua ilmu-ilmu teori dan amali digabungkan kerana kedua-dua ilmu tersebut memberi kebaikan serta kenikmatan kepada hidup manusia.²³⁵ Menurut al-Ghazālī,

²³¹ Muhammad Shahjahan (1985), —An Introduction to the Ethics of al-Farabi” dalam *Islamic Culture*, Bil. 59, Januari, t.t.p: t.p, h. 46.

²³² Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad Ibn Muḥammad (1923), *Mīzān al-‘Amāl*, c. 1, Qāherah: Muhyī al-Dīn Ṣabrī al-Kurdī, h. 304-309.

²³³ Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad Ibn Muḥammad (1988), *al-Durrat al-Fakhīrah fī Kasyf „Ulum al-Akhīrah*. Bayrut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 338-339.

²³⁴ *Ibid.*

²³⁵ *Ibid.*

fungsi tertinggi jiwa atau rohani ialah berminat kepada kebenaran kerana dalam mencerap kebenaran tersebut ia boleh memberikan kesenangan tersendiri.²³⁶ Justeru apabila ia diaplikasikan dalam kehidupan berumahtangga, ia akan membawa kepada kebaikan dalam berkeluarga seperti bersikap baik di antara suami dan isteri adalah merupakan suatu perbuatan yang memberikan rasa santai kepada fikiran dan lebih bersemangat untuk beribadah kepada Allah s.w.t.²³⁷

Seterusnya, al-Ghazālī juga menggariskan *wasilah* dalam mendapatkan kebahagiaan iaitu melalui rohani yang mengenal Allah yang lahir melalui akhlak yang mulia dan amal yang baik.²³⁸ Seseorang yang ingin mendapatkan kebahagiaan harus menyucikan hati melalui amal soleh kerana melalui hati yang bersih, manusia boleh mendapatkan ilmu dan melengkapkan kebahagiaan.²³⁹

Secara ringkasnya dapat difahami dengan jelas bahawa penghayatan terhadap Islam iaitu melalui keimanan dan ketaqwaan, kefahaman akidah, pemantapan ilmu mampu memberi kebahagiaan dan ketenangan kepada manusia. Al-Ghazālī juga menggesa agar teori kesederhanaan (*al-tawāṣūt*) dapat mengimbangi akhlak manusia dengan sikap yang bersederhana dan tidak melampaui batas dalam semua aspek kehidupan kerana kebahagiaan yang dibina berlandaskan nafsu semata-mata adalah kebahagiaan yang sementara, hina dan membawa kehancuran. Beliau menjelaskan pengaruh luar berupa keseronokan dan kesenangan material serta fizikal seperti wang, pangkat,

²³⁶ Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad Ibn Muḥammad (1923), *op.cit.*, h.19.

²³⁷ *Ibid.*, h. 20.

²³⁸ Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad Ibn Muḥammad (1970), *Khuluq al-Muslim*, Riyāḍ: Dār al-Bayān, h. 185.

²³⁹ Zakī Mubārak (1924), *al-Akhlaq ,Inda al- Ghazālī*, Qāherah: Dār al-Syā_ bī, h. 234.

darjat yang hanya bersifat palsu dan sementara yang harus dibendung untuk memberi laluan terhadap kesuburan rohani dan „*adiyyah*.²⁴⁰

3.2.3 Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan Ibn Miskawayh

Ibn Miskawayh (923M-1030M), seorang ahli falsafah dan sejarawan Islam turut mengakui bahawa kebahagiaan adalah matlamat tertinggi bagi setiap insan. Menurut beliau, diri manusia terdiri dari tiga jiwa iaitu (*al-nafs al-bahimiyyāt*) sebagai jiwa yang paling bawah iaitu menjaga kesucian diri (*al-iżżat*) sebagai jiwa yang bersifat sederhana, (*al-nafs al-ghadabiyāt*) sebagai jiwa tengah (*al-syajūt*) iaitu sebagai jiwa yang berani dan (*al-nafs al-naṭīqāt*) sebagai jiwa tertinggi (*al-hikmah*) iaitu jiwa kebijaksanaan. Sekiranya seseorang itu menggunakan akalnya untuk melihat segala yang wujud di muka bumi ini, ia akan dapat mengenal Allah dan menikmati kebahagiaan.²⁴¹ Hikmah di sini dapat dijelaskan dengan membawa maksud suatu keadaan jiwa yang dengannya dapat dicapai kebenaran dan menyingkirkan mana-mana yang salah.

Justeru, ketiga jiwa ini merupakan unsur rohani manusia yang mempunyai peranan yang berbeza namun gabungan ketiganya menghasilkan keadilan (*al-,adālah*). Seterusnya, rohani yang baik juga berkait dengan tindakan manusia (*akhlāq*) sebagai fokus untuk memperolehi kebahagiaan

²⁴⁰ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad (2007), *Kimiya-e Saadat the Alchemy of Happiness*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, h. 36.

²⁴¹ Ibnu Miskawayh (1970), *Kitāb al-Fawzu” al-Asghār*, Bayrut: Dār Maktabah al-Ḥayāh, h. 68.

kerana akhlak yang baik dan mulia adalah dengan melaksanakan sifat-sifat *mahmudah* dan nilai-nilai murni sejagat.²⁴²

Bagi al-Miskawayh, kekayaan harta benda tidak mempengaruhi kebahagiaan insan kerana kegembiraan dan keseronokan adalah sesuai untuk haiwan-haiwan dan orang-orang yang jahat. Selain itu, bagi al-Miskawayh mengasingkan diri dengan masyarakat bererti membuang kebahagiaan kerana kebahagiaan hanya boleh didapati di dunia dan akhirat. Justeru kebahagiaan kedua boleh diperolehi apabila ada kebahagiaan pertama iaitu di dunia namun harus berlandaskan agama. Oleh yang demikian syariat telah memberi petunjuk dan panduan bagi manusia untuk mencapai kebahagiaan sejati.²⁴³

3.2.4 Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan al-Attas

Al-Sa'ādah pada manusia menurut pandangan al-Attas adalah kemuncak kebahagiaan terakhir iaitu dengan cara menyerahkan diri secara sukarela kepada Islam dengan beriman kepada Allah s.w.t dan mentaati segala perintah dan laranganNya.²⁴⁴ Beliau melihat kebahagiaan mempunyai pertalian dengan dua dimensi kewujuduan iaitu kewujudan di dunia (*duniāwiyyah*) dan di akhirat (*ukhrāwiyyah*).²⁴⁵

Pandangan al-Attas ini adalah sependapat dengan Imām al-Ghazālī dalam bukunya *Qimiyāt al-Sa'ādāt* yang menyatakan ketaatan kepada Allah dan agama Islam adalah jalan utama manusia untuk mendapatkan keberkatan

²⁴² *Ibid.*

²⁴³ Ahmad Ibn Muhammad Ibn Miskawayh (1961), *op.cit.*, h. 40.

²⁴⁴ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *op.cit.*, h. 19.

²⁴⁵ *Ibid.*, h. 1.

dalam sesebuah pekerjaan.²⁴⁶ Keimanan manusia ialah suatu keyakinan diri dan kepercayaan yang melibatkan usaha menunaikan tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepada Allah s.w.t, bukan sekadar mengikrarkan keimanan dengan lisan semata-mata, tanpa mengaku akan kebenarannya (*taṣdīq*) dengan hati serta melaksanakan amalan yang seiring dengan anggota badan.²⁴⁷

Al-Attas mengklasifikasi bahagia itu ada pada tiga perkara iaitu diri (*nafsiyyah*); badan (*badāniyyah*); persekitaran atau perkara yang di luar dari diri manusia (*khārijīyyah*) seperti kekayaan dan selainnya yang menggalakkan kesejahteraan diri, badan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.²⁴⁸ Oleh yang demikian makna dan pengalaman kebahagiaan ini ditafsirkan oleh al-Attas sebagai pengalaman mereka yang beriman (*āmanū*) dan tenang (*taṭma'innah*) kerana mengingati Allah (*dhikr*), perkara ini penting dalam usaha untuk mencapai ketenangan dan ketenteraman diri (*tama'ninah*).²⁴⁹ Secara ringkasnya, keadaan diri yang tenang dan tenteram (*al-nafs al-muṭma'innah*), terhasil daripada hati yang ada dalam diri yang bebas daripada kerisauan akibat syak serta terlepas daripada rasa bimbang bahkan merasa ketenangan batin, suatu kepuasan, suatu keriangan dan kegembiraan yang tertinggi.²⁵⁰

²⁴⁶ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1977), *Faham Agama dan Asas Akhlak*, Kuala Lumpur: ABIM, h. 48.

²⁴⁷ *Ibid.*, h. 49.

²⁴⁸ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995), *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 43.

²⁴⁹ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1976), *The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*, Kuala Lumpur: ABIM, h. 12.

²⁵⁰ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995), *op.cit.*, h. 44.

3.3 Konsep Kebahagiaan Menurut Pandangan Bukan Islam

3.3.1 Family Well- Being

Teori *family well-being* telah diketengahkan oleh ahli sosiologi keluarga yang membawa pengertian keluarga sejahtera. Kesejahteraan yang digambarkan itu adalah sesuatu yang tidak tetap sifatnya malah berubah-ubah mengikut kesesuaian setiap individu dan keluarga tersebut. Dalam teori *family well-being*, keluarga yang sejahtera dan bahagia dapat dilihat melalui tiga unsur utama berikut:

- i. Keselamatan fizikal, kesihatan mental dan keelokan psikologi²⁵¹
- ii. Keselamatan ekonomi dan kebebasan hak²⁵²
- iii. Perhubungan sosial dengan individu seperti ahli keluarga dan masyarakat komuniti.²⁵³

Menurut ahli sosiologi, keselamatan fizikal, kesihatan mental dan keelokan psikologi adalah perkara yang utama dalam menjamin kebahagiaan manusia. Ianya boleh dicapai dengan menjauhi keganasan rumah tangga (*domestic violence*), selamat daripada jenayah, kelakuan antisosial, pengabaian atau penderaan kanak-kanak. Dari aspek perhubungan, ia diukur dengan cara mengetahui kemahiran pengurusan konflik, penerimaan sosial terhadap diri

²⁵¹ Nadine F. Marks (1998), "Does It Hurt to Care? Caregiving, Work-Family Conflict, and Midlife Well-Being" *Journal of Marriage and Family*, Jil. 60, No. 4, November 1998, <http://www.jstor.org/stable/353637>, 3 Jun 2010, h. 3-5.

²⁵² Greenhaus, Jeffrey H. et. al (1987), "Work Experience, Job Performance and Feelings of Personal and Family Well-Being" *Journal of Vocational Behaviour*, Bil. 31, www.bus.lsu.edu/.../WorkExperiencesJobPerformance-1987.pdf, 25 Oktober 2009, h. 201-204.

²⁵³ *Ibid.*

secara baik dan terbuka, hubungan kekeluargaan dan pekerjaan yang seimbang, mengiktiraf pencapaian individu atau keluarga.²⁵⁴

Manakala, aspek keselamatan ekonomi dan kebebasan hak pada diri adalah berkait rapat dengan kecukupan pendapatan dan kekuahan sistem ekonomi negara. Perkara ini sekaligus turut mempengaruhi kelangsungan harta dan berpengaruh besar kepada ketenangan dan kebahagiaan hidup. Selain itu, pengurusan dan pembahagian kekayaan, pendapatan dan hutang adalah penting dan perlu dititikberatkan hingga terlepas daripada ketidakcukupan yang boleh menganggu kesejahteraan keluarga. Justeru perkara yang menggalakkan kesejahteraan dan kebahagiaan adalah faktor budaya dan sistem sosial iaitu dengan mengekalkan sistem nilai dan kepercayaan sosial serta dapat memenuhi asas-asas penting kehidupan seperti pendapatan, perumahan, pendidikan dan sokongan keluarga. Seterusnya, faktor kebahagiaan yang lain ialah melalui perhubungan dengan keluarga seperti mengetahui cara keibubapaan yang berkesan, polisi dan dasar kerajaan yang sangat membantu kesejahteraan keluarga seperti kemudahan, perancangan, khidmat nasihat, rundingan, terapi, kebajikan, pekerjaan dan sebagainya.²⁵⁵

3.3.2 Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan Aristotles

Aristotles (384 S.M-322 S.M) dalam bukunya *The Nicomachean Ethic* dan *Eudemian Ethics* menyatakan bahawa konsep kebahagiaan adalah menjadi

²⁵⁴ Paul R. Amato and Bruce Keith (1991), –Parental Divorce and Adult Well-Being: A Meta-Analysis”, *Journal of Marriage and Family*, Jil. 53, Bil. 1, Februari 1991, <http://www.jstor.org/stable/353132> , h. 3, 24 Disember 2009.

²⁵⁵ *Ibid.*

suatu tujuan utama dalam tingkah laku dan perbuatan manusia.²⁵⁶ Aristotles membahaskan bahawa manusia memilih kebahagiaan atas nilai kebahagiaan itu sendiri. Dalam *Nicomachean Ethic* Aristotles menyatakan perkara berikut:

—Jika sebenarnya terdapat sesuatu tujuan bagi setiap pekerjaan kita, yang kita pentingkan adalah kepada nilainya dan bukan untuk mencapai sesuatu tujuan yang lain (dan setiap perbuatan yang kita lakukan adalah untuk tujuan itu) dan jika kita tidak memilih setiap perbuatan (yang dipilih) untuk sesuatu tujuan yang lain, maka proses ini akan berterusan secara tidak berhabisan dan ini bermaksud keinginan kita tentu tidak akan tercapai, maka ini bererti terdapat sesuatu kebaikan yang merupakan kebaikan utama kita (dan kebaikan utama ini ialah —kebahagiaan”²⁵⁷

Menurut Aristotles, kebahagiaan itu membawa makna sesuatu yang bukan daripada keadaan mental tetapi merupakan aktiviti dan tidak juga satu kepuasan hati atau suatu sikap tertentu²⁵⁸ malah ia tidak sama dengan kebaikan moral kerana seseorang yang tidur atau pengsan sepanjang umurnya atau seseorang yang hidup seperti tumbuhan tanpa usaha dan tenaga untuk bercakap atau bertindak kerana dia menghidap penyakit juga boleh mempunyai hati yang baik, tetapi seseorang seperti itu tidak terlibat dalam segala perbuatan. Oleh itu, dia tidak boleh dianggap sebagai orang yang bahagia.²⁵⁹ Hal ini bererti menjadi orang yang bermoral adalah perlu tetapi tidak mencukupi untuk menunjukkan bahawa seseorang itu bahagia, tetapi seseorang itu mesti terlibat dalam perbuatan bermoral untuk bahagia.²⁶⁰

Secara kesimpulannya, Aristotles menyatakan bahawa kebahagiaan itu mencakupi penglibatan dalam perbuatan bermoral dan juga tidak terlibat

²⁵⁶ Christopher Shields (2007), *Aristotles*, London: Routledge, h. 307-308.

²⁵⁷ Aristoteles (1956), *The Nicomachean Ethics*, London: Harvard University Press, h. 10-13.

²⁵⁸ J. O. Urmson (1995), *Aristoteles Ethics*, Oxford: Blackwell, h. 118-121.

²⁵⁹ Ackrill, J.L (1980), *Aristotles The Philosopher*, Oxford: Clarendon Press, h. 136-137.

²⁶⁰ H. Rackham M.A (1958), *Aristotle's Ethics for English Readers*, Oxford: Basil Blackwell, h. 13-16.

dalam kecelakaan atau malapetaka (seperti kematian anak atau isteri). Justeru seorang yang bermoral boleh terlibat dalam kecelakaan atau malapetaka dan kita tidak boleh menganggap seorang yang berada dalam keadaan seperti ini adalah bahagia.²⁶¹ Oleh yang demikian, takrifan bahagia di sisi Aristotles dirumuskan sebagai suatu keadaan di mana seseorang itu melibatkan diri dalam perbuatan moral dan juga bebas daripada sebarang kemalangan atau malapetaka.²⁶²

3.3.3. Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan Buddhist

Dalam fahaman Buddha, meditasi adalah salah satu cara latihan berfikir dan merupakan salah satu aspek penting dalam amalan golongan ini. Seseorang yang melakukan dan mengaplikasikan mediasi ini akan sentiasa merasakan ketenangan fikiran dan mendapatkan ketenteraman jiwa. Namun begitu mediasi tidak berupaya untuk menghilangkan perasaan tamak, penipuan dan benci. Setiap perkara ini mampu mengundang penderitaan, kegelisahan, kesedihan dan ketidakbahagiaan.²⁶³ Dalam mendapatkan bahagia, seseorang itu haruslah:

3.3.3.1 Menjalani Kehidupan Perkahwinan dengan Gembira²⁶⁴

Bagi pengamal fahaman ini, proses membina keluarga yang gembira dan sejahtera adalah berasaskan prinsip kesesuaian dalam perhubungan iaitu

²⁶¹ *Ibid.*

²⁶² Allan, D.J (1952), *The Philisophy of Aristotle*, London: Oxford University Press, h. 163-165.

²⁶³ Ajaan Lee Dhammadharo (1979), *Keeping the Breath in Mind*, Thailand: P. Samphanpanich Ltd., Part, h. 69-70.

²⁶⁴ Alastair Stephen Gunn dan Ruth Walker (2003), “Buddhism and Environmental Ehtics in Context” (Kertas Kerja Monograph Series Centre of Civilisation Dialogue, No. 4 di Universiti Malaya Kuala Lumpur), h. 84.

kedua-duanya harus berusaha menjadi pasangan yang terbaik dengan mengamalkan sifat saling menghormati, kasih sayang, diplomatik, menanamkan cinta yang berpanjangan, kesetiaan, kesopanan dan mengambil berat terhadap satu sama lain. Keruntuhan dan kemusnahan rumah tangga selalunya disebabkan salah satu pasangan tidak mahu mengamalkan sikap toleransi, sabar dan memahami.

3.3.3.2 Menjalani Kehidupan Harmoni dengan Semua yang Lain²⁶⁵

Menurut ajaran Buddha, kehidupan yang harmoni dengan orang lain dengan memahami empat kebaikan utama seperti memberi, bercakap dengan kata-kata yang baik, menjadikan kehidupan sendiri sebagai manfaat dan faedah kepada orang lain serta menyesuaikan diri sendiri dengan orang lain adalah sesuatu yang baik dan dianjurkan dalam memperolehi kebahagiaan berpanjangan.

3.3.3.4 Menjalani Kehidupan dengan Penuh Rasa Simpati dan Belas Kasihan²⁶⁶

Menurut fahaman Buddha, seorang manusia seharusnya mempunyai potensi untuk merasa gembira dan belas kasihan kepada manusia lain dan juga berpotensi untuk menjadi bahaya dan memberi sengsara kepada insan lain. Bagi doktrin ini, jika seseorang itu ingin mendapatkan kebahagiaan dan kegembiraan, perkara utama ialah cuba untuk menggalakkan aspek positif dan cuba mengurangkan aspek negatif dalam kehidupan. Keseluruhannya, bagi mereka kebahagiaan itu adalah sasaran

²⁶⁵ Kalupahana, David J. (1992), *a History of Buddhist Philosophy*, Honolulu: University of Hawaii Press, h. 92-99.

²⁶⁶ Alastair Stephen Gunn dan Ruth Walker (2003), *op.cit.*, h. 50-51.

utama dalam kesemua peringkat kehidupan. Ia akan menjadi kunci penting dalam mendapatkan kebahagiaan dalam kehidupan kerana setiap perbuatan yang dilakukan oleh manusia tersebut adalah yang menentukan nasib dan takdir manusia itu.

3.3.4. Definisi Kebahagiaan Menurut Pandangan Plato

Menurut Plato (429 S.M–347 S.M), konsep *eudaimonia* ialah satu kombinasi antara ‐kebajikan‐ (*arete*) dan ‐pengetahuan‐ (*episteme*). Gabungan kebajikan dan pengetahuan adalah sesuatu yang kekal dan abadi namun dalam mendapatkannya manusia perlu melalui proses pemikiran dan pentaakulan kerana melalui proses-proses ini manusia akan mendapatkan ilmu yang menjamin keberuntungan dan kelangsungan hidup seseorang manusia.²⁶⁷

Plato yang terkenal dengan teori bentuk-bentuk telah menjelaskan bahawa sesuatu perkara yang berkaitan dengan kebaikan moral akan mengundang kepada ketenangan dan kedamaian hidup seperti berkerja bersungguh-sungguh untuk memenuhi keperluan keluarga, bertanggungjawab sebagai ketua keluarga yang baik atau ketua kumpulan yang berdedikasi dalam sesuatu pekerjaan dan sebagainya. Dalam pemikiran yang sama juga, Plato menyatakan bahawa kehidupan yang sempurna memerlukan kepada percantuman atau penyatuan antara pemikiran dengan keseronokan.²⁶⁸

Namun baginya pemikiran dan keseronokan itu adalah sesuatu yang terpisah secara logik dan tidak dapat bercantum. Keseronokan adalah satu

²⁶⁷ Gerasimos Santas (2001), *Goodness and Justice Plato, Aristotles and the Moderns*, Oxford; Blackwell Publishers Ltd., h. 29.

²⁶⁸ *Ibid.*, h. 35-36.

bentuk kebahagiaan di mana ia mesti diperolehi melalui pemikiran dan pentaakulan manusia. Tetapi keseronokan itu haruslah disusun dan ditentukan mengikut keutamaan seperti keseronokan nafsu (makanan, hubungan seks dan sebagainya). Maka dalam kehidupan yang baik dan bahagia berkaitan dengan segala aktiviti yang membawa kepada kebaikan seperti kebaikan moral.²⁶⁹ Plato menafsirkan kebaikan moral dan keseronokan adalah satu bentuk kebahagiaan dalam hidup manusia seperti berikut:

—Kebahagiaan ada pada empat unsur iaitu hikmah, keberanian, kehormatan dan keadilan”.²⁷⁰

3.4. Teori Kebahagiaan

Berdasarkan kepada definisi dan pandangan ilmuwan serta ahli falsafah mengenai kebahagiaan dan ketenangan hati, dapat difahami bahawa teori kebahagiaan itu mestilah mencakupi dua cabang utama dalam diri setiap Muslim iaitu cabang iman dan amal. Selari dengan pandangan al-Ghazālī mengenai mengenal Allah (*ma,rifatullah*) melalui iman yang jitu dan menyerahkan diri secara suka rela kepada Allah melaluinya manusia akan mengenal sifat-sifat Allah dan mengakui segala perintah dan laranganNya. Cabang iman harus diperteguh dengan akidah yang kukuh melalui segala rukun dalam Islam dan ilmu agama yang mendalam. Ini disabitkan berdasarkan al-Quran di mana Allah berfirman:

²⁶⁹ Rapar, J. H (1993), *Falsafah Politik Plato*, Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 42.

²⁷⁰ *Ibid.*, h. 43.

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطَمِّئُنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ
الَّهِ تَطَمِّئُنُ الْقُلُوبُ

Surah al-Rād (13): 28

Maksudnya:

“(Haitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah”. Ketahuilah dengan “zikrullah” itu, tenang tenteramlah hati manusia.”

Manakala cabang kedua dalam mencari kedamaian dan kesejahteraan daripada Allah s.w.t ialah melalui amal yang melingkungi niat iaitu sesuatu maksud dan tujuan yang baik, akhlak iaitu mengamalkan nilai-nilai Islam dan sifat *mahmūdah*, kemantapan hubungan sosial iaitu mempunyai hubungan yang baik dan positif dengan komuniti dan masyarakat, melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi dengan ikhlas serta memelihara keselamatan fizikal seperti kesihatan tubuh, mental, psikologi dan sebagainya. Justeru, apabila kesemua cabang utama dan sampingan dipenuhi sudah tentu ia melahirkan satu perasaan yang damai iaitu ketenangan jiwa (*sakīnah*), cinta mencintai (*mawaddah*) dan kasih sayang (*rahmah*). Firman Allah s.w.t:

مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَلِحًا فَلَهُمْ
أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ تَحْزَنُونَ

Surah al-Baqarah (2): 62

Maksudnya:


“Sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita”.

Jelas, daripada iman yang jitu dan amal soleh yang cemerlang mampu memberikan impak yang besar bagi manusia dalam mendambakan ketenteraman. Kesemua perkara tersebut akan menghasilkan ketaqwaan dan kepercayaan yang tinggi kepada Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w. Justeru, ketaqwaan inilah yang boleh mandatangkan perasaan yang tenang, tenteram, aman, damai, sejahtera, seronok, berjaya, gembira dan inilah yang dimaksudkan dengan kebahagiaan.

3.4.1. Elemen-elemen Bahagia dalam Islam

Dalam membincangkan pembangunan sebuah keluarga yang bahagia, beberapa elemen yang terpilih mesti dipraktikkan sepetimana yang telah diperlihatkan dalam contoh kehidupan berkeluarga oleh Rasulullah s.a.w dan juga para Sahabat. Antara elemen-elemen penggerak kepada pembinaan sebuah keluarga bahagia menurut Islam adalah seperti dibawah:

Rajah 3.1: Model Keluarga Bahagia Islam



3.4.1.1. Iman²⁸³

Dalam membincangkan mengenai keluarga bahagia, Allah s.w.t telah menekankan kepentingan memelihara keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w sebagai inspirasi utama dalam menjaga perhubungan antara manusia termasuklah keluarga. Firman Allah s.w.t:

²⁷¹ Surah al-Ā_rāf (7): 59

²⁷² Surah Fātir (35): 28

²⁷³ Surah al-‘Anfāl (8): 24

²⁷⁴ Surah al-Sajdah (32): 18

²⁷⁵ Surah al-‘Aḥqāf (46): 15

²⁷⁶ Surah al-Nisā‘ (4): 38

²⁷⁷ Surah al-Syu_ara_‘ (26): 89

²⁷⁸ Surah al-Fath (48): 4

²⁷⁹ Surah al-Ā_rāf (7): 56

²⁸⁰ Surah al-Rūm (30): 12

²⁸¹ Surah al-Nahl (16): 97

²⁸² Surah al-Nisā‘ (4): 1

²⁸³ Akrām Raḍāmursī (2001), *al-‘Usrah al-Muslimah fī al-‘Ālim al-Mu_āṣir*, c. 1, Pakistan: Markaz al-Buhūth wa al-Dirāsāt, h. 145-146.

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَتَقْوَى رِبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ
 وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَأَتَقْوَى
 اللَّهُ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ

Surah al-Nisā‘ (4): 1

Maksudnya:

—Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa) dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat”.

3.6.1.1 Akidah²⁸⁴

Selanjutnya, kekuatan iman bergantung kepada keutuhan akidah dalam diri setiap Muslim termasuklah suami dan isteri iaitu dengan mendalami bab akidah yang berdasarkan kepercayaan dan keyakinan yang kukuh tentang kewujudan Allah s.w.t berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah di samping menjauhkan diri daripada mensyirikkan Allah serta sifat-sifat kesempurnaanNya. Berdasarkan dalil *naqlī* yang menggunakan al-Quran dan al-Hadith serta dalil *aqlī* yang bersandarkan kepada akal. Firman Allah s.w.t:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَى قَوْمِهِ فَقَالَ يَقُولُمْ أَعَبْدُوا اللَّهَ
 مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ

Surah al-Ā_ṣāf (7): 59

Maksudnya:

—Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Nuh kepada kaumnya, lalu berkatalah ia: —Wahai kaumku! Sembahlah kamu

²⁸⁴ Yūsuf Qāsim (1984), *Huqūq al-‘Uṣrah Fī al-Fiqh al-Islāmī*, Qāherah: Dār al-Nahdah al-Arābīyah, h. 52-54.

akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya”.

3.4.1.1.2. Ilmu²⁸⁵

Selain akidah, ilmu pengetahuan yang mendalam juga menjadi jaminan utama bagi pembangunan bangsa yang kuat dan dihormati kerana melaluinya manusia akan mendapatkan kemuliaan, kehormatan, ketenangan dan kebahagiaan di dunia dan ganjaran di akhirat. Ilmu pengetahuan merupakan prasyarat terpenting dalam mendapatkan nilai kebahagiaan kerana setiap perkara di dunia ini mestilah disandarkan kepada ilmu seperti iman dan perkara keagamaan, ekonomi, politik, sosial dan perpaduan. Justeru orang Islam yang berilmu haruslah bertindak sesuai dengan ilmunya dalam proses bertaqwa kepada Allah s.w.t sebagaimana disifatkan dalam al-Quran:

وَمِنَ النَّاسِ وَالدُّوَابِ وَالْأَنْعَمٍ مُخْتَلِفُ الْوَانُهُرُ

كَذَلِكَ إِنَّمَا تَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ

عَزِيزٌ غَفُورٌ

Surah al-Fātir (35): 28

Maksudnya:

“Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun”.

²⁸⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1995), *Fī Ṭarīq Ilā Allah*, j. 1, c. 1, Qāherah: al-Maṭba_ah al-Madānī, h. 83-84.

3.4.1.2. Amal²⁸⁶

Prasyarat kesejahteraan semestinya digandingkan dengan penyepaduan iman dan amal. Orang Islam mestilah mengamalkan segala aktiviti menjurus kepada pelaksanaaan tugas sebagai khalifah Allah. Segala cabang amal termasuklah niat, akhlak, sosial, amanah dan keselamatan fizikal. Firman Allah _Azza wa jalla:

مَنْ عَمِلَ صَلِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُتْشَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَلَنُحْيِيهِ رَحْيَا طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا
كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Surah al-Nahl (16): 97

Maksudnya:

“Sesiapa yang beramal soleh daripada lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan membalaaskan mereka dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan”.

3.4.1.2.1. Niat²⁸⁷

Menurut al-Qaraḍāwī, niat membawa maksud kemahuan yang tertuju terhadap perbuatan demi mengharapkan keredaan Allah dan mematuhi peraturanNya. Ianya merupakan perbuatan hati semata namun sebagai seorang Muslim, niat adalah dilihat sebagai perkara yang wajib dan menjadi rukun dalam ibadah-ibadah tertentu seperti di dalam solat, wuduk, puasa, nikah dan perceraian. Dalam pembinaan sebuah keluarga yang cemerlang, asas utama pembentukan keluarga Muslim adalah berdasarkan kepada objektif dan matlamat yang penting seperti memenuhi tuntutan naluri manusia yang asasi, mewujudkan

²⁸⁶ (1995), *al-,Ibādah Fī al-Islām*, Qāherah: Maktabah al-Wahbah, h. 51.

²⁸⁷ *Ibid.*, h. 163.

ketenteraman dan ketenangan jiwa dan ruh, menegakkan rumahtangga yang bahagia, melahirkan zuriat dan keturunan yang soleh dan solehah²⁸⁸. Firman Allah s.w.t:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَسْتَجِيبُوْ لِلَّهِ وَلِرَسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ
لِمَا تُحِبُّ كُمْ وَأَعْلَمُوْ أَنَّ اللَّهَ تَحُولُ بَيْنَ الْمَرْءِ
وَقَلْبِهِ وَأَنَّهُ إِلَيْهِ تُحَشَّرُونَ

Surah al-‘Anfāl (8): 24

Maksudnya:

—Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna. Dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya, dan sesungguhnya kepadaNyalah kamu akan dihimpunkan.”

3.4.1.2.2. Akhlak²⁸⁹

Pendidikan akhlak dalam keluarga sangat penting dilaksanakan agar tercipta generasi muda yang berakhlek mulia (*al-akhlāq al-karīmah*). Dalam mendapatkan sebuah keluarga yang harmoni, al-Fārābī menjelaskan bahawa ia mestilah seiring dengan akhlak yang mulia dan amalan yang baik maka lahirlah sifat keutamaan dan terpuji iaitu (*al-fadā'il al-khuluqiyyah*) seperti kesederhanaan (*wasaṭiah*), keadilan (*adālah*), kebenaran (*al-haq*), budi bahasa (*al-akhlāq*), penghormatan diri (*tahrīm nafs*) dan kebaikan (*al-khayr*). Kesemua akhlak mulia ini akan menjadi faktor penentu kejayaan dan kebahagiaan hidup manusia. Firman Allah s.w.t:

²⁸⁸ Sayyid Sābiq (1999), *Fiqh al-Sunnah*, J. 2, Qāherah: Dār al-Faṭḥ li-al-Ālām al-Ārābī, h. 5.

²⁸⁹ Akrām Raḍāmursī (2001), *op.cit.*, h. 159-163.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوُ

اللَّهَ وَالْيَوْمَ أَلَا خَرَوْذَكَ اللَّهَ كَثِيرًا

Surah al-‘Āhzāb (33): 21

Maksudnya:

”Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

3.4.1.2.3. Sosial²⁹⁰

Perkahwinan menjadikan hubungan kemanusiaan lebih meluas dan tidak terbatas pada kelompok yang kecil sahaja. Islam menganjurkan perkahwinan dengan individu yang tidak mempunyai tali persaudaraan bagi membolehkan manusia saling berkenal-kenalan antara satu sama lain.²⁹¹ Pembentukan keluarga juga diasaskan atas dasar *husn al-mu,āsyarah* ataupun *al-mu,āsyarah bi al-ma,rūf* iaitu pergaulan yang baik sesama suami dan isteri serta ahli keluarga yang lain. Maksud baik di sini ialah pergaulan dan hidup bersama dengan baik dan diredhai Allah. Sesuatu itu tidak dikatakan baik (*ma,rūf*) melainkan ianya baik dan diredhai Allah serta jauh dari kemungkaran, kemaksiatan dan penganiayaan.²⁹² Hubungan jaringan sosial yang kuat diperlukan sebagai pemangkin kepada keluarga bahagia termasuklah komuniti masyarakat, ahli keluarga, anak-anak yang berasaskan kepada hubungan baik sesama manusia. Firman Allah s.w.t:

²⁹⁰ *Ibid.*, h. 126-127.

²⁹¹ *Ibid.*

²⁹² Mahmud Saedon bin Osman (1988), ”Asas Pembentukan Keluarga Bahagia”, (Kertas Kerja Kolokium Kefahaman dan Penghayatan Islam ke- 8 di Bangi, 17-18 September 1988), h. 5- 8.

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَنًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَكُرْهًا
وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا وَحَمْلُهُ وَفِصَلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

Surah al-Ahqaf (46): 15

Maksudnya:

”Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan”.

3.4.1.2.4. Amanah²⁹³

Islam menekankan pentingnya kewajipan dan tanggungjawab rumahtangga. Islam mengadakan pembahagian tugas antara suami isteri agar segala keperluan rumahtangga terlaksana dengan baik, teratur dan sempurna tanpa melebihikan mana-mana pihak terhadap yang lain. Islam telah menekankan tanggungjawab tersebut kepada tiga bahagian antaranya tugas suami terhadap isteri, tugas isteri terhadap suami dan tugas ibu bapa terhadap anak-anak seperti pemberian nafkah, bimbingan agama, taat dan menjaga harta, kehormatan suami, mengasuh dan memberi didikan agama yang sempurna kepada anak-anak. Allah menyebut dalam firmanNya:

الرِّجَالُ قَوَّمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ
عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّلِحَاتُ
قَنِيتُ حَفِظَتُ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ

²⁹³ Hidāyah Allah Aḥmad al-Syāsh (2008), *Mausūrah al-Tarbiyatū al-,Amaliyyah li al-Tiflū*, c. 3, Qāherah: Dār al-Salām, h. 92-99.

Surah al-Nisā‘ (4): 38

Maksudnya:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya) dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya”.

3.4.1.2.5. Keselamatan Fizikal²⁹⁴

Dalam Islam, soal kesihatan adalah penting. Bagi mencapai kesejahteraan individu, keselamatan fizikal, kesihatan mental dan keelokan spiritual adalah sesuatu elemen yang menjadi sumber kekuatan. Islam meletakkan kesemua aspek tersebut pada kedudukan tertinggi kerana dengan memelihara kesihatan fizikal dan spiritual dapat membentuk keluarga yang mempunyai nilai kesihatan moral, fizikal, mental, psikologi, rohani dan material yang menyeluruh. Kesihatan ditakrifkan sebagai tidak menghadapi sebarang penyakit sama ada daripada aspek moral atau fizikal, mendatangkan kebaikan sama ada kepada setiap individu dalamnya, berjalan lancar dan diterima oleh semua pihak. Firman Allah s.w.t yang menyuruh manusia ke arah menjaga kesihatan tubuh:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتَّلْكَةِ
وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Surah al-Baqarah 2: (195)

²⁹⁴ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995), *op.cit.*, h. 43.

Maksudnya:

”Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

3.5. Keluarga Bahagia dalam Islam

3.5.1. Konsep Keluarga Bahagia

Keluarga yang bahagia dibina berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Tujuan perkahwinan adalah untuk membentuk keluarga Muslim yang bahagia dan dirahmati di dunia dan akhirat. Bagi pasangan kahwin campur seharusnya mempunyai sifat saling memahami, melaksanakan tanggungjawab dan amanah, melengkap dan saling ada penyesuaian agar masing-masing dapat mengembangkan keperibadiannya seterusnya mencapai kesejahteraan spiritual dan material agar dapat menjalankan ibadah terhadap Allah s.w.t.²⁹⁵

3.5.2. Dalil Pensyariatan dalam Membentuk Keluarga Bahagia

Islam menitikberatkan tentang perkahwinan dan pembinaan keluarga yang bahagia sekaligus membentuk institusi masyarakat yang aman dan teguh. Berikut adalah keterangan daripada al-Quran dan al-Sunnah dalam memberi pengertian ke arah mencapai kebahagiaan hidup di antaranya:

²⁹⁵ Atiyyah Saqar (1980), *al-„Usrah Tahta Ri,āyah al-Islām*, j. 1, Kuwait: Muassasah al-Sabāh, h. 100.

Dalil al-Quran

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لَمَنْ كَانَ

يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Surah al-'Ahzāb 33: (21)

Maksudnya:

"Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah".

Dalil al-Hadith

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: النكاح سنتي فمن رغب عن سنتي
فليس مني²⁹⁶

Maksudnya:

ـ Nikah itu sunnahku, kerana itu barang siapa yang membenci sunnahku, ia bukan sebahagian daripada golonganku”.

3.5.3. Bentuk Keluarga Bahagia dalam Islam²⁹⁷

Justeru daripada penyatupaduan dua cabang utama dalam kehidupan seorang Muslim pastinya akan melahirkan pelbagai perasaan yang damai yang boleh dibahagikan kepada tiga unsur asas iaitu:

3.5.3.1. *al-Sakīnah* (Ketenangan)²⁹⁸

Al-Sakīnah yang membawa maksud ketenangan, ketenteraman, kedamaian jiwa yang difahami dengan suasana damai yang melingkupi rumah tangga di

²⁹⁶ Imām Abū al-Ḥusīn Muslim (1980), *Saḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Nikāh, no. hadith 1401, j. 2, t.t.p: t.p, h. 1020.

²⁹⁷ Ahmad Ḥasan Karzūn (1997), *Mazāyā Nizām al-„Usrah al-Muslimah*, Bayrut: Dār Ibn Hazm, h. 88.

²⁹⁸ *Ibid.*, h. 96-98.

mana suami isteri yang menjalankan perintah Allah s.w.t. dengan tekun, saling menghormati dan saling toleransi. Dalam al-Quran ia disebutkan sebanyak enam kali serta dijelaskan bahawa *sakīnah* itu telah didatangkan oleh Allah s.w.t ke dalam hati para Nabi dan orang-orang yang beriman. Daripada suasana tenang (*al-sakīnah*) tersebut akan muncul rasa saling mengasihi dan menyayangi (*al-mawaddah*), sehingga rasa bertanggungjawab kedua belah pihak semakin tinggi. Firman Allah azza wajalla:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ الْسَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا مَّا
إِيمَانًا مَّعَ إِيمَانِهِمْ وَلَهُ جُنُودُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَكَانَ اللَّهُ عَلِيًّا حَكِيمًا

Surah al-Fath (48): 4

Maksudnya:

—Tuhan yang membuka jalan kemenangan itu) Dia lah yang menurunkan semangat tenang tenteram ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh) supaya mereka bertambah iman dan yakin berserta dengan iman dan keyakinan mereka yang sedia ada pada hal Allah Menguasai tentera langit dan bumi (untuk menolong mereka) dan Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

3.5.3.2. *al-Mawaddah* (Kasih Sayang)²⁹⁹

Al-Mawaddah ditafsirkan sebagai perasaan cinta dan kasih sayang antara suami isteri yang melahirkan kesenian, keikhlasan dan saling hormat menghormati antara suami isteri dan semua ini akan melahirkan kebahagiaan dalam rumah tangga. Melalui *al-mawaddah*, pasangan suami isteri dan ahli keluarga akan mencerminkan sikap lindung melindungi dan tolong menolong. Sikap ini akan menguatkan lagi hubungan silaturahim di antara keluarga dan

²⁹⁹ Muhammad Abū Zuhrah (1958), *op.cit.*, h. 222-224.,

masyarakat luar. Bagi pasangan campur, *al-mawaddah* ini tidak hanya terhad kepada suami dan isteri, ibu bapa dan anak-anak, tetapi juga dengan seluruh keluarga dan masyarakat. Firman Allah s.w.t yang menggesa anak-anak mengasihani dan berbakti kepada kedua ibu bapa. Antaranya firman Allah di dalam al-Quran:

قَالَ رَبِّيْ أَوْزِعُنِيْ أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِيْ أَنْعَمْتَ عَلَيْنِيْ
وَعَلَى وَالدَّيْ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَهُ وَأَصْلَحْ لِي فِي
ذُرِّيَّتِيْ إِنِّيْ تُبَتُّ إِلَيْكَ وَإِنِّيْ مِنَ الْمُسَلِّمِينَ ﴿٤٦﴾

Surah al-‘Ahqāf (46): 15

Maksudnya:

→ Ya Tuhan, tunjukilah aku untuk mensyukuri nikmat Engkau yang telah Engkau berikan kepadaku dan kepada ibu bapaku dan supaya Aku dapat berbuat amal yang soleh yang Engkau redhai berilah kebaikan kepadaku dengan (memberi kebaikan) kepada anak cucuku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada Engkau dan sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri”.

3.5.3.3. *al-Rahmah* (Belas Kasihan)³⁰⁰

Al-Rahmah dimaksudkan dengan perasaan belas kasihan, toleransi, lemah-lembut yang selalunya diikuti oleh ketinggian budi pekerti dan akhlak yang mulia. Tanpa kasih sayang dan perasaan belas kasihan, sebuah keluarga ataupun perkahwinan itu akan tergugat dan boleh membawa kepada kehancuran. Kebahagiaan amat mustahil untuk dicapai tanpa adanya rasa belas kasihan antara individu keluarga. Allah s.w.t berfirman:

³⁰⁰ Muhammad Abū Zuhrah (1970), *al-Mujtama_ al-Insāni Fī Ḥill al-Islām*, Bayrut: Dār al-Fikr, h. 79.

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا
 لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي
 ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Surah al-Rūm (30) : 21

Maksudnya:

”Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir”.

Oleh yang demikian, tidak ada satu prinsip yang lebih mantap mengenai pergaulan hidup dan perhubungan bersuami isteri selain daripada apa yang tersurat dan tersirat dalam ayat al-Quran di atas. Menurut Prof Dr Hamka, *al-rahmah* lebih tinggi kedudukannya daripada *al-mawaddah*. Rahmah Allah di dalam sesebuah keluarga adalah apabila keluarga berkenaan dibina atas niat mencari keredaan Allah.

3.5.4. Contoh Amalan Keluarga Bahagia Rasulullah s.a.w.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ
 يَرْجُوُ اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْأَخْرَ وَذَكْرَ اللَّهِ كَثِيرًا

Surah al-‘Ahzāb (33): 21

Maksudnya:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”

Rasulullah s.a.w merupakan contoh yang terbaik dalam menggambarkan konsep keluarga yang bahagia dalam Islam.³⁰¹ Berikut adalah antara ciri ketua keluarga yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w:

a) **Kesederhanaan:** Sifat kesederhanaan dalam kehidupan rumah tangga

Rasulullah s.a.w adalah aspek utama dalam mengekalkan keluarga yang bahagia. Rasulullah s.a.w bersederhana dalam tempat tinggal, nafkah, pakaian, kunjungan (*ziarah*) dan pembahagian waktu. Sebagai suami, Baginda s.a.w begitu menghargai isterinya dengan menunjukkan sifat yang sederhana, kasih sayang, timbang rasa, hormat serta sabar tanpa pernah sekalipun mengasari mereka bahkan melayani karenah isteri dengan penuh pengertian dan kemaafan.³⁰²

b) **Tanggungjawab:** Tanggungjawab seorang suami iaitu membimbing

isteri dan anak-anak ke jalan yang diredhai Allah. Dalam kehidupan rumah tangga Rasulullah s.a.w, Baginda tidak pernah berkompromi dengan hal-hal yang bersangkutan prinsip-prinsip Islam. Baginda juga amat teguh dengan kewajipan dan tanggungjawab sebagai seorang ketua keluarga.³⁰³ Firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

³⁰¹ _____ (1995), *op.cit.*, h. 51.

³⁰² *Saīd Hawwā* (1986), *al-Rasūl s.a.w*, Bayrut: Dār al-Salām, h. 157.

³⁰³ Safi Naṣī Kāzim (1984), *Risālah fī Bait Nubuwah*, Qāherah: al-Mukhtar al-Islām, h. 38.

يَنِسَاءَ الْنَّبِيِّ مَنْ يَأْتِ مِنْكَنَ بِفَحْشَةٍ مُّبِينَةٍ يُضَعِّفُ

لَهَا الْعَذَابُ ضِعَفَيْنِ وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا

Surah al-'Ahzāb (33): 30

Maksudnya:

—Hai isteri-isteri Nabi, siapa-siapa di antaramu yang mengerjakan perbuatan keji yang nyata, nescaya akan dilipat gandakan seksaan kepada mereka dua kali lipat dan adalah yang demikian itu mudah bagi Allah”.

- c) **Akhhlak Mulia:** Rasulullah s.a.w sentiasa bersikap lemah lembut, baik dan mesra, adil dengan semua ahli dalam keluarga Baginda. Baginda tidak pernah mengeluarkan kata-kata yang mungkin akan menyakiti hati isteri-isteri Baginda. Rasulullah s.a.w juga sentiasa menegur isteri Baginda ketika mereka melakukan kesilapan dan sering mendengar segala masalah yang mereka hadapi dengan penuh minat.³⁰⁴ Sebagai contoh ketika Ā'isyah mengatakan sesuatu mengenai salah seorang isteri Rasulullah s.a.w iaitu Šafiyah dengan memanggil beliau dengan panggilan “pendek”, lalu Rasulullah s.a.w menegur dan melarang Ā'isyah agar tidak berkata sedemikian lagi. Ada juga ketika Ā'isyah mengutuk seorang pencuri yang masuk ke rumah beliau, Rasulullah s.a.w juga melarang beliau berbuat demikian dengan memberikan nasihat dan kata-kata yang baik.³⁰⁵ Sesungguhnya layanan Baginda terhadap isteri-isteri Baginda jelas menunjukkan akhlak mulia dan kemurahan hati Baginda yang tidak mengenal sempadan.

³⁰⁴ Saíd Hawwā (1986), *op.cit.*, h. 156.

³⁰⁵ Ā'isyah Abd al-Rahmān (2002), *op.cit.*, h. 202.

Justeru daripada ciri-ciri yang dikemukaan di atas, jelaslah bahawa corak kehidupan rumahtangga Rasulullah s.a.w adalah terbina atas asas-asas mulia yang telah dituntut oleh Allah s.w.t. Kesemua isteri Rasulullah s.a.w ialah orang yang beriman dan taat kepada semua ketentuan tersebut.

3.6 Kesimpulan

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa keluarga bahagia itu ialah satu keluarga yang dapat merasa senang terhadap satu sama lain dan terhadap hidup sendiri serta mempunyai objektif pembinaan keluarga yang jelas dan positif. Keseluruhannya, bab ini merungkai mengenai konsep kebahagiaan menurut sarjana Islam dan bukan Islam di samping membina teori kebahagiaan hasil daripada pandangan sarjana Islam dan non Muslim sebagai indikator pengukur kepada kebahagiaan pasangan kahwin campur. Pandangan sarjana Islam iaitu Imam al-Ghazālī, al-Fārābī, Ibn Miskawayh dan al-Attas diteliti terutamanya yang membincangkan mengenai jiwa, hati dan bahagia. Manakala perbincangan mengenai pandangan bukan Islam daripada ahli falsafah seperti Aristotle dan Plato, ahli sosiologi, seperti teori *well-being*, ahli teologi seperti pandangan Buddist juga digarap secara umum sebagai salah satu sumber pengetahuan dalam mendapatkan kebahagiaan. Hasil pengamatan penulis, elemen kebahagiaan dalam Islam sebenarnya adalah penzahiran penyatuhan di antara iman dan amal serta cabang-cabang lain seperti akidah, ilmu, niat, akhlak, sosial, amanah dan keselamatan fizikal dalam mendapatkan keadaan yang dinamakan *al-sakīnah* iaitu ketenangan, *al-mawaddah* iaitu kasih sayang dan *al-rahmah* iaitu belas kasihan. Akhirnya, bab ini

menyimpulkan keluarga bahagia dalam Islam melalui perbincangan dalil al-Quran dan al-Hadith serta ciri-ciri keluarga bahagia di samping contoh amalan keluarga bahagia dalam kehidupan berkerluarga oleh Rasulullah s.a.w.

University Of Malaya

BAB KEEMPAT

ANALISIS KESAN PERKAHWINAN CAMPUR DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEBAHAGIAAN KELUARGA

4.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan mengenai analisis persoalan kebahagiaan keluarga pasangan yang berkahwin campur dalam masyarakat Islam di Selangor berlandaskan metodologi yang digariskan dalam bab pengenalan. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian kes dan pembentukan teori memandangkan topik atau masalah yang dikaji masih terhad. Secara umumnya, reka bentuk kajian ini menerangkan mengenai profil pasangan kahwin campur melibatkan aspek seperti maklumat latar belakang responden dan pasangan, profil perkahwinan campur, perbezaan budaya dalam perkahwinan, pembudayaan dalam perkahwinan campur, kesan perkahwinan campur dan konsep kebahagiaan keluarga. Seramai lapan pasangan responden yang berkahwin campur daripada ras utama di Selangor telah dipilih dan dikaji dalam kajian ini di mana melibatkan individu yang berkahwin campur dengan warganegara asing. Terdapat tiga kriteria penting dalam pemilihan responden iaitu; i) salah seorang pasangan adalah penduduk negeri Selangor ii) individu tersebut mestilah berkahwin dengan warganegara asing dan iii) pasangan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak berusia setahun dan ke atas (bertujuan untuk pengukuran cara gaya keibubapaan).

Sementara itu, maklumat mengenai responden kahwin campur ini diperolehi daripada Unit Dokumen Nikah, Cerai dan Rujuk, Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS, Bahagian Pembangunan Insan MAIS, pejabat agama daerah iaitu PAID Hulu Selangor, PAID Petaling, PAID Gombak, PAID Kuala Langat dan juga melalui kaedah temubual semi-struktur.³⁰⁶

Rajah 4.1: Peta Daerah Negeri Selangor



Sumber: Peta Negeri Selangor, <http://www.jpbdselangor.gov.my>³⁰⁷

Kajian ini dijalankan di empat zon utama dalam negeri Selangor iaitu zon utara di daerah Hulu Selangor, zon selatan di daerah Sepang, zon barat di daerah Petaling dan zon timur di daerah Gombak. Daerah-daerah tersebut dipilih mewakili setiap satu zon utama di negeri Selangor sebagai lokasi kajian. Secara umumnya, terdapat sembilan buah daerah di negeri Selangor iaitu Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Petaling, Gombak,

³⁰⁶ Chua Yan Piaw (2006), *op.cit.*, h. 202-203.

³⁰⁷ Peta Daerah Negeri Selangor, *op.cit.*

Sepang, Kuala Langat, Klang dan Hulu Langat. Oleh yang demikian, dua pasangan responden telah dipilih bagi setiap zon seperti yang diilustrasikan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Zon dan Daerah di Negeri Selangor

Zon	Daerah	Bilangan Responden
Utara	Hulu Selangor	2
Selatan	Kuala Langat	2
Timur	Gombak	2
Barat	Petaling	2
Jumlah Keseluruhan		8

4.2 Profil Pasangan Kahwin Campur


4.2.1 Profil Responden

Jadual 4.3: Jantina Responden dan Pasangan

Jantina	Responden	Pasangan
Lelaki	4	4
Perempuan	4	4
Jumlah Keseluruhan	8	8

Maklumat yang diperolehi menunjukkan responden yang dikaji adalah sama rata iaitu empat orang daripada responden adalah perempuan, manakala selebihnya adalah lelaki (**lihat Jadual 4.3**).


Jadual 4.4: Umur Responden dan Pasangan



Responden	Jumlah	Pasangan	Jumlah
Purata	39.25	Purata	39
Minimum	23	Minimum	22
Maksimum	55	Maksimum	53


Secara umumnya, lingkungan umur responden adalah di antara umur 23 tahun sehingga 55 tahun (**lihat Jadual 4.4**). Oleh yang demikian, hampir kesemua responden dan pasangan iaitu seramai 7 pasangan yang dikaji masih berada di tahap kitaran hidup yang masih aktif dan produktif kecuali satu pasangan yang telah berumur daripada 53 hingga 55 tahun.

Jadual 4.5: Turutan Kelahiran Responden dan Pasangan



Responden	Jumlah	Pasangan	Jumlah
Purata	4.25	Purata	2.125
Minimum	1	Minimum	1
Maksimum	9	Maksimum	5

Jadual 4.6: Bilangan Saiz Keluarga Responden dan Pasangan



Responden	Jumlah	Pasangan	Jumlah
Purata	7.125	Purata	3.875
Minimum	3	Minimum	1
Maksimum	14	Maksimum	9

Hasil kajian juga menunjukkan seorang daripada responden yang dikaji merupakan anak sulung manakala tiga orang daripada mereka merupakan anak ke-4 hingga ke-6 dan seramai empat orang responden merupakan anak ke-7 hingga ke atas dalam keluarga (**lihat Jadual 4.5**). Responden didapati berasal daripada keluarga saiz besar (purata adik beradik tujuh orang) (**lihat Jadual 4.6**).

Jadual 4.7: Bangsa dan Agama Responden dan Pasangan

Bangsa	Responden	Pasangan	Agama Sebelum berkahwin	Agama Selepas Berkahwin
Melayu	8		Islam	Islam
Jawa Indonesia		2	Islam	Islam
Jepun		1	Buddha	Islam
Inggeris		3	Kristian	Islam
Arab		2	Islam	Islam
Jumlah	8	8		
Keseluruhan				

Selain itu, responden yang dikaji keseluruhannya berasal daripada satu ras utama iaitu Melayu (**lihat Jadual 4.7**). Dari segi penganutan agama pula,


kesemua responden adalah berasal daripada agama Islam sejak lahir. Pola taburan ini menunjukkan bahawa tiada perubahan dari segi penganutan agama responden terutamanya selepas berkahwin dengan pasangan yang berlainan bangsa dan warganegara.

Jadual 4.8: Pendidikan Responden dan Pasangan

Pendidikan	Responden	Pasangan
Sekolah Menengah		1
SPM	2	
Sijil Professional	1	1
Diploma		1
Ijazah	3	4
Sarjana	1	
Doktor Falsafah	1	1
Jumlah Keseluruhan	8	8

Hasil analisis mendapati bahawa responden yang dikaji merupakan golongan yang berpendidikan tinggi di mana tujuh orang daripada responden dan pasangan memegang Ijazah Sarjana Muda di peringkat universiti awam, Seorang daripada responden memiliki Ijazah Sarjana dan dua orang responden menggenggam Ijazah Doktor Falsafah. Manakala selebihnya iaitu lima orang daripada responden memiliki sekurang-kurangnya diploma, Sijil Professional, Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan sijil peringkat menengah rendah. (**lihat Jadual 4.8**). Data yang diperolehi menunjukkan majoriti pasangan yang berkahwin campur mempunyai latar belakang pendidikan dan pengetahuan yang tinggi dengan majoriti enam orang daripada pasangan mempunyai taraf pendidikan sekurang-kurangnya diploma hingga peringkat universiti dengan kelulusan ijazah sarjana muda dan doktor falsafah

Jadual 4.9: Jumlah Tahun Pendidikan Formal Responden dan Pasangan



Responden	Jumlah	Pasangan	Jumlah
Purata	15.375	Purata	14.75
Minimum	11	Minimum	11
Maksimum	23	Maksimum	23

Seterusnya, jumlah pendidikan formal responden menunjukkan tiga orang daripadanya mengikuti persekolahan lebih daripada 10 tahun hingga 14 tahun, empat responden pula menjalani proses pendidikan selama 15 tahun hingga 19 tahun dan seorang sahaja yang mengikuti persekolahan selama 23 tahun ke atas (**lihat Jadual 4.9**).


Jadual 4.10: Kategori Pekerjaan Responden dan Pasangan

Kategori Pekerjaan	Responden	Pasangan
Pensyarah/ Guru	2	2
Jurutera/Juruteknikal	1	1
Arkitek/ Pembinaan		1
Pengurus Ladang/ Pertanian	1	
Profesional/ Pakar Teknologi Maklumat (IT)	1	
Peniaga/Kerja sendiri	1	1
Suri rumah/ Pelajar/ Tidak bekerja	2	3
Jumlah Keseluruhan	8	8

Seperti yang diilustrasikan dalam **Jadual 4.10**, analisis menunjukkan enam orang daripada responden adalah bekerja manakala selebihnya suri

rumah sepenuh masa ataupun masih belajar. Seterusnya, responden tersebut merupakan pekerja dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, teknikal, pertanian, professional, bekerja sendiri dan suri rumah. Hasil maklumat menunjukkan dua orang daripada responden melibatkan diri dalam bidang berkaitan pendidikan, setiap seorang daripada responden juga terlibat dalam bidang teknikal, pertanian, profesional, perniagaan dan dua orang daripada responden merupakan suri rumahtangga sepenuh masa. Ini menunjukkan responden dan pasangan masing-masing didapati aktif dan melibatkan diri dalam alam pekerjaan. Ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran secara majoritinya keluarga pasangan kahwin campur yang dikaji ini merupakan keluarga dwikerjaya.

Jadual 4.11: Pendapatan Bulanan Keluarga




Perkara	Jumlah
Purata	RM 8346.25
Minimum	RM 2,000
Maksimum	RM 21,000

Manakala dari segi jumlah pendapatan keluarga, tiga orang daripada responden mempunyai jumlah pendapatan keluarga antara RM 2,000 hingga

RM 4,000 sebulan hasil daripada pekerjaan utama suami dan isteri (**lihat Jadual 4.11**). Manakala dua orang daripada responden mempunyai pendapatan sebanyak RM 5,000 hingga RM 9,000. Manakala setiap seorang daripada responden berpendapatan sebanyak RM 10,000 hingga RM 14,000, RM 15,000 hingga RM 19,000 dan RM 20,000 ke atas. Ini memberikan satu gambaran bahawa keluarga yang terlibat dalam kajian perkahwinan campur ini mempunyai saiz pendapatan yang tinggi dengan purata jumlah pendapatan bulanan sebanyak RM 8,346.25.

Jadual 4.12: Bilangan Ahli Isi Rumah



Perkara	Jumlah
Purata	4.875
Minimum	3
Maksimum	9


Selain itu, kajian juga mendapati bahawa responden yang berkahwin campur mempunyai saiz isi rumah yang kecil dengan purata empat orang ahli keluarga tinggal bersama iaitu empat daripada responden mempunyai bilangan ahli isi rumah seramai seorang hingga lima orang, tiga responden pula mempunyai ahli rumah dari enam orang hingga sepuluh orang dan hanya seorang sahaja yang mempunyai ahli yang ramai iaitu daripada 11 orang hingga 15 orang (**lihat Jadual 4.12**).

4.2.2 Profil Pasangan Responden

Jadual 4.2 dan **4.3** membawakan maklumat profil pasangan responden berkahwin campur yang terlibat dalam kajian. Hasil kajian juga menunjukkan kebanyakan umur pasangan responden berusia lingkungan umur 22 tahun hingga 53 tahun iaitu hampir sebaya dengan responden dalam kajian (**lihat Jadual 4.4**). Seperti responden yang dikaji, pola yang sama juga dapat diperhatikan dalam turutan kelahiran dan bilangan adik-beradik pasangan responden di mana enam orang daripada pasangan responden merupakan anak pertama hingga ke-2 dalam keluarga dan hanya dua orang pasangan yang sahaja merupakan anak ke-4 hingga ke-5 dalam keluarga (**lihat Jadual 4.5**). Dapat disimpulkan bahawa pasangan responden majoritinya berasal dari keluarga yang bersaiz kecil dengan purata dua orang adik-beradik (**lihat Jadual 4.6**). Berbeza dengan pola ras dan bangsa responden, pasangan responden kahwin campur didapati berasal dari ras yang pelbagai iaitu dua orang daripada pasangan adalah bangsa Indonesia, tiga orang daripada pasangan responden ialah bangsa Inggeris, setiap seorang daripada pasangan pula adalah bangsa Jepun, Arab dan Bosnia. Dari segi penganutan agama pula, separuh daripada pasangan responden beragama Islam daripada asal manakala tiga orang daripada pasangan responden itu beragama Kristian dan seorang daripada pasangan beragama Buddha sebelum berkahwin. Pola taburan ini menunjukkan bahawa ada perubahan daripada segi penganutan agama pasangan terutamanya selepas berkahwin dengan responden yang beragama Islam. Daripada analisis ini menunjukkan bilangan pasangan responden yang menganut agama Islam bertambah kepada empat orang (**lihat Jadual 4.7**).


4.3 Profil Perkahwinan

Jadual 4.13: Umur Ketika Berkahwin (tahun)




Responden	Jumlah	Pasangan	Jumlah
Purata	25	Purata	25.5
Minimum	21	Minimum	18
Maksimum	40	Maksimum	38

Jadual 4.14: Perbezaan Umur Responden dan Pasangan




Perkara	Jumlah
Purata	6.75
Minimum	2
Maksimum	17

Jadual 4.15: Tempoh Perkahwinan Responden (tahun)



Perkara	Jumlah
Purata	13.375
Minimum	2
Maksimum	28

Jadual 4.16: Bilangan Anak Responden



Perkara	Jumlah
Purata	3.375
Minimum	1
Maksimum	7

Jadual 4.13 hingga 4.16 membentangkan maklumat berkaitan profil perkahwinan responden kahwin campur. Bahagian ini akan membincangkan mengenai dua bahagian utama dalam profil perkahwinan campur. Perbincangan akan tertumpu kepada maklumat latar belakang perkahwinan dan sejarah perkahwinan. Maklumat latar belakang tersebut termasuklah umur

ketika berkahwin, perbezaan umur responden dan pasangannya, tempoh perkahwinan dan bilangan anak. Manakala dalam bahagian sejarah perkahwinan pula, perbincangan diteruskan berkaitan dengan tempat pertemuan pertama dengan pasangan, tempoh perkenalan sebelum mengambil keputusan untuk berkahwin campur.

4.3.1 Latar Belakang Perkahwinan

Daripada analisis maklumat mendapati majoriti responden telah mendirikan rumah tangga pada lingkungan umur 20 tahun hingga 40 tahun dengan purata 25 tahun (**lihat Jadual 4.13**). Ini memberikan gambaran bahawa responden yang dikaji mendirikan rumah tangga pada usia yang muda. Terdapat juga segelintir responden iaitu dua orang daripadanya berkahwin pada usia yang lebih muda iaitu sebelum mencapai umur 20 tahun manakala seramai enam orang responden dan pasangannya yang berkahwin pada umur 20 tahun hingga 24 tahun, lima orang daripada responden berkahwin pada umur 26-30 tahun dan selebihnya iaitu tiga orang yang lain berkahwin pada umur lebih daripada 30 tahun. Secara puratanya, daripada segi perbezaan umur antara responden dan pasangan adalah sebanyak enam tahun. Merujuk kepada hasil analisis data seramai lima orang responden mempunyai perbezaan umur kurang lima tahun dengan pasangan mereka (**lihat Jadual 4.14**). Seterusnya, hanya seorang daripada bilangan responden yang mempunyai jarak umur enam hingga sepuluh tahun dan dua orang responden yang lain mempunyai beza umur lebih daripada sepuluh tahun dengan pasangan mereka. Secara umumnya dapat digambarkan bahawa responden yang terlibat dalam kajian ini berkahwin pada

usia muda dan majoritinya mempunyai pasangan yang tidak jauh berbeza umur mereka.

Manakala dalam **Jadual 4.15** purata tempoh perkahwinan pasangan yang berkahwin campur adalah selama 13 tahun. Sejumlah empat orang daripada responden yang dikaji telah mendirikan rumahtangga selama lima tahun ataupun kurang manakala dua orang daripada mereka telah mendirikan rumahtangga selama 16-20 tahun dan dua orang responden yang lain telah berkahwin lebih daripada 20 tahun (**lihat Jadual 4.15**). Seterusnya, **Jadual 4.16** membentangkan hasil analisis iaitu responden dan pasangan yang berkahwin campur dalam kajian ini tidak mempunyai bilangan anak yang ramai. Hanya seorang daripada responden yang dikaji mempunyai anak lebih daripada tujuh orang, empat orang responden memiliki seorang anak hingga tiga orang dan selebihnya dua orang bilangan responden mempunyai anak seramai empat hingga enam orang. Maklumat ini menunjukkan bahawa pasangan yang berkahwin campur dalam kajian ini mempunyai saiz keluarga yang kecil dengan purata bilangan anak seramai tiga orang (**lihat Jadual 4.16**). Faktor bilangan anak ini mungkin disebabkan oleh tempoh perkahwinan yang tidak begitu lama antara responden dan pasangan berkahwin campur.

4.3.2 Sejarah Perkahwinan

Jadual 4.17: Maklumat Latar Belakang Perkahwinan Responden dan Pasangan

Perkara	Responden
SEJARAH PERKAHWINAN	
Tempat pertemuan yang pertama	
Kolej/Universiti	4
Majlis sosial	2
Tempat kerja	1
Semasa melancong	1
FAKTOR PERKAHWINAN CAMPUR	
Faktor jodoh	2
Faktor keturunan	1
Faktor agama	7
Faktor budaya	2
Faktor personaliti	4

Daripada sudut sejarah perkahwinan campur, maklumat yang telah dikumpulkan menerusi soal selidik dan temubual berstruktur adalah berkaitan dengan tempat pertemuan pertama responden dan pasangan. Seramai empat orang responden menyatakan tempat pertemuan pertama dengan pasangan mereka adalah di universiti iaitu ketika mereka bersama-sama menuntut dan menyambung pengajian di peringkat Ijazah dan Sarjana. Manakala dua responden pula melaporkan majlis sosial iaitu majlis harijadi dan majlis sambutan Hari Raya AidilFitri merupakan tempat pertemuan awal dengan pasangan. Seterusnya setiap seorang responden menceritakan lokasi mulamula yang menyatukan mereka kini iaitu di tempat kerja dan ketika melancong di tempat peranginan. (**lihat Jadual 4.17**). Petikan daripada temubual mendalam di bawah menjelaskan tempat pertemuan antara responden dengan pasangan mereka.


Petikan 1: ...di Amerika sewaktu saya sedang melanjutkan pelajaran dalam jurusan Aerospace Engineering dan beliau dalam bidang Electrical Engineering...³⁰⁸ (pasangan Melayu-Amerika)

Petikan 2: ...di Malaysia ketika isteri datang majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri di rumah pakciknya di kampung saya....³⁰⁹ (pasangan Melayu-Indonesia (Minang)

Petikan 3: ...di Pahang, sewaktu isteri datang bekerja kontrak sebagai jurubahasa bahasa Jepun....³¹⁰ (pasangan Melayu-Jepun)

Petikan 4: ... di kolej dan di universiti. It was my high school time. Saya masih dibangku sekolah lagi. Dan dia mahu berkawan dengan saya ketika saya habis high school....³¹¹ (pasangan Inggeris-Melayu)

Jadual 4.18: Tempoh Perkenalan Responden dan Pasangan (bulan)



Perkara	Jumlah
Purata	12.4375
Minimum	1.5 bulan
Maksimum	24 bulan

³⁰⁸ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Amerika di Banting pada 18 Februari 2010 jam 11.30 pagi, 49-53, h. 2.

³⁰⁹ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Minang) di Sabak Bernam pada 4 Mei 2010 jam 10.00 pagi, 42-45, h. 2.

³¹⁰ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Jepun di Kuala Kubu Baru pada 4 Januari 2010 jam 12.30 tengahari, 48-52, h. 2.

³¹¹ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Inggeris di Petaling Jaya pada 8 November 2009 jam 2.30 petang, 38-41, h. 2.

Jadual 4.19: Perkahwinan Campur di kalangan Keluarga Terdekat

Perkara	Bilangan Responden	Individu	Bangsa
Perkahwinan campur di kalangan keluarga terdekat	Empat orang	Datuk, Ibu, Pakcik, Makcik, Sepupu	Indonesia, Arab, Belanda, Sweeden, Pakistan, Korea,
Tiada perkahwinan campur di kalangan keluarga terdekat	Empat orang	Tiada	Tiada

Daripada segi tempoh perkenalan, secara puratanya, responden dan pasangan berkenalan selama 12 bulan iaitu hampir satu tahun sebelum mengambil keputusan untuk mendirikan rumah tangga bersama (**lihat jadual 4.18**). Data kualitatif yang diperolehi menjelaskan responden berkahwin campur mengambil masa yang tidak begitu lama sebelum berkahwin. Majoriti responden membuat keputusan kurang daripada 12 bulan iaitu seramai empat orang daripada mereka. Dapatan kajian mendapati responden mengakui bahawa masa yang diambil tidak terlalu panjang oleh mereka dan pasangan adalah kerana restu dan sokongan daripada pihak keluarga kedua-dua pasangan. Petikan temubual secara mendalam di bawah dapat menjelaskan fenomena tersebut:

Petikan 1: —... Tempoh perkenalan dalam 30 hari dan dalam 15 hari sahaja untuk membuat keputusan untuk berumahtangga....”³¹² (pasangan Melayu-Indonesia (Jakarta)

Petikan 2: —...Tempoh itu tidak lama. Kami bertunang pun tidak lama. Dari tarikh kenal ke tarikh berkahwin rasanya ambil masa kurang dari setahun. Lebih kurang tujuh bulan lah. Keluarga kami tidak mahu tunggu lama-lama dan mereka semua sangat gembira dan tidak sabar lagi....”³¹³ (pasangan Melayu-Indonesia (Minang)

³¹² Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Jakarta) di Kajang pada 18 April 2010 jam 4.30 petang, 18-21, h. 1.

³¹³ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Minang), *op.cit.*, 42-45, h. 2.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa dua orang daripada responden menyatakan bahawa mereka membuat keputusan yang agak lama iaitu lebih daripada 13 bulan hingga 24 bulan untuk berkahwin dengan pasangan yang berlainan bangsa walaupun telah berkenalan lama. Manakala dua orang responden turut mengakui mengambil proses yang lama sehingga melebihi dua tahun. Ini ada kaitannya dengan masalah seperti halangan dan kurang pemahaman dari pihak keluarga terdekat serta proses pengislaman dan prosedur perkahwinan yang agak mencabar dan mengambil masa yang panjang kerana melibatkan warganegara asing. Berikut hasil temubual:

Petikan 1: —...dalam masa dua tahun. Bermula daripada tahun 1980 mula-mula saya datang sini dan dalam masa dua tahun itulah saya berkenalan dan berkawan dengan suami dan kawan-kawan lain hingga kami berjumpa dengan pihak keluarga dan ada penolakan dari ibu bapa saya. Tetapi ianya sudah berakhir....³¹⁴ (pasangan Jepun-Melayu)

Petikan 2: —....Kalau tidak silap saya, lebih kurang setahun lebih kalau campur dengan masa berkawan. Sewaktu saya berkawan dan berkenalan dengan suami, saya balik ke Malaysia dan bertanyakan Ibu saya mengenai hal ini. Jadi selepas mendapatkan persetujuan dan keizinan daripada ibu sendiri, saya balik ke Amerika dan memutuskan untuk bernikah pada akhir semester pengajian iaitu selepas saya habis peperiksaan dan memberi masa untuk beliau mengenali dan masuk Islam. Jadi lebih kurang setahun lebih juga lah....³¹⁵ (pasangan Melayu-Amerika)

4.3.3 Faktor Perkahwinan Campur

Bagi lebih memahami faktor dan proses pemilihan pasangan hidup, maklumat berkaitan faktor perkahwinan campur telah dikumpulkan (**lihat Jadual 4.17 dan 4.19**). Melalui sesi temubual berstruktur dan mendalam, responden telah diminta untuk menyatakan pengalaman mereka mengenai sebab utama dan sampingan mereka memilih untuk berkahwin campur dengan pasangan yang

³¹⁴ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Jepun, *op.cit.*, 64-66, h. 2.

³¹⁵ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Amerika, *op.cit.*, 62-68, h. 2.

berlainan bangsa. Hasil data kualitatif menunjukkan bahawa pelbagai faktor didapati menyumbang kepada perkahwinan campur pasangan yang dikaji. Antara faktor yang dilaporkan oleh responden termasuklah faktor jodoh, keturunan, agama, budaya dan personaliti. Empat orang daripada responden dan pasangan yang menyatakan bahawa faktor personaliti seperti sikap dan kualiti tertentu yang ada dalam diri individu tersebut menjadi daya penarik mereka untuk berkahwin campur. Seterusnya tujuh orang daripada mereka turut berkongsi mengenai faktor agama telah menjadi permulaan kepada perkahwinan mereka. Manakala setiap dua orang daripada mereka menceritakan faktor jodoh dan budaya menjadi pengikat hati mereka dan hanya seorang yang menyatakan motivasi perkahwinan campur adalah atas faktor keturunan. Antara petikan yang menerangkan tentang faktor keturunan dalam sesuatu perkahwinan campur termasuklah:

Petikan 1: —..Faktornya mungkin disebabkan pakcik kakak kenal dengan suami dan keluarganya. Memang saya tidak kenal sesiapa pun di sini kecuali ada seorang pakcik di kampung suami. Pakcik beri jaminan yang suami seorang yang baik dan keluarganya juga keturunan yang baik-baik dan kuat agama”³¹⁶ (pasangan Indonesia (Jakarta)-Melayu)

Petikan 2: —...Secara lahiriahnya, kita hidup perlu berpasang-pasangan, naluri setiap insan berasa begitu. Apabila kita melihat orang lain mempunyai pasangan, maka terdetik juga ingin berpasangan, begitu juga ayat al-Quran ada menyebut yang bermaksud, sesungguhnya aku menjadikan kamu masyarakat dan kabilah-kabilah untuk kamu saling kenal-mengenali, sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Tuhan ialah org yang paling bertaqwa. Begitu juga ada hadith menyebut, seseorang itu dikahwini atas empat perkara, maka pilihlah agamanya. Atas dalil-dalil yang dinyatakan tadiyah maka seruan perkahwinan antara saya dan suami terlaksana.....”³¹⁷(pasangan Melayu-Algeria)

³¹⁶ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Minang), *op.cit.*, 89-98, h. 3.

³¹⁷ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Algeria di Gombak pada 26 April 2010 jam 2.30 petang, 80-88, h. 3.

Secara keseluruhannya, hasil ini boleh memberi gambaran terhadap proses pemilihan pasangan di mana faktor agama memainkan peranan yang lebih penting berbanding faktor budaya, personaliti, keturunan dan jodoh di kalangan pasangan yang berkahwin campur semasa memilih pasangan hidup. Selain itu, empat orang daripada responden didapati mempunyai ahli keluarga dan saudara-mara terdekat yang berkahwin campur. Hasil kajian menunjukkan bahawa lebih separuh responden yang dikaji mempunyai saudara-mara yang terdekat yang berkahwin dengan pasangan berlainan bangsa dan budaya. Antara ahli keluarga yang kerap dilaporkan oleh responden kajian termasuklah sepupu, datuk, ibu, pakcik dan makcik (**lihat Jadual 4.19**).

4.4 Perbezaan Budaya dalam Perkahwinan Campur

Bahagian ini membincangkan mengenai aspek aktiviti harian termasuklah mengenai makanan dan cara pemakanan, pakaian dan cara pemakaian, adat dan keagamaan termasuklah cara gaya keibubapaan, perayaan, bahasa pertuturan dan perhubungan, sistem kekeluargaan dan sokongan sosial di kalangan responden yang berkahwin campur.

4.4.1 Makanan dan Cara Pemakanan

Jadual 4.20: Makanan dan Cara pemakanan dalam Perkahwinan Campur

Perkara	Responden dan Pasangan
Jenis makanan sehari-hari	
Nasi dan lauk Melayu	10
Roti/Gandum/Bijirin	4
Mee/Pasta	2
Masalah pada makanan dan cara penyajian makanan pasangan Awal Perkahwinan	

Ada	6
Tiada	10
<u>Sekarang</u>	
Ada	4
Tiada	12
Mengamalkan makanan tradisi, adat khas atau pantang larang selepas berkahwin	
Ada	8
Tiada	
Masalah teringin atau rindu pada makanan asal	
<u>Awal Perkahwinan</u>	
Ada	8
Tiada	
<u>Sekarang</u>	
Ada	8
Tiada	

Seerti yang tertera dalam **Jadual 4.20**, aktiviti harian yang dianalisis dalam kehidupan pasangan kahwin campur adalah bersangkutan dengan aspek makanan dan cara pemakanan. Perkara yang diteliti adalah mengenai jenis makanan harian pasangan kahwin campur, masalah pada makanan dan cara penyajian makanan, amalan makanan tradisi dan masalah teringin pada makanan asal. Daripada sudut jenis makanan harian, sepuluh orang daripada responden dan pasangan telah menyatakan bahawa hidangan asasi mereka adalah nasi dan lauk pauk Melayu, manakala empat orang daripada mereka pula lebih memilih jenis makanan berunsurkan roti, gandum atau bijirin dan yang selebihnya iaitu dua orang lebih gemar menikmati makanan berupa mee dan pasta. Seterusnya, daripada segi masalah yang timbul mengenai makanan dan cara penyajian makanan responden dan pasangannya pula, sepuluh orang daripada mereka tidak menghadapi masalah pada awal perkahwinan namun tetapi enam daripada mereka menghadapi masalah seperti alergi, makanan keluarga asal dan mertua yang tidak halal, tidak selera, tidak tahan bau dan

tidak dapat hadam dengan baik. Berikut petikan daripada proses temubual mengenai masalah makanan:

Petikan 1: —...Makanan Melayu memang saya susah nak makan sebab macam-macam bau ada....”³¹⁸ (pasangan Jepun-Melayu)

Petikan 2: —... Suami saya memang menghadapi masalah dengan makanan harian orang Melayu kerana beliau tidak makan makanan dari jenis karbohidrat kecuali pasta, tetapi lebih mengambil makan berupa protein tinggi..³¹⁹ (pasangan Melayu-Australia)

Justeru, makanan tradisi atau adat khas adalah makanan yang menjadi amalan seseorang individu yang berkait rapat dengan unsur agama, adat, pantang larang dan ilmu kesihatan diri. Oleh yang demikian, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa responden dan pasangannya tidak lagi mengamalkan amalan sebegini selepas berkahwin terutamanya pasangan yang sudah memeluk agama Islam kerana makanan tradisi mereka sebelum Islam kadangkala lebih berunsurkan makanan yang tidak halal seperti daripada binatang yang haram dan minuman-minuman keras. Berikut adalah petikan temubual bersama pasangan responden:

Petikan 1: —...Saya mengamalkan makanan tradisi orang Jepun seperti sup miso dan sushi yang sangat berkhiasat dan menjadi kegemaran orang Jepun, tapi sekarang saya tidak lagi mengamalkan cara pembuatannya seperti orang Jepun asli yang meletakkan bahan-bahan yang tidak halal...”³²⁰ (pasangan Jepun-Melayu)

Selanjutnya, persoalan mengenai masalah teringin pada makanan harian asal telah dikaji dan hasilnya, kesemua pasangan responden menyatakan pada awal peringkat perkahwinan menghadapi masalah yang sama namun masalah

³¹⁸ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Jepun, *op.cit.*, 185-188, h. 6.

³¹⁹ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Australia di Sunway Damansara pada 7 Mei 2010 jam 11.00 pagi, 196-199, h. 7.

³²⁰ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Jepun, *op.cit.*, 200-205, h. 6.

itu selesai berperingkat-peringkat hingga kini kesemuanya mengakui tidak lagi menghadapi masalah yang sama kerana mereka boleh mendapatkan makanan asal bangsa mereka di restoran-restoran makanan yang menyediakan makanan tersebut di tempat mereka selain mengajar pasangan untuk menyajikan makanan tersebut. Oleh yang demikian, kesimpulan kepada hasil dapatan mengenai aspek makanan dan cara pemakanan pasangan yang berkahwin campur adalah positif di mana daripada sudut jenis-jenis makanan responden dan pasangan yang berlainan bangsa boleh didapati di Malaysia dengan mudah dan ianya tidak sekalipun mengganggu kehidupan sehari-hari mereka walaupun di peringkat awal perkahwinan ada segelintir mereka yang menghadapi masalah berkaitan makanan pasangan namun masalah itu telah diatasi peringkat demi peringkat.

4.4.2 Pakaian dan Cara Pemakaian

Jadual 4.21: Pakaian dan Cara Pemakaian dalam Perkahwinan Campur

Perkara	Responden	Pasangan
Cara Pemakaian Seharian Sebelum Berkahwin		
Pakaian Melayu	8	8
Pakaian Asal		
Selepas Berkahwin		
Pakaian Melayu	8	5
Pakaian Asal		3
Masalah dalam menentukan pakaian selepas berkahwin		
Ada	2	4
Tiada	6	4
Pasangan menyuruh mengikut budayanya selepas berkahwin		
Ada	2	6
Tiada	6	2
Pernah mengalami masalah dalam menentukan cara pemakaian anak-anak		

Ada		
Tiada	8	8
Adakah selesa dan gemar dengan cara pakaian sebelum berkahwin		
Ya	8	8
Tidak		
Adakah selesa dan gemar dengan cara pakaian selepas berkahwin		
Ya	8	8
Tidak		
Faham mengenai cara pemakaian seorang Islam		
Ya	8	8
Tidak		

Bagi memahami aspek aktiviti harian dari sudut pakaian dan cara pemakaian responden kahwin campur, responden telah diminta untuk menyatakan mengenai cara pakaian sehariannya mereka sebelum dan selepas kahwin, masalah-masalah yang wujud seperti dalam menentukan cara pakaian selepas berkahwin, pasangan meminta untuk mengikut cara pakaian dan pemakaian budayanya, penentuan pemakaian anak-anak, pemahaman mengenai cara pakaian orang Islam, perbezaan cara pakaian dan pemakaian sebelum dan selepas berkahwin (**lihat Jadual 4.21**). Hasil kajian mendapati cara pakaian responden sebelum dan selepas berkahwin adalah sama secara keseluruhannya iaitu dengan memilih cara pakaian Melayu iaitu sopan dan menutup aurat, sebaliknya pasangan responden dilihat berbeza di mana lapan orang daripadanya memakai pakaian mengikut amalan dan kesesuaian budaya dan bangsa asal mereka sebelum perkahwinan tetapi lima orang daripadanya telah berubah kepada amalan pemakaian orang Melayu namun tiga orang yang lain masih mengamalkan cara asal mereka tetapi disesuaikan dengan cara Melayu dan Islam.

Seterusnya, maklumat yang diberikan oleh responden mengenai masalah yang dihadapi oleh mereka dalam menentukan cara pakaian selepas berkahwin di mana majoriti mereka tidak pernah menghadapi masalah tersebut namun terdapat dua orang responden yang mengadu sering menghadapi kesukaran dan ketidakselesaan dalam penampilan dan pemakaian disebabkan persekitaran, pandangan dan budaya yang jauh berbeza dengan dunia Melayu. Manakala pasangan responden juga melaporkan bahawa mereka menghadapi perkara yang sama di mana separuh daripada responden kajian mengalami situasi ini dan selebihnya tidak pernah mengalaminya. Selain itu, sebahagian daripada responden iaitu lapan orang turut melaporkan bahawa selepas berkahwin pasangan meminta mereka mengikut cara pakaian budaya asal pasangan namun masih berlandaskan tuntutan agama. Selebihnya sebahagian responden tidak mengalami pengalaman tersebut. Daripada sudut pemakaian anak-anak, kesemua daripada responden melaporkan tidak menghadapi kesulitan dalam menentukan cara pemakaian yang sesuai untuk anak-anak seperti yang dinyatakan dalam petikan temubual tersebut:

Petikan 1:Tidak ada masalah. Seperti yang sama katakan tadi, saya dan suami mengajar mereka daripada kecil lagi tentang Islam. So walaupun tinggal di Amerika, mereka memang tahu yang kita ini tetap dan tidak akan berubah selama-lamanya iaitu kita adalah Muslim and Malay (Malaysian)...”³²¹ (pasangan Melayu-Amerika)

Petikan 2:Tidak pernah menghadapi masalah kerana pokok utamanya saya mengajarkan anak saya erti malu, biarpun masih kecil saya akan didik anak saya untuk memakai tudung secepat mungkin walaupun orang lihat fizikalnya cantik dan menarik, namun saya tetap pada prinsip didikan daripada rebung³²² (pasangan Melayu-Australia)

³²¹ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Amerika, *op.cit.*, 238-241, h. 7.

³²² Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Australia, *op.cit.*, 233-237, h. 7.

Keseluruhannya, dapatan kajian mendapati perbezaan daripada sudut pakaian dalam perkahwinan campur yang melibatkan responden dan pasangan menyatakan gemar dan selesa dengan pakaian yang dipakai pada sebelum dan selepas berkahwin. Walaupun sebahagian daripada mereka adalah saudara baru, namun mereka turut mengakui bahawa kesemua mereka memahami mengenai cara pemakaian seorang Islam iaitu tidak boleh membuka aurat dan memakai pakaian yang tidak menutup aurat malah mereka kini mengamalkan pemakaian orang Melayu Muslim sejati seperti baju kurung, kebaya, kurung kedah, baju melayu dan sebagainya tanda pemahaman dan penerimaan yang jelas serta berkesan selepas berkahwin. Oleh yang demikian, dapat digambarkan di sini bahawa pasangan yang berkahwin campur tidak menghadapi kesulitan yang boleh menganggu ketenteraman dan kelangsungan dalam sudut pakaian asalkan pakaian yang dipakai menutup aurat sebagai seorang Muslim sejati (**lihat Jadual 4.21**).

4.4.3 Adat dan Keagamaan

4.4.3.1 Cara Gaya Keibubapaan

Bahagian ini membentangkan pelbagai aspek mengenai cara gaya keibubapaan dan perhubungan antara gabungan bangsa dengan cara gaya keibubapaan. Berdasarkan kepada soalan temubual yang dikemukakan, cara gaya keibubapaan responden kahwin campur telah dikategorikan kepada *autoritarian*, *autoritatif* dan *permisif*. Dalam proses temubual ini, responden ditanyakan sama ada pernah berlaku atau tidak sesuatu perkara tersebut dalam cara pengasuhan anak sehari-hari.

Jadual 4.22: Cara Gaya Keibubapaan dalam Perkahwinan Campur

Perkara	Responden
Bagaimanakah cara anda mengasuh dan mengamalkan peraturan agar anak-anak anda menjadi seorang yang lebih baik daripada anda? Berdisiplin tinggi (<i>Authoritarian</i>) Sederhana tegas (<i>Autoritative</i>) Berlembut (<i>Permissive</i>) Tidak terlibat (<i>uninvolved</i>)	3 3 2
Adakah anda mengaplikasikan cara pengasuhan anak-anak mengikut budaya anda (Melayu) atau pasangan? Melayu Pasangan bukan Melayu Campuran	3 2 3
Dalam aktiviti seharian, anak-anak dilihat lebih rapat dan banyak masa bersama dengan anda (Melayu) atau pasangan anda? Melayu Pasangan bukan Melayu Kedua-duanya	1 3 4
Pernah mengalami masalah perbezaan yang besar dalam mengasuh dan mendidik anak-anak sehingga menyebabkan pertelingkahan yang kerap? Ya Tidak	8

Jadual 4.22 adalah maklumat mengenai cara gaya keibubapaan pasangan kahwin campur yang telah dikaji. Hasil analisis mendapati tiga orang responden dilihat mengamalkan gaya keibubapaan jenis *autoritarian* yang mana mereka mengamalkan cara pengasuhan yang lebih tegas dan berdisiplin.

Petikan di bawah menjelaskan perkara tersebut:

Petikan 1:Saya memang agak garang dan tegas dengan anak saya namun suami selalu memanjakannya. Bagi saya walaupun dia masih kecil tapi saya tidak akan sesekali membiarkan anak saya akan terikut dengan budaya orang Inggeris yang tidak mempunyai akidah dan sifat malu. Saya akan menetapkan di mana anak saya akan sekolah, cara pakaianya, masa depannya kerana saya sangat risaukan agamanya jika saya sudah tiada kelak....³²³(pasangan Melayu-Australia)

³²³ *Ibid.*, 276-281, h. 8.

Manakala sebahagian besar daripada responden iaitu seramai tiga orang telah didapati mengamalkan cara gaya keibubapaan jenis *autoritatif*. Perkara ini dapat digambarkan dengan cara pengasuhan dan peraturan yang diamalkan oleh responden dilihat lebih jelas dalam menetapkan jangkaan tertentu untuk anak mereka. Cara yang diaplikasikan pasangan adalah bersifat sederhana di mana mereka memberi kebebasan kepada anak-anak tetapi ianya masih di bawah pengawasan ibu bapa dan sering mengamalkan perbincangan bersama untuk mencapai persetujuan atas sesuatu masalah yang diutarakan oleh anak-anak. Antara gaya tersebut termasuklah:

Petikan 1: —....Sistem pendidikan dan aktiviti anak-anak ditentukan oleh saya atas persetujuan suami dan cara pemakaian anak-anak mengikut Islam...”³²⁴ (pasangan Amerika-Melayu)

Seterusnya, terdapat juga dua orang daripada responden yang mengamalkan gaya keibubapaan yang *permisif* iaitu mereka kurang tegas dan lebih mengamalkan sikap tolak ansur dan berlembut (**lihat Jadual 4.22**).

Petikan di bawah menggambarkan situasi tersebut

Petikan 1: —....Anak-anak saya lebih berdikari kerana saya juga diasuh untuk berdikari di usia yang masih kecil. Untuk anak-anak saya, mereka tidak perlu dimarah-marah selalu kerana orang Jepun sememangnya sering berlembut dengan anak-anak. Bagi saya asalkan mereka berjaya dan bahagia dengan pilihan mereka....”³²⁵ (pasangan Jepun-Melayu)

Manakala daripada sudut didikan yang diamalkan kepada anak-anak pula, seramai tiga orang daripada responden melaporkan cara asuhan dan didikan lebih kepada cara Melayu seperti sistem pendidikan Melayu dan aktiviti harian anak-anak. Selebihnya dua orang menyatakan cara didikan

³²⁴ Transkripsi Temubual bersama responden Melayu-Amerika, *op.cit.*, 277-279, h.

8.

³²⁵ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Jepun, *op.cit.*, 283- 287, h. 9.

anak-anak diserahkan kepada pasangan responden namun di samping bimbingan dan pengawasan agar didikan tersebut tidak terkeluar daripada peraturan Allah s.w.t. Sebagai contoh:

Petikan 1: — Lebih kepada cara saya kerana suami saya bekerja dan anak-anak adalah lebih rapat dan selalu bersama saya. Saya mudah mendidiknya mengikut cara saya dan saya tidak risaukan tanggapan orang. Saya lebih suka mengekalkan amalan saya macam dulu. Antara contohnya adalah saya senang menggendong anak dalam kain khususnya untuk memudahkan ibu dan bapa dan memberikan keselesaan pada bayi....”³²⁶ (pasangan Indonesia (Jakarta)-Melayu)

Selanjutnya pula tiga responden mengakui telah mencampurkan cara mendidik anak-anak dengan cara beliau dan pasangan di mana cara didikan yang terbaik di antara keduanya diaplikasikan kepada anak-anak. Konsisten dengan amalan didikan yang mengikut cara Melayu, cara pasangan yang bukan Melayu ataupun cara campuran, responden ditanyakan pula mengenai masa yang lebih banyak diluangkan dalam aktiviti harian anak-anak. Seorang responden mengakui masa lebih banyak diluangkan bersama ibu bapa yang berbangsa Melayu disebabkan masa yang lebih banyak diperuntukkan dalam mengajar mengenai adat dan budaya orang Melayu, manakala tiga orang daripada mereka telah meluangkan masa yang lebih bersama pasangan yang bukan Melayu atas sebab suami bekerja dan kurang masa bersama. Namun tiga orang responden yang lain mengakui mereka tetap mementingkan masa berkualiti bersama anak-anak agar anak-anak lebih menghargai kasih sayang ibu bapa mereka tanpa membeza-bezakan bangsa dan keturunan ibu bapa mereka.

³²⁶ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Jakarta), *op.cit.*, 142-147, h. 2.

Secara keseluruhannya, analisis maklumat mengenai gaya keibubapaan pasangan yang berkahwin campur ini dapat dijelaskan bahawa gabungan bangsa dan budaya suami dan isteri mempunyai perhubungan yang tersendiri dan unik. Justeru memberi gambaran bahawa jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh responden berkahwin campur bergantung kepada bangsa dan budaya pasangan suami dan isteri yang berkahwin campur tersebut. Oleh yang demikian, pasangan kahwin suami isteri kahwin campur yang terdiri daripada gabungan Melayu-Inggeris didapati lebih cenderung mengamalkan cara keibubapaan yang *autoritarian* atau *autoritatif*. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden lebih ketat dan tegas dalam mendidik anak-anak bagi memastikan akidah dan prinsip Islam dikekalkan dan diteruskan.

Manakala gabungan ibu bapa Melayu-Indonesia lebih mengamalkan *autoritatif* iaitu dengan cara menekankan perbincangan dan sentiasa memberikan galakan kepada anak-anak secara tegas dan mesra. Bagi gabungan pasangan Melayu-Jepun dan Melayu-Bosnia adalah lebih longgar dan banyak memberi kebebasan kepada anak-anak mereka iaitu dengan cara didikan yang *permisif*. Hasil dapatan juga menunjukkan kesemua responden mengakui bahawa mereka tidak pernah mengalami masalah perbezaan yang terlalu besar dan berbeza dalam mengasuh dan mendidik anak kerana pemahaman yang tinggi dan tolak ansur yang berterusan sentiasa diamalkan walaupun cara keibubapaan yang berbeza mengikut budaya dan kebiasaan mereka. Oleh yang demikian, dapat digambarkan bahawa gaya keibubapaan pasangan kahwin campur yang dikaji ini positif dan tidak memberi pengaruh kepada kebahagiaan keluarga yang dibina.

4.4.3.2 Perayaan

Jadual 4.23: Perayaan dalam Perkahwinan Campur

Perkara	Responden dan Pasangan
Adakah perayaan yang disambut oleh pasangan jauh berbeza daripada adat asal anda? Ya Tidak	8
Adakah anda sering menghadapi masalah besar ketika menyambut perayaan pada hari perayaan tertentu? <u>Awal Perkahwinan</u> Ya Tidak <u>Sekarang</u> Ya Tidak	6 2 8
Adakah anda dapat menyesuaikan diri pada peringkat awal perkahwinan bersama saudara mara ketika menyambut hari perayaan? <u>Awal Perkahwinan</u> Mudah Susah <u>Sekarang</u> Mudah Susah	3 5 8

Jadual 4.23 membentangkan maklumat mengenai adat perayaan yang disambut bersama pasangan yang berkahwin campur yang terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan kesemua responden melaporkan perayaan dalam Islam iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha adalah jauh berbeza daripada perayaan adat asal mereka yang sebahagian daripada mereka adalah saudara baru dan selebihnya beragama Islam. Namun mereka menyatakan perayaan pasangan mereka sangat berbeza dan tidak seperti yang dijangkakan. Antaranya diceritakan dalam petikan di bawah:

Petikan 1: —....di sini memang jauh sangat berbeza dengan raya di tempat kakak. Di sana memang cukup meriah. Sepanjang 30 hari berpuasa kami sekampung akan berbuka dan berjemaah tarawikh di surau. Ada pertandingan makanan berbuka siapa yang paling sedap dan cantik. Lepas itu malam raya akan ada

pertandingan rumah yang cantik dan setiap orang akan berkunjung untuk bertakbir daripada rumah ke rumah. Suasana persaudaraan sangat kukuh di sana kalau akak boleh bayangkan memang sangat seronok bila tiba hari puasa dan raya. Tak kiralah orang muda ke orang tua, kanak-kanak semua dapat gembira dan semua turun padang bersama-sama. Kalau di sini memang tersangat-sangat berbeza dan tidak meriah. Kalau setakat malam tujuh likur pasang lampu tepi rumah pun jarang. Di kampung kami lagi seronok, pasang lampu hias surau dengan lampu bergotong royong bersama-sama. Mungkin di sini tidak dapatlah lagi suasana begitu....”³²⁷(pasangan Indonesia (Minang)-Melayu)

Manakala, dapatan kajian juga membentangkan kebanyakan pasangan responden sering menghadapi masalah besar ketika menyambut perayaan pada hari perayaan tertentu iaitu enam orang daripadanya yang menyatakan perkara sedemikian di awal perkahwinan kecuali dua orang responden yang menyatakan tidak pernah mengalami pengalaman tersebut. Hal ini dinyatakan oleh mereka sebagai perkara biasa yang dialami oleh individu yang baru menyesuaikan diri dengan persekitaran dan suasana yang janggal dan belum pernah dialami sebelum ini. Antara petikan yang menyatakan perkara ini:

Petikan 1: ...Ada perbezaan, di Malaysia mengamalkan open house, yang tiada di negara saya, pada awal-awal dulu saya tidak suka mengamalkannya sebab mungkin bukan budaya saya....”³²⁸(pasangan Algeria-Melayu)

Petikan 2: ...Memang pada peringkat awal menyambut perayaan seperti hari raya Aidilfitri atau Aidiladha agak susah pada keluarga kami untuk menyambutnya kerana Islam kerana keluarga yang tidak faham mengenai perayaan agama Islam dan adat perayaan Melayu, kadangkala mereka memandang serong kepada kami....”³²⁹(pasangan Melayu-Amerika)

³²⁷ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Minang), *op.cit.*, 237-250, h. 7-8.

³²⁸ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Algeria, *op.cit.*, 300-303, h. 9.

³²⁹ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Amerika , *op.cit.*, 324-327, h. 10.

Petikan 3: —...Alhamdulillah semuanya ok sahaja. Tidak jauh beza kerana Malaysia dan Indonesia rumpun besarnya adalah Melayu...”³³⁰(pasangan Indonesia (Jakarta)-Melayu)

Manakala, responden ditanyakan pula mengenai permasalahan yang sama pada peringkat perkahwinan sekarang. Kesemua responden melaporkan bahawa mereka tidak lagi mengalami masalah dalam hal menyambut sesuatu perayaan kerana telah melaluinya dan dapat menggambarkan suasana tersebut malah ada yang menyatakan sangat gembira dan amat teruja apabila menyambut sesuatu perayaan terutamanya Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Kata pasangan responden:

Petikan 1: —...Perayaan di Jepun tidak meriah. Tidak ada pakaian tradisional yang baru dan cantik, pakai biasa-biasa sahaja. Pakaian kimono pun saya tidak pandai pakai. Memang jarang untuk memakai pakaian (kimono) kecuali di hari-hari perkahwinan dan hari-hari tertentu sahaja. Jadi memang tidak semeriah seperti perayaan di Malaysia ini. Kemeriahian hari raya Aidilfitri memang sangat istimewa kepada saya kerana saya menyambutnya di kampung suami di Kedah. Saya dan anak-anak sangat gembira bila beraya di kampung tok wan dia”³³¹(pasangan Jepun-Melayu)

Seterusnya, maklumat analisis menyatakan bahawa terdapat lima pasangan responden yang mengalami kesulitan dan kesukaran dalam menyesuaikan diri pada peringkat awal perkahwinan bersama saudara-mara ketika menyambut hari perayaan namun tiga orang responden lain menyatakan mereka dengan mudah menerima dan menyesuaikan diri kerana banyak persediaan daripada segi mental dan ilmu pengetahuan. Petikan daripada sesi temubual mendalam dengan responden juga menggambarkan situasi tersebut:

Petikan 1: —...Semasa saya membawa suami pulang ke kampung sewaktu perayaan lepas, semuanya berjalan dengan lancar dan suami sangat digemari oleh orang kampung, ahli keluarga dan

³³⁰ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Jakarta), *op.cit.*, 237-240, h. 7.

³³¹ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Jepun, *op.cit.*, 305- 313, h. 9.

saudara mara saya kerana sangat terbuka. Bagi saya walaupun kami masih muda, tetapi dia matang dalam segala hal berkaitan perbezaan adat kami berdua kerana katanya beliau sudah bersedia dan menerima semuanya dengan positif....”³³² (pasangan Melayu-Bosnia)

Pola perubahan dapat dilihat dalam kalangan pasangan kahwin campur ini iaitu mereka hanya mengalami perbezaan daripada segi sambutan terhadap sesuatu perayaan, masalah menerima cara dan budaya dalam perayaan pasangan dan susah untuk menyesuaikan diri kepada suasana dan saudara-mara ketika menyambut perayaan pada peringkat awal perkahwinan namun kesemua responden mengakui sudah tidak mengalami masalah sedemikian dalam hal adat perayaan kerana penerimaan dan penyesuaian dalam aspek adat dan keagamaan itu adalah sesuatu perkara yang positif dan banyak membantu mengeratkan hubungan kekeluargaan dan silaturahim dengan masyarakat setempat. Selain daripada menambah baik hubungan, mereka juga dapat memperbanyak ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam kehidupan berumahtangga.

4.4.4 Bahasa Pertuturan dan Komunikasi

Jadual 4.24: Bahasa Pertuturan dan Komunikasi dalam Perkahwinan Campur

Perkara	Responden
Apakah bahasa yang lebih banyak digunakan oleh anda sepanjang kehidupan sehari?	
Bahasa Melayu	2
Bahasa Ibunda pasangan	4
Bahasa Campuran	1
Bahasa lain	1
Apakah bahasa yang digunakan oleh pasangan anda semasa berhubung dengan keluarga anda?	
Bahasa Melayu	4

³³² Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Bosnia di Gombak pada 7 Mei 2010 jam 9.00 malam, 329-335, h. 10.

Bahasa Ibunda pasangan Perantara/Penterjemah Bahasa lain	4
Apakah bahasa yang digunakan oleh anda semasa berkomunikasi bersama anak-anak anda? Bahasa Melayu Bahasa Ibunda pasangan Bahasa campuran Bahasa lain	1 3 3 1
Sepanjang perkahwinan adakah anda pernah menghadapi masalah dalam komunikasi dengan pasangan dan keluarga asal pasangan disebabkan kesukaran untuk melahirkan pandangan atau perasaan anda? Ya Tidak pernah	7 1
Apakah alternatif yang diambil untuk mengatasi masalah ini? Belajar bahasa Melayu/dialek pasangan Tidak belajar tetapi selesa menggunakan orang tengah Senyap dan tidak mengambil sebarang penyelesaian	6 2
Adakah masalah bahasa dan komunikasi ini menjadi masalah utama atau cabaran besar anda? Ya Tidak	8

Bagi lebih memahami perjalanan kehidupan sehari-hari pasangan yang berkahwin campur dalam kajian ini, **Jadual 4.24** membentangkan maklumat berkaitan bahasa pertuturan dan perhubungan dalam perkahwinan campur yang majoritinya mempunyai bahasa yang berlainan sama sekali kecuali kepada dua pasangan Melayu-Indonesia yang mempunyai kelebihan disebabkan masih berada dalam rumpun yang sama iaitu rumpun Melayu. Responden ditanyakan mengenai apakah bahasa yang lebih banyak digunakan oleh mereka sepanjang kehidupan sehari-hari dan hasilnya mendapati empat orang pasangan lebih banyak menggunakan bahasa ibunda pasangan yang bukan Melayu. Perkara ini memberi gambaran jelas bahawa responden mahir dalam bahasa ibunda pasangan. Kemahiran itu dilihat sebagai bonus untuk

mereka menjalin hubungan yang baik bersama keluarga mertua dan masyarakat pasangan. Manakala dua orang daripada responden lebih gemar memilih untuk menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya iaitu pasangan Melayu-Indonesia, seorang daripada responden kajian telah mengamalkan penggunaan bahasa campuran iaitu pasangan Melayu-Jepun dan hanya seorang pasangan sahaja yang menggunakan bahasa lain iaitu pasangan Melayu-Bosnia iaitu bahasa ketiga iaitu bahasa Inggeris.

Selain itu, responden juga ditanya bahasa yang digunakan oleh pasangan bukan Melayu semasa berhubung dengan keluarga dan sebaliknya. Dapatan kajian menyatakan responden dan pasangan lebih gemar menggunakan perantara ataupun penterjemah dalam bertutur dan berhubungan dengan keluarga mertua dan adik-beradik ipar kerana empat pasangan daripadanya mengakui bahawa keupayaan bahasa masih lemah disebabkan sukar untuk dikuasai dan difahami. Selebihnya dua pasangan Melayu-Indonesia lebih gemar menggunakan bahasa Melayu sebagai perantaraan dengan keluarga pasangan manakala dua orang responden lain menggunakan bahasa Ibunda pasangan iaitu pasangan Melayu-Inggeris dan Melayu-Algeria. Berikut antara petikan temubual bersama responden:

Petikan 1: —....Saya masih belum dapat bertutur dalam bahasa Jepun sebab isteri bertutur secara campur dan susah untuk diingati.. tetapi apabila ibu bapa mertua datang ke Malaysia, memang kena minta tolong isteri dan anak sebagai perantara....faham dan cakap sikit boleh lah. Dah banyak beli buku bahasa Jepun, tapi masih tidak faham-faham.....”³³³ (pasangan Melayu-Jepun)

Petikan 2:—....Dalam keluarga suami memang saya berbual dalam bahasa Inggeris juga kerana Alhamdulillah mertua dan ipar

³³³ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Jepun, *op.cit.*, 354- 359, h. 11.

duai saya pernah belajar di Singapura. Jadi saya memang menggunakan bahasa Inggeris sebagai perantara dalam komunikasi, tapi saya juga boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik juga setelah berumahtangga bertahun-tahun....”³³⁴ (pasangan Inggeris-Melayu)

Maklumat mengenai bahasa pertuturan yang sering digunakan oleh pasangan bersama anak-anak adalah didapati berbeza mengikut bangsa iaitu tiga orang daripada mereka memilih untuk berkomunikasi dalam bahasa campuran iaitu pasangan Melayu-Indonesia, Melayu-Algeria dan Melayu-Jepun. Manakala setiap seorang daripada responden lebih banyak bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa lain. Seterusnya tiga orang yang lain mengakui lebih cenderung menggunakan bahasa Ibunda pasangan sepenuhnya bersama anak dan suaminya iaitu bahasa Inggeris kerana bagi mereka lebih mudah dan difahami oleh semua lapisan orang.

Seterusnya, responden turut berkongsi dengan pengkaji mengenai pengalaman sukar untuk melahirkan pandangan atau perasaan dengan pasangan dan keluarga asal pasangan di sepanjang perkahwinan disebabkan masalah penguasaan dalam bahasa pertuturan kedua-dua belah pihak. Majoriti responden iaitu tujuh orang pernah mengalami pengalaman tersebut pada awal perkahwinan namun pasangan Melayu-Jepun dan Melayu-Bosnia masih menghadapi masalah tersebut hingga kini kerana kurang memahami dan menguasai dalam bahasa dan dialek pasangan dan keluarga asalnya.

³³⁴ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Inggeris, *op.cit.*, 293-297, h. 9.

Selain itu, konsisten dengan masalah sedemikian, responden dan pasangan ditanyakan mengenai langkah alternatif yang diambil untuk mengatasi masalah kegagalan bertutur dan berhubung bersama keluarga mertua. Enam daripada pasangan menyatakan bahawa mereka sanggup mempelajari bahasa Melayu dan dialek pasangan tidak kira sama ada melalui televisyen, buku, kenalan dan saudara mara. Manakala dua pasangan lain iaitu pasangan Melayu-Jepun, Melayu-Bosnia lebih memilih untuk menggunakan orang tengah atau penterjemah kerana selesa dengan keadaan begitu disebabkan pasangan yang tidak terlalu mendesak.

Secara keseluruhannya, kesemua responden bersetuju bahawa masalah bahasa komunikasi dan perhubungan adalah sesuatu yang lazim dan tidak menjadi cabaran besar dan permasalahan utama walaupun terdapat sesetengah responden yang tidak dapat menguasai bahasa ibunda pasangan namun, selagi mana salah seorang pasangan boleh memahami dan menterjemahkan bahasa ibunda kepada keluarga dan saudara-mara, persoalan bahasa pertuturan dilihat tidak mempengaruhi kebahagiaan dan kelangsungan rumahtangga pasangan kahwin campur ini.

4.4.5 Sistem Kekeluargaan dan Sokongan Sosial

Jadual 4.25: Sistem Kekeluargaan dan Sokongan Sosial dalam Perkahwinan Campur

Perkara	Responden
<u>Sistem kekeluargaan sebelum dan di awal perkahwinan</u>	
Penerimaan/sambutan untuk mendirikan rumahtangga	
Terima	5
Tidak terima	3

Sokongan Pertukaran Agama dan bimbingan ilmu agama oleh keluarga asal	
Bimbing	4
Tidak bimbing	4
Pemahaman adat/amalan	
Faham	2
Tidak faham	6
Komunikasi dan Sokongan Ahli Keluarga Asal	
Baik	6
Tidak baik	2
Komunikasi dan Sokongan Ahli Keluarga Mertua	
Baik	4
Tidak baik	4
Sistem kekeluargaan selepas berkahwin	
Penerimaan/sambutan untuk mendirikan rumah tangga	
Terima	8
Tidak terima	
Sokongan Pertukaran Agama dan bimbingan ilmu agama oleh keluarga asal	
Bimbing	8
Tidak bimbing	
Pemahaman adat/amalan	
Faham	8
Tidak faham	
Komunikasi dan Sokongan Ahli Keluarga Asal	
Baik	8
Tidak baik	
Komunikasi dan Sokongan Ahli Keluarga Mertua	
Baik	8
Tidak baik	
Sokongan sosial selepas berkahwin	
Individu/institusi memberi sokongan dan bantuan ketika anda bekerja	
Ada	8
Tiada	
Mempuyai kenalan dan rakan sebangsa di tempat tinggal sekarang?	
Ada	8
Tiada	
Adakah anda selesa dengan tempat tinggal bersama pasangan sekarang?	
Ya	6
Tidak	2
Pernah mengalami masalah krisis identiti atau krisis budaya	
Ya	5
Tidak	3

Merujuk kepada **Jadual 4.25**, analisis dijalankan ke atas hubungan kekeluargaan daripada segi keperluan sebelum dan selepas perkahwinan dan masalah yang dihadapi oleh pasangan yang berkahwin campur. Hasil temubual yang dijalankan menyokong dan menjelaskan fenomena tersebut. Responden menyatakan bahawa secara umumnya keluarga asal mahupun mertua tidak menerima sepenuhnya perkahwinan mereka terutamanya sebelum berkahwin dan pada awal peringkat perkahwinan di mana lima orang daripada mereka menerima dan selebihnya iaitu tiga orang daripada keluarga mereka tidak diterima dan ditentang secara keras. Separuh daripada responden iaitu empat orang mengakui dihalang untuk menukar agama kepada Islam dan tidak mendapat sokongan daripada keluarga asal dalam menganut agama Islam. Manakala selebihnya mengakui ada mendapat bimbingan dan sokongan daripada keluarga asal kerana mereka memang menganut Islam dan memahaminya Islam secara hakiki. Daripada segi pemahaman adat dan amalan budaya, dua daripadanya memahami dan menerima cara dan budaya pasangan pada awal perkahwinan iaitu dua pasangan Melayu-Indonesia dan selebihnya iaitu enam orang responden memang tidak memahaminya atas faktor tiada pengetahuan asas mengenai budaya dan amalan orang Melayu. Manakala daripada sudut perhubungan dan sokongan ahli keluarga asal masih konsisten lima daripada mereka berhubung dan mempunyai pertalian yang baik dengan keluarga asal akan tetapi tiga daripadanya mempunyai masalah dalam perhubungan bersama keluarga asal disebabkan penerimaan dan sambutan yang negatif pada peringkat awal perkahwinan mereka. Kata responden:

Petikan 1: ...Memang pada mula-mula mereka tidak terimalah.... sehingga suami datang daripada Malaysia seorang

diri ke Jepun minta izin kahwin dengan saya, tetapi ayah tetap berkeras tidak menerimanya (suami) kerana sebab bangsa, agama, negara dan budaya.....³³⁵(pasangan Jepun-Melayu)

Petikan 2: —...Mudah untuk terima selepas i terangkan yang i akan convert to Islam and i tidak akan berubah menjadi seseorang yang lain kerana i katakan i tetap their daughter and children forever and ever. I beritahu dia yang bakal suami orangnya macam mana, about his culture, his family in Malaysia and many things. I bawa bakal suami jumpa dengan my family and my parent has interested with him finally....³³⁶ (pasangan Inggeris-Melayu)

Manakala daripada sudut perhubungan dan sokongan daripada ahli keluarga mertua dilihat separuh daripada responden mempunyai hubungan yang baik dengan ahli keluarga pasangan dan sebahagian pula adalah sebaliknya. Seterusnya, responden ditanyakan mengenai persoalan sedemikian selepas peringkat perkahwinan hingga sekarang dan keseluruhannya melaporkan bahawa keluarga mertua menerima sepenuhnya perkahwinan campur anak mereka dan mula berlembut hati menyambut pasangan itu walaupun berlainan bangsa dan budaya kerana mereka sudah menganggap pasangan anak mereka sebahagian daripada keluarga atas pelbagai faktor termasuklah pasangan kahwin campur bersedia mempelajari dan memahami budaya Melayu serta menjalani kehidupan suami isteri dengan baik dan gembira.

Selain itu dari sudut sokongan pertukaran agama dan bimbingan mengenai ilmu agama, setiap responden menyatakan mendapat sokongan dan bimbingan malah empat orang daripada responden yang merupakan saudara baru menyatakan bahawa keluarga asal mereka turut mempunyai niat untuk

³³⁵ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Jepun, *op.cit.*, 376-380, h. 11.

³³⁶ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Inggeris, *op.cit.*, 344-349, h. 10.

mengenali dan mempelajari agama Islam. Sekalian responden juga menyatakan bahawa mereka sudah boleh memahami adat dan amalan budaya Melayu dan pasangan yang bukan Melayu serta mempunyai hubungan komunikasi yang baik dengan keluarga asal dan keluarga mertua.

Seterusnya, dapatan kajian juga menelusuri berkaitan dengan sokongan sosial terhadap pasangan kahwin campur yang dikaji. Keseluruhan responden mengakui bahawa mereka mendapat sokongan daripada masyarakat sosial dan setempat termasuklah saudara mara, jiran tetangga, masyarakat masjid dan kenalan ramai. Malahan kesemua responden juga menyatakan ada mempunyai kenalan dan rakan sebangsa di tempat tinggal sekarang menjadikan mereka tidak terlalu tersisih dan masih boleh melepaskan kerinduan terhadap ahli keluarga yang jauh di samping mempunyai teman untuk berbicara. Selain itu, dua pasangan yang menyatakan bahawa mereka tidak selesa dengan tempat tinggal kini kerana negara pasangan yang jauh berbeza daripada negara asal. Pasangan Melayu-Amerika yang tinggal di Amerika menyatakan hasrat untuk pulang ke Malaysia apabila anak-anak sudah dewasa dan pasangan Melayu-Bosnia pula berhasrat untuk berpindah ke Negara Jerman secepat mungkin mengikut keluarga suami disebabkan peluang pekerjaan yang baik dan memikirkan keselesaan keluarga suami yang tidak selesa dan gembira disebabkan masalah perperangan dan kemunduran di Bosnia. Namun, majoriti daripada mereka menyatakan selesa dengan tempat tinggal bersama keluarga di Malaysia sekarang. Enam orang daripada mereka lebih gemar untuk tinggal di Malaysia dan merasa bertuah untuk terus tinggal di sini. Kata responden:

Petikan 1: —....Saya telah berbincang dengan isteri untuk menetapkan tempat tinggal bersama sebelum berkahwin dan ketika

itu kami bersetuju dengan pilihan saya untuk tinggal di Malaysia kerana keadaan di Indonesia tidak begitu selasa untuk masa depan anak-anak kami tertutamanya dalam hal pendidikan”³³⁷ (pasangan Melayu-Indonesia(Jakarta)

Petikan 2: —....Bagi saya, saya tidak akan pulang dan tinggal di Jepun kerana apabila dah tua ini saya pun tidak ada kerja di sana, saudara pun sudah banyak merantau, cuma yang ada ibu bapa yang sudah tua tetapi setiap setahun sekali ibu bapa saya akan datang melawat kami di Malaysia”³³⁸(pasangan Jepun-Melayu)

Namun persoalan lain yang berbangkit dalam aspek kekeluargaan dan sokongan sosial adalah sama ada responden pernah mengalami masalah krisis identiti atau krisis budaya di sepanjang perkahwinan. Hasil maklumat menyatakan bahawa lima orang daripada pasangan responden mengakui tidak pernah berhadapan dengan situasi ini dan selebihnya iaitu tiga orang daripada mereka seringkali berhadapan dengan masalah ini. Dapatan kajian mendapati bahawa pasangan responden yang tidak mengalami masalah ini majoritinya responden lelaki yang berkahwin dengan responden wanita Melayu disebabkan mereka tidak terlalu terdedah dengan masalah-masalah perbezaan adat dan budaya seperti gaya keibubapaan yang berbeza, masalah kehilangan kawan dan kerja, masalah sokongan sosial, masalah peranan lelaki dan wanita yang berbeza. Responden juga mengakui peranan sebagai ketua keluarga yang digalas oleh mereka lebih banyak membantu menambah keyakinan mereka untuk mengatasi masalah salah faham dan keliru budaya kerana kebanyakan perkara yang bersangkutan dengan adat adalah lebih tertumpu kepada hal-hal wanita. Oleh yang demikian dapat diperhatikan bahawa responden yang berkahwin dengan lelaki bukan Melayu lebih mudah mengalami krisis diri serta budaya berbanding dengan responden yang berkahwin dengan lelaki

³³⁷ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Jakarta), *op.cit.*, 409- 416, h. 12.

³³⁸ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Jepun, *op.cit.*, 432-436, h. 13.

Melayu yang cenderung untuk terdedah kepada masalah krisis identiti dan budaya walaupun mereka telah berkahwin untuk jangka masa yang panjang.

(lihat Jadual 4.25) Kata responden:

Petikan 1: —.... Selepas saya datang ke sini dan berkahwin, bermacam-macam usaha saya buat untuk jadi orang Melayu asli.. tapi daripada pandangan orang saya tetap orang Jepun kan. Jadi macam mana kita usaha pun tidak boleh jadi orang Melayu juga. Kerana bagi saya identiti itu tidak boleh ditukarkan.. Jadi apa yang patut saya buat kan.. apa yang saya buat ialah.. kita mesti hidup sebagai seorang Jepun juga kan..sebab pandangan masyarakat mesti lihat kita orang Jepun juga.. Jadi saya sebagai orang Jepun yang hidup di Malaysia.. benda-benda begitukan.. buat hati rasa susah.. saya lama jugak fikir perkara ini..... Sekarang ini masih fikir jugalah. Tapi saya sekarang kurang fikir mengenai krisis dah kerana daripada dulu ramai juga yang bantu saya kan ..Jadi orang datang ke sini, saya sangat hargai. Saya mahu membala jasa kepada masyarakat Malaysialah. Itu yang saya fikirkan dalam menyelesaikan masalah saya ini lah. Dah tua ini kan, apa lagi hendak buat....”³³⁹ (pasangan Jepun-Melayu)

Petikan 2: —...Memanglah akak sering rasa begitu. Akak berusaha sedaya upaya hendak menjadi yang orang Melayu macam masyarakat di sini. Tapi bila kenangkan semula, betul ke apa yang akak buat ini, akak tidak berasal daripada sini, orang di sini juga selalu pandang rendah dengan orang Indonesia atas sebab darjat....Bagi akak, untuk akak hilangkan perasaan macam itu, akak akan sematkan di hati bahawa setiap manusia yang Allah ciptakan itu semuanya sama dan ada yang baik dan juga jahat. Ada juga orang Melayu yang jahat dan ada juga orang Indonesia yang baik. Kalau mereka kata begitu, Allah lebih tahu siapa manusia itu di sisi Allah”³⁴⁰ (pasangan Indonesia (Minang)-Melayu)

Secara keseluruhannya, didapati bahawa pasangan yang berkahwin campur mengalami pelbagai masalah dan cabaran dalam hubungan kekeluargaan tidak kira sama ada dalam kalangan keluarga asal dan mertua sebelum dan awal perkahwinan di mana segelintir daripada mereka mendapat tentangan dan halangan. Selain itu, banyak keperluan di awal perkahwinan

³³⁹ *Ibid.*, 420-433, h. 12-13.

³⁴⁰ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Minang), *op.cit.*, 347-356, h. 10-11.

termasuklah dalam masalah pemahaman mengenai adat dan amalan Melayu serta perhubungan dengan keluarga kedua belah pihak.

Namun, terdapat perubahan yang ketara pada hubungan kekeluargaan selepas perkahwinan di mana keseluruhan responden dan pasangan melaporkan bahawa telah diterima sepenuhnya oleh keluarga pasangan, menerima sokongan dan bimbingan agama daripada keluarga, penguasaan dan penerimaan adat dan amalan Melayu, mempunyai perhubungan komunikasi yang baik dengan keluarga asal dan mertua, mendapat sokongan dan bantuan daripada individu seperti jiran tetangga, kawan-kawan, mempunyai kenalan sebangsa di Malaysia, selesa tinggal di Malaysia dan seterusnya berjaya mengatasi masalah krisis identiti dan budaya dalam perkahwinan mereka. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa permasalahan hubungan kekeluargaan dan sokongan sosial pasangan kahwin campur yang dikaji telah berjaya diselesaikan dan diatasi di peringkat pertengahan perkahwinan malah konflik ini tidak menjelaskan perhubungan dan pertalian kesemua responden bersama keluarga asal dan mertua malah semua mereka melaporkan perhubungan sesama keluarga asal dan mertua semakin baik selepas berkahwin lebih dari setahun.

4.5 Pembudayaan dalam Perkahwinan Campur

Bahagian ini membentangkan mengenai maklumat yang berkaitan dengan pembudayaan responden dan pasangan dalam perkahwinan campur termasuklah penyesuaian keluarga, penerapan budaya dan proses

pembudayaan Islam dalam kehidupan sehari-hari. Perkara ini terkandung dalam **Jadual 4.26, 4.27** dan **4.28** yang membentangkan maklumat berkaitan pembudayaan yang berhasil daripada proses adaptasi atau penyesuaian diri, asimilasi atau proses penerapan budaya pasangan dan Islamisasi atau proses membimbang dan mengubah pasangan ke arah kehidupan Islam yang diberkati Allah s.w.t.

4.5.1 Adaptasi

Jadual 4.26: Adaptasi dalam Perkahwinan Campur

Perkara	Responden
Proses adaptasi (proses penyesuaian dalam suasana baru) dilihat sebagai cara untuk pasangan menyesuaikan diri. Bagaimana pengalaman anda?	
Ikut budaya Melayu	2
Ikut budaya Pasangan	1
Budaya campuran	5
Berapa lama masa penyesuaian diambil?	
1-6 bulan	2
7-12 bulan	4
13-18 bulan	1
19-24 bulan	1
Adakah anda menghadapi masalah mengamalkan adat, amalan, istiadat dan cara hidup pasangan anda seperti cara makan, pakaian, pendidikan anak-anak dan lain-lain?	
Ya	8
Tidak	

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan responden yang dikaji mempunyai pelbagai cara penyesuaian keluarga (**lihat Jadual 4.26**). Hasil kajian menunjukkan wujud corak penyesuaian keluarga yang jelas dan spesifik dalam kalangan responden kahwin campur. Taburan yang lebih kepada penyesuaian yang berorientasikan adat dan budaya campuran kedua-dua pasangan diperhatikan. Ini digambarkan dengan majoriti iaitu lima orang pasangan mengakui penyesuaian budaya campuran lebih saksama di mana

kedua-duanya masih bebas mengamalkan cara tradisi sendiri asalkan tidak melanggar syariat Islam. Sebaliknya dua pasangan yang menyatakan mereka telah mengikut budaya orang Melayu kerana pasangan lebih menyukainya dan hanya seorang responden yang dilaporkan telah mengikut budaya pasangan iaitu pasangan Melayu-Bosnia. Perkara ini dijelaskan dalam petikan di bawah:

Petikan 1: —....Daripada apa yang saya alami, ternyata proses penyesuaian keluarga dan hubungan suami isteri lebih kepada budaya suami saya iaitu mengikut budaya Melayu kerana lebih mudah dan terbuka, oleh yang demikian saya lebih banyak mengikut caranya kerana dia memang mengajar saya dan menginginkan saya menjadi sepertinya dan keluarganya.....”³⁴¹ (pasangan Indonesia (Jakarta)-Melayu)

Petikan 2: —....Macam saya kata tadi, sometimes banyak kepada dia, dan ada sesetengah perkara (terutamanya hal-hal keagamaan) memang mengikut gaya dan cara saya”³⁴² (pasangan Melayu-Amerika)

Maklumat berkaitan dengan masa penyesuaian diri dengan cara dan budaya pasangan dilihat berbeza-beza mengikut bangsa hubungan kekeluargaan. Dua pasangan menyatakan bahawa mereka mengambil masa yang singkat untuk menyesuaikan diri dengan cara kehidupan orang Melayu iaitu dua hingga tiga bulan. Pasangan tersebut ialah pasangan Melayu-Indonesia dan Melayu-Algeria. Mereka menyatakan perkara tersebut dalam petikan di bawah:

Petikan 1: —....Penyesuaian budaya tidak lah berlaku lama sangat. Lepas kahwin itu akak memang terus mengikut cara dan budaya sini. Sebab akak tinggal di rumah mertua.....”³⁴³(pasangan Indonesia (Minang)-Melayu)

³⁴¹ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Jakarta), *op.cit.*, 252-257, h. 8.

³⁴² Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Amerika, *op.cit.*, 511-513, h. 15.

³⁴³ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Minang), *op.cit.*, 372-375, h. 11.

Petikan 2:Sedikit sahaja masa yang diambil. Sebab saya pernah belajar di Negara Arab, memahami konsep budaya Arab. Begitu juga suami belajar di Malaysia dan memahami konsep budaya Malaysia.....”³⁴⁴(pasangan Melayu-Algeria)

Selain itu, empat pasangan yang lain melaporkan masa yang diambil adalah selama 7-12 bulan dan selebihnya setiap satu daripada responden lain pula mengambil masa selama 13-18 bulan dan 19-24 bulan atas faktor jurang budaya dan gaya hidup yang amat berbeza. **Jadual 4.26** juga melaporkan bahawa kesemua responden dan pasangan kahwin campur tidak mengalami masalah dalam mengamalkan adat istiadat dan cara hidup responden termasuklah cara makan, pakaian, pendidikan anak-anak dan lain-lain kerana merasakan budaya Melayu lebih mudah dan terbaik untuk kebahagiaan keluarga mereka kerana menggabungkan nilai Islam dan ketimuran yang kuat.

4.5.2 Asimilasi

Jadual 4.27: Asimilasi dalam Perkahwinan Campur

Perkara	Responden
Adakah proses asimilasi (penerapan budaya) cenderung berlaku kepada pihak anda?	
Melayu	4
Pasangan bukan Melayu	2
Campuran	2
Berapa lama masa penerapan budaya pasangan diambil?	
1-6 bulan	2
7-12 bulan	4
13-18 bulan	1
19-24 bulan	1

Bagi mendalami proses asimilasi atau penerapan budaya yang cenderung berlaku antara pasangan kahwin campur, hasil kajian mendapati

³⁴⁴ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Algeria, *op.cit.*, 324-327, h. 10.

empat orang daripada responden mengalami proses penerapan budaya yang cenderung kepada budaya dan cara hidup orang Melayu. Pasangan tersebut ialah dua pasangan Melayu-Indonesia, Melayu-Bosnia dan Melayu-England. Mereka menyatakan bahawa mereka selesa dengan cara budaya Melayu dan akan terus mempelajari dan memahami budaya pasangan agar anak-anak menjadi seorang individu yang mempunyai tatasusila dan adat resam yang tinggi. Manakala dua pasangan telah memilih untuk menerapkan gaya hidup pasangan yang bukan Melayu iaitu daripada pasangan Melayu-Amerika dan Melayu-Australia kerana mereka berpendapat sesetengah budaya dan prinsip amalan orang Barat lebih praktikal kepada anak mereka dan ia dapat membantu menyeimbangkan disiplin anak-anak kerana sifat mereka yang lebih tegas dan bersistematis dalam kehidupan sehari-hari. Selebihnya dua pasangan lain menyatakan mereka menerapkan kedua-dua budaya kepada anak-anak mereka atas faktor ingin menjadikan anak-anak lebih menghargai kedua-dua budaya yang dimilikinya selain memberikan faedah dan kelebihan kepada masa depan anak-anak kerana dapat mempelajari dan mencuba berbagai-bagai budaya sebagai salah satu sumber pengetahuan dalam proses penghidupan.

4.5.3 Islamisasi

Jadual 4.28: Islamisasi dalam Perkahwinan Campur

Perkara	Responden
Adakah anda mengajar pasangan anda tentang agama Islam ataupun hanya bergantung sepenuhnya di luar rumah?	
Rumah	3
Luar rumah (masjid, kelas, sekolah)	1
Kedua-duanya	4
Adakah anda mengajar anak-anak tentang agama	

Islam ataupun hanya bergantung sepenuhnya di luar rumah?	
Rumah	4
Luar rumah (masjid, kelas, sekolah)	
Kedua-duanya	2
Tiada anak	2
Adakah pernah berlaku pada pasangan anda yang enggan mengamalkan ajaran Islam dan menolak bimbingan dan ajaran Islam?	
Ya	
Tidak Pernah	8

Seterusnya, proses Islamisasi dalam kajian perkahwinan campur ini dilihat daripada sudut bimbingan suami atau isteri mengenai agama Islam dan mendidik anak-anak mengenai agama Islam. Bagi hasil maklumat tersebut mendapati kesemua responden dan pasangan melaporkan memberi bimbingan kepada suami atau isteri sama ada di rumah ataupun di luar rumah seperti di masjid, kelas bimbingan khas dan kelas fardhu ain. Manakala kesemua responden mengakui turut memberikan didikan kepada anak-anak sama seperti pasangan suami dan isteri iaitu dengan mengajar pengetahuan berkaitan agama selain menghantar anak-anak ke sekolah agama dan kelas al-Quran. Malah kesemua responden juga turut melaporkan bahawa pasangan mereka tidak pernah menolak dan enggan mengamalkan ajaran Islam malah menerima bimbingan dan ajaran Islam dengan hati yang ikhlas dan penuh hidayah.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian memberikan satu gambaran yang menarik bahawa proses pembudayaan dalam perkahwinan campur iaitu daripada sudut penyesuaian budaya dan keluarga, penerapan cara dan nilai bangsa serta bimbingan mengenai Islam menunjukkan secara majoritinya responden mengamalkan budaya Melayu dan hanya segelintir kecil yang

menyesuaikan pasangan dengan cara hidup mereka. Perkara ini dilihat tidak menjadi satu masalah besar kerana perkara ini dapat diimbangi dengan proses Islamisasi. Kesemua pasangan mengakui bahawa mereka mendapat bimbingan dan pengetahuan agama daripada pasangan sama ada di rumah dan juga di luar rumah melalui kelas bimbingan khas atau media massa. Oleh yang demikian proses pembudayaan yang dilihat sistematik dan bersifat timbal-balik ini memberi gambaran bahawa pembudayaan pasangan kahwin campur yang dikaji adalah berkesan dan menjadi salah satu proses utama yang menyumbang kepada kejayaan dan kelangsungan perkahwinan mereka.

4.6 Kesan Perkahwinan Campur

Jadual 4.29: Kesan Perkahwinan Campur

Perkara	Responden
Sebagai orang yang berpengalaman, apakah pandangan anda mengenai kebaikan atau keburukan perkahwinan campur?	
Kelebihan	5
Keburukan	2
Baik dan buruk	1
Biasa	
Apakah pandangan anda mengenai amalan kahwin campur?	
Membawa kepada perpaduan dan kepelbagaiannya kaum	2 3
Menambah baik keturunan dan hubungan silaturahim	3
Memberi dakwah dan contoh teladan yang baik	
Menyebabkan hubungan keluarga bertelagah	
Menyebabkan lebih banyak perceraian berlaku	
Adakah anda melihat perbezaan budaya dalam perkahwinan campur boleh menyebabkan masalah besar dalam sesebuah perkahwinan?	
Ya	
Tidak	8
Pada pendapat anda, apakah yang menyebabkan perceraian di kalangan pasangan kahwin campur berlaku ini berlaku?	
Pegangan agama yang cetek	2
Tanggungjawab tidak dilaksanakan	2

Jurang budaya yang besar	2
Tekanan daripada masyarakat sosial	1
Sebab lain	1
Apakah saranan anda agar perceraian ini dapat dielakkan jika ianya disebabkan oleh perbezaan-perbezaan budaya yang wujud?	
Tolak ansur di antara suami isteri	8
Sokongan keluarga dan sosial	8
Memantapkan pegangan iman dan amal dalam keluarga	8

Bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai kesan perkahwinan campur, maklumat berkaitan telah dikumpulkan dan hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pasangan iaitu lima orang daripada mereka menyatakan bahawa perkahwinan campur lebih memberi kebaikan dan faedah, manakala dua orang daripada mereka pula berpendapat ianya boleh membawa kebaikan dan keburukan kerana perkahwinan ini melibatkan dua bangsa dan budaya yang berbeza dan ia bergantung kepada individu tersebut. Selebihnya seorang daripada responden menyatakan bahawa amalan perkahwinan ini adalah perkara biasa yang lazim berlaku di mana-mana sahaja dan ia sama seperti perkahwinan yang lain. Perkara ini dapat dijelaskan dalam petikan tersebut:

Petikan 1:Dari pada sudut saya, kelebihan yang saya katakan tadi, ia memang menggalakkan perkembangan keturunan kita sendiri. Anak-anak saya adalah bangsa Melayu-Amerika. Perkara ini dilihat oleh saya dan keluarga sebagai satu pencapaian yang hebat. Perkahwinan campur sememangnya adalah satu percaturan yang berisiko jika ia tidak diuruskan dengan sistematik dan penuh dengan bimbingan serta pengorbanan”³⁴⁵(pasangan Melayu-Amerika)

Petikan 2:Ada baik dan buruknya kerana semua itu terpulang kepada kita yang menjalankannya. Kalau kita menjalankannya dengan niat yang baik maka semua akan berjalan dengan baik begitu pula sebaliknya,”³⁴⁶(pasangan Indonesia (Jakarta)-Melayu)

³⁴⁵ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Amerika, *op.cit.*, 296-299, h. 9-10.

³⁴⁶ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Jakarta), *op.cit.*, 556-562, h. 15.

Seterusnya, responden ditanyakan mengenai pandangan terhadap amalan kahwin campur. Dua daripada responden pasangan memberikan pendapat bahawa perkahwinan sebegini boleh menyumbang kepada perpaduan dan kepelbagaian kaum di Malaysia, manakala tiga pasangan yang lain berpendapat ia boleh menambah baik keturunan dan hubungan silaturahim sesama insan dan selebihnya pasangan memberi buah pendapat bahawa perkahwinan campur adalah satu cara untuk berdakwah dan contoh teladan yang baik kepada bangsa lain. Selain itu, persoalan mengenai perbezaam budaya dalam perkahwinan campur dilihat menjadi satu punca utama sesuatu masalah dan perceraian dalam kalangan pasangan berlaku. Namun kesemua pasangan tidak bersetuju dengan tanggapan tersebut kerana bagi mereka proses penyesuaian dan penerapan sentiasa berlaku selepas berkahwin dan ianya tidak menghalang kebahagiaan keluarga yang dibina. Pendapat responden ialah:

Petikan 1:Tidak semestinya. Ia adalah sebuah proses. Memanglah peringkat permulaan semuanya berbeza tetapi apabila melalui proses seperti tadi seperti asimilasi, adaptasi dan akulturasikan maka jadilah perbezaan tadi kepada pengkayaan budaya dan masalah beza ini akan hilang bila proses dilakukan dengan betul dan teratur. Maknanya perbezaan budaya boleh jadi proses lengkap melengkapkan. Tidak ada masalah.....”³⁴⁷ (pasangan Melayu-Inggeris)

Selain itu, responden juga ditanyakan mengenai punca yang menyumbang kepada perceraian pasangan kahwin campur. Dua orang pasangan memberikan pendapat kepada punca tersebut ialah pegangan agama yang cetek, seterusnya dua pasangan pula menyatakan mengenai punca tanggungjawab yang tidak

³⁴⁷ Transkripsi Temubual bersama responden pasangan Melayu-Inggeris, *op.cit.*, 600-605, h. 17.

dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak hingga menyebabkan perceraian. Ada juga pasangan memilih punca perceraian iaitu jurang budaya yang besar akan membawa kepada ketidaksefahaman dan akhirnya berlaku perpisahan. Selain itu, seorang pasangan menyatakan tekanan yang tinggi daripada masyarakat dan sistem sokongan sosial juga boleh mengundang masalah ini dan seorang pasangan yang lain menyatakan sebab-sebab lain seperti pasangan mengamalkan poligami, curang dan tidak setia menjadikan pasangan tidak dapat menerima dan meneruskan hubungan mereka kerana ianya telah bercanggah dengan prinsip budaya asal mereka.

Sebagai saranan untuk mengatasi masalah penceraian dalam kalangan pasangan kahwin campur, kesemua responden memberikan pandangan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mereka iaitu dengan mengamalkan tolak ansur yang lebih di antara suami isteri, mendapatkan restu dan sokongan keluarga serta masyarakat sosial dan perkara yang paling utama ialah berusaha memantapkan pegangan iman dan amal dalam kehidupan seharian dan keluarga.

4.7 Kebahagiaan Keluarga

Jadual 4.30: Kebahagiaan Keluarga dalam Perkahwinan Campur

Perkara	Responden
Adakah anda faham sifat-sifat Allah s.w.t dan mengetahui mengenai suruhan dan laranganNya serta melaksanakan kesemua rukun iman dan rukun Islam? Ya Tidak	8
Selain daripada menimba ilmu dan beramal, adakah anda menimba ilmu agama tambahan selepas berkahwin?	

Ya Tidak Pernah	8
Bagaimakah anda mendapatkan ilmu akhirat iaitu melalui: Media massa Masjid/Kuliah agama Kelas Bimbingan Khas Tiada	3 4 1
Apakah objektif pembinaan keluarga anda? Membina keluarga yang bahagia dan direhui Allah Mendapatkan keluarga yang bahagia dan kekayaan Mendapatkan anak yang cantik	8
Apakah anda bersetuju dengan pendapat saya bahawa sifat mahmudah (sifat mulia) dan nilai-nilai murni dalam Islam adalah kaedah bagi manusia untuk mendapatkan ketenteraman dan kebahagiaan dalam rumahtangga? Ya Tidak	8
Adakah sokongan sosial dan masyarakat luar dalam kehidupan keluarga anda sesuatu yang penting dan berkait rapat dengan kesejahteraan keluarga anda? Ya Tidak	8
Adakah anda faham dan melaksanakan kesemua amanah dan tanggungjawab anda sebagai suami dan isteri mengikut pandangan agama? Ya Tidak	8
Adakah anda menjaga kesihatan dan keelokan fizikal anda dan ianya menjadi sesuatu yang boleh membawa kepada kebahagiaan kepada keluarga anda? Ya Tidak	8
Adakah <i>kafā'ah</i> dalam elemen-elemen kesamaan dalam hal (keturunan, harta, akhlak mulia, pekerjaan, budaya) menjadi perkara utama dalam menentukan kebahagiaan keluarga anda? Ya Tidak	5 3
Sebagai pasangan yang kahwin campur, bagaimakah cara encik/puan untuk membentuk keluarga bahagia itu sendiri? Membina keluarga yang mengikut syariat dan mencari keredaan dalam setiap amalan Membimbing pasangan dan menunaikan amanah kepada semua Memberikan kekayaan dan keseronokan kepada keluarga	8 8

Membina perkahwinan dan tidak menjaganya mengikut agama	
---	--

Jadual 4.30 membentangkan mengenai kebahagiaan keluarga dalam perkahwinan campur yang mana kesemua responden mengakui bahawa mereka faham mengenai tuntutan sebagai seorang Muslim termasuklah memahami sifat-sifat Allah s.w.t dan mengetahui mengenai suruhan dan laranganNya serta melaksanakan kesemua rukun iman dan rukun Islam. Manakala, seluruh responden melaporkan pergi menimba ilmu agama secara tambahan selepas berkahwin bagi memperbaiki diri dan pasangan melalui pelbagai sumber. Tiga daripada pasangan kahwin campur ini lebih gemar mendapatkan ilmu agama tambahan melalui media massa, manakala empat pasangan pula sering mendapatkannya di masjid atau kuliah-kuliah agama dan seorang daripada pasangan pergi menimba ilmu melalui kelas bimbingan khas. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa kesemua pasangan ada mendapatkan ilmu agama secara tambahan walaupun tidak secara kerap kerana daripada amalan ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai keinginan dan usaha dalam meningkatkan tingkat iman iaitu melalui asas akidah dan pemahaman ilmu agama yang berterusan.

Selain itu, responden ditanya mengenai objektif pembinaan keluarga mereka di mana kesemua responden melaporkan bahawa perkahwinan ini berbekal niat dan objektif untuk membina keluarga yang bahagia tidak mengira bangsa dan keturunan dan ia diredhai Allah s.w.t. Menyentuh aspek bahagia dalam keluarga, responden ditanyakan mengenai nilai-nilai murni dalam Islam seperti akhlak yang baik dan sifat *mahmudah* yang mulia sebagai

pemangkin bagi manusia untuk mendapatkan ketenteraman dan kebahagiaan dalam rumahtangga. Kesemua memahami perkara tersebut dan bersetuju dengan cara mendapatkan bahagia adalah melalui amalan nilai murni yang dianjurkan oleh Islam seperti sederhana, adil, benar, berbudi bahasa, menjaga kehormatan diri dan sentiasa mengamalkan kebaikan. Kesemua nilai tersebut adalah salah satu antara kunci kebahagiaan dalam sebuah kehidupan.

Manakala, maklumat mengenai aspek sokongan sosial dan masyarakat luar dalam kehidupan keluarga adalah sesuatu yang penting dan berkait rapat dengan kesejahteraan keluarga. Seluruh responden bersetuju menyatakan perkara tersebut adalah perkara yang ditekankan oleh mereka sebelum dan selepas perkahwinan kerana mereka sedar ia memberi implikasi yang baik dan positif kepada keluarga mereka.

Dalam menyentuh mengenai persoalan tanggungjawab, kesemua responden menyatakan bahawa mereka mengakui telah melaksanakan kesemua amanah dan tanggungjawab sebagai suami dan isteri sebaik mungkin mengikut saranan agama kerana bagi mereka perkara tersebut merupakan tunjang dan asas keharmonian rumahtangga bagi setiap individu yang berkahwin tidak kira berlainan bangsa ataupun agama. Seterusnya, seluruh responden menyatakan bahawa mereka sering menjaga keselamatan dan kesihatan diri serta keelokan fizikal kerana semua perkara tersebut asas kepada kebahagiaan.

Bagi perbincangan mengenai tuntutan *kafā'ah* dalam proses pemilihan pasangan sama ada perkara tersebut menjadi perkara utama dalam menentukan

kebahagiaan sesebuah keluarga. Lima orang daripada pasangan kahwin campur mengakui bahawa *kafā'ah* atau sepadan dengan elemen-elemen tertentu pada pasangan adalah penting kerana ia boleh memberi jaminan kepada pasangan untuk menjalani hidup yang lebih sejahtera. Manakala tiga pasangan yang lain tidak menganggap perihal sekufu sesuatu yang penting kerana walaupun terdapat perbezaan antara setiap elemen *kufu*, tetapi asas utama suami isteri mestilah sama iaitu *kufu* daripada segi ketaatan pada agama. Oleh yang demikian hal agama dilihat sebagai panduan utama dalam memilih pasangan walaupun pasangan tersebut berlainan keturunan, warganegara, bangsa dan budaya serta pangkat dan darjat.

Secara keseluruhannya, responden ditanyakan mengenai pengalaman sebagai pasangan yang kahwin campur dalam membentuk sebuah keluarga yang bahagia. Jelas daripada hasil temubual bersama responden yang berkahwin campur ini, kesemua responden bersetuju dengan langkah utama iaitu membina sebuah keluarga yang mengikut syariat, mencari keredaan dalam setiap perbuatan, memberi bimbingan kepada pasangan dan menunaikan amanah serta tanggungjawab kepada semua.

4.8 Kesimpulan

Apa jua bentuk perkahwinan, cabaran dan masalah pasti datang silih berganti. Jelas daripada kajian ini menunjukkan bahawa kajian perkahwinan campur dan hubungannya dengan kebahagiaan keluarga yang dijalankan kepada lapan orang responden di Selangor yang terlibat telah dianalisis dan diperjelaskan melalui beberapa aspek utama yang menyangkut kepada kebahagiaan sesebuah keluarga. Hasil kajian menerangkan bahawa terdapat faktor-faktor utama yang menyumbang ke arah berlakunya perkahwinan campur dalam kalangan responden kajian ini iaitu persamaan asas-asas matrik agama dan pendidikan.

Sama seperti perkahwinan sebangsa, responden daripada perkahwinan jenis ini jelas dilihat tidak mempunyai masalah dalam hal perbezaan budaya termasuklah aspek makanan dan cara pemakanan kerana daripada sudut jenis-jenis makanan responden dan pasangan yang berlainan bangsa, masih boleh didapati di Malaysia dengan mudah dan ianya tidak sekalipun mengganggu kehidupan seharian mereka walaupun di peringkat awal perkahwinan ada segelintir mereka yang menghadapi masalah berkaitan makanan pasangan namun masalah itu telah diatasi peringkat demi peringkat. Manakala, aspek pakaian dan cara pemakaian dijelaskan bahawa pasangan yang berkahwin campur tidak menghadapi kesulitan dalam sudut pakaian asalkan pakaian yang dipakai menutup aurat sebagai seorang muslim sejati. Daripada sudut cara gaya keibubapaan pula menunjukkan kesemua responden mengakui bahawa mereka tidak pernah mengalami masalah perbezaan yang terlalu besar dalam mengasuh dan mendidik anak kerana ianya adalah pengalaman pertama bagi

kedua-dua belah pihak di samping pemahaman yang tinggi dan tolak ansur yang berterusan sentiasa diamalkan walaupun cara gaya keibubapaan yang berbeza mengikut budaya dan kebiasaan mereka.

Aspek perayaan juga menjelaskan bahawa terdapat perubahan selepas merasai pengalaman menyambut perayaan kerana rata-ratanya menganggap perayaan adalah sesuatu perkara yang positif dan banyak membantu mengeratkan hubungan kekeluargaan dan silaturahim dengan masyarakat setempat selain daripada menambah baik hubungan, mereka juga dapat memperbanyak ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam kehidupan berumahtangga. Selain itu, kesemua responden bersetuju bahawa masalah bahasa pertuturan dan perhubungan adalah sesuatu perkara yang lazim dan tidak menjadi cabaran dan permasalahan utama walaupun terdapat sesetengah responden yang tidak dapat menguasai bahasa ibunda pasangan namun, selagi mana salah seorang pasangan boleh memahami dan menterjemahkan bahasa ibunda kepada keluarga dan saudara-mara, persoalan bahasa pertuturan dilihat tidak mempengaruhi kebahagiaan dan kelangsungan rumah tangga pasangan kahwin campur ini.

Bagi aspek hubungan kekeluargaan dan sokongan sosial hasil kajian menggambarkan bahawa permasalahan ini telah berjaya diselesaikan dan diatasi malah konflik ini tidak menjelaskan perhubungan dan pertalian kesemua responden bersama keluarga asal dan mertua selepas berkahwin walaupun wujud beberapa halangan serta tentangan terhadap perkahwinan campuran mereka pada peringkat awal dan pertengahan, namun dalam setiap

dugaan yang ditempuhi, terselit keistimewaan bagi situasi-situasi tersebut. Banyak pendedahan budaya dan amalan kaum lain yang dipelajari dan ini membuatkan pasangan dan keluarga pasangan memahami dengan lebih baik kebudayaan dan tradisi kaum lain. Melalui proses pembudayaan ini, ia dilihat menjadi salah satu kaedah sistematik dan efektif dalam penyesuaian hubungan perkahwinan campur kerana melalui proses ini keadaan sesebuah hubungan dapat diseimbangkan malah ia bersifat unik dan timbal-balik.

Namun dalam kajian ini juga dilihat terdapat beberapa implikasi kepada pasangan kahwin campur dan anak-anak mereka seperti berlakunya proses sosiolisasi dalam kalangan kesemua pasangan kahwin campur yang telah dipilih. Mereka terpaksa menghadkan pengamalan budaya sendiri dan menerima pengamalan budaya pasangannya selepas berkahwin kerana adanya faktor budaya dominan dalam keluarga. Justeru, sifat toleransi antara suami dan isteri termasuk juga semua pihak yang terlibat menjadi pemangkin untuk menghadapi tekanan awal sewaktu dalam proses adaptasi dan asimilasi.

Pasangan kahwin campur dalam kajian ini turut mengakui bahawa aspek agama menjadi kunci utama dalam mengatasi segala masalah dan perkara mendatang seperti perbezaan daripada segi budaya, tradisi nenek moyang dan amalan keluarga pihak pasangan. Dengan mengambil pendekatan positif iaitu menghargai perbezaan dan keunikan setiap pasangan dan menganggap perkara tersebut sebenarnya akan menceriakan hidup, mengeratkan ikatan hubungan antara pasangan dan anak-anak mereka ia juga dianggap sebagai suatu anugerah daripada Allah s.w.t. Oleh yang demikian, dapatan kajian

menggambarkan bahawa pembudayaan pasangan kahwin campur yang dikaji adalah berkesan dan menjadi salah satu cara yang menyumbang kepada kejayaan dan kelangsungan perkahwinan mereka.

Sebagai kesimpulan, kesemua responden dilihat memiliki dan melaksanakan ciri penting dalam mendapatkan sebuah keluarga yang bahagia dari pandangan Islam justeru asas utama bahagia adalah iman dan amal. Daripada temu bual yang mendalam, kajian mendapati keseluruhan responden melaporkan mempunyai nilai akidah dan ilmu agama yang baik dalam sebuah keluarga Islam. Tambahan juga nilai lain seperti niat, akhlak, sosial, amanah dan keselamatan fizikal diamalkan dan sentiasa dipelihara menunjukkan bahawa pasangan yang berkahwin campur dalam kajian ini mempunyai ketenangan iaitu *al-sakīnah*, kasih sayang iaitu *al-mawaddah* dan juga belas kasihan yang disebut sebagai *al-rahmah*.

BAB KELIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab terakhir ini, kajian difokuskan untuk merumuskan kesimpulan hasil daripada penemuan kajian berdasarkan objektif dan permasalahan kajian di awal cadangan penyelidikan. Di samping mengenengahkan hasil kajian, penulis telah membentuk cadangan dan saranan yang diharap dapat membantu kepada penambahbaikan kualiti perkahwinan campur dan menilai aspek positif yang memberi faedah dan mendorong ke arah kelestarian keluarga pasangan kahwin campur. Diharap dengan penemuan kajian dan cadangan yang diutarakan dapat membuka dimensi baru dalam dunia perkahwinan silang budaya dan bangsa agar dapat dimanfaatkan dalam memartabatkan institusi keluarga Islam dan mencapai *al-sa,ādah* di dunia dan akhirat. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji kesan daripada amalan perkahwinan campur dan hubungannya dengan kebahagiaan keluarga.

5.2 Rumusan

Kebanyakan kajian terdahulu sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa mendapati amalan perkahwinan campur dalam kalangan bangsa, agama, budaya atau kaum yang berbeza sering membincangkan mengenai

permasalahan isu-isu berkaitan perkauman, politik, kebebasan atau kesulitan, isu identiti, peranan gender, keterasingan anak-anak campuran, interaksi dan perhubungan, pengurusan perbezaan dan langkah-langkah pengubahsuaihan sebagai tumpuan utama terhadap permasalahan amalan perkahwinan ini. Misalnya kajian yang dijalankan oleh Rozumah Baharudin *et al.* (2003)³⁴⁸ yang membincangkan mengenai fenomena perkahwinan campur di Malaysia dalam menilai nisbah dan sumbangsan kahwin campur terhadap perpaduan masyarakat di Malaysia. Manakala bagi kajian yang dijalankan oleh Sarah Donovan (2004)³⁴⁹ pula mendapati bahawa tanggapan pasangan kahwin campur yang berjaya mengenai diri mereka memberi impak besar kepada hubungan kekeluargaan mereka dan sama ada mereka dilihat sebagai faktor yang menyebabkan tekanan dalam hubungan mereka sendiri ataupun sebaliknya. Ronald C. Johnson dan Craig T. Nagoshi (1986)³⁵⁰ dalam kajiannya mengenai kesejahteraan anak-anak campuran mendapati bahawa anak lelaki campuran lebih mempunyai sifat lebih terbuka kepada kejayaan daripada segi sosial tetapi rendah pada faktor pembangunan dalaman diri mereka. Namun anak campuran perempuan pula dilihat lebih *ekstrovert*. Dalam kajian ini juga turut membincangkan mengenai masalah penyesuaian anak-anak campuran di Hawaii berdasarkan ujian “Faktor Personaliti”. Akhirnya, Dina Khan (1998)³⁵¹ dalam kajiannya mengenai isteri-isteri negara asing di Pakistan telah menghadapi masalah identiti seperti wanita di Pakistan di mana kedudukan mereka hanya dianggap sebagai warganegara kelas kedua.

³⁴⁸ Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari dan Tan Jo-Pei (2003), *op.cit.*, h. iii.

³⁴⁹ Sarah Donovan (2004), *op.cit.*, h. 13.

³⁵⁰ Ronald C. Johnson & Craig T. Nagoshi (1986), “The Adjustment of Offspring of Within-Group and Interracial & Intercultural Marriages: A Comparison of Personality Factor Scores”, *Journal of Marriage and Family*, <http://www.jstor.org/stable/352395>, 24 November 2009.

³⁵¹ Dina Khan (1998), *op.cit.*, h. 7.

Justeru wanita di Pakistan disifatkan sebagai pelindung maruah dan kehormatan keluarga sahaja. Golongan isteri-isteri bangsa asing perlu berhadapan dengan masalah tersebut malah mereka juga mempunyai bebanan tambahan seperti masalah penyesuaian diri dan nilai ke dalam budaya baru. Cabaran identiti diri yang mengancam kedudukan mereka akhirnya didemonstrasikan dengan langkah-langkah dan taktik tertentu dalam mengukuhkan kuasa wanita dalam keluarga bagi mengekalkan kelangsungan kehidupan berkeluarga.

Secara objektifnya, kajian ini dilakukan untuk menganalisis sama ada amalan perkahwinan campur boleh memberi kesan negatif kepada kebahagiaan keluarga pasangan-pasangan ini dan melihat realiti perkahwinan campur di Selangor dalam menguruskan perbezaan-perbezaan budaya yang wujud di samping menganalisis hakikat amalan perkahwinan ini dalam memenuhi *maqāṣid* pembinaan keluarga iaitu memelihara keturunan (*Hifz al-Nasl*) dan seterusnya mencapai kebahagiaan dan keredaan Allah s.w.t di dunia dan akhirat. Data statistik perkahwinan warganegara asing dengan penduduk Negeri Selangor telah dirujuk untuk tujuan analisis amalan perkahwinan campur di negeri Selangor. Secara keseluruhan, perkahwinan campur di antara warganegeri Selangor dengan rakyat asing pada tahun 2009 ialah seramai 419³⁵² orang daripada 17,299³⁵³ orang iaitu mewakili 2.42% daripada perkahwinan Islam di Selangor.

³⁵² Temubual bersama Norsuhana bt Rashib, *op.cit*

³⁵³ *Ibid.*

Umumnya, dalam kajian ini mendapati bahawa keputusan analisis awal bagi setiap pasangan kahwin campur yang menjadi sampel kajian mempunyai sedikit perbezaan daripada sudut faktor perkahwinan, pemilihan pasangan, perbezaan budaya dan pembudayaan kahwin campur. Namun secara keseluruhan keputusan penuh analisis kajian mendapati kesemua responden pasangan kahwin campur yang ditemubual bersepakat menyatakan bahawa amalan perkahwinan campur di antara pasangan suami dan isteri adalah dilihat tidak memberi kesan terhadap kebahagiaan keluarga yang dibina. Ini dapat dibuktikan melalui keputusan analisis data daripada soalan temubual mendalam bersama lapan pasangan yang menyatakan pengalaman dan pendapat mereka yang jelas menunjukkan kefahaman dan kelangsungan perkahwinan mereka terutamanya kepada persoalan perbezaan-perbezaan budaya seperti makanan dan cara pemakanan, pakaian dan cara pemakaian, cara gaya keibubapaan, perayaan, bahasa pertuturan dan komunikasi serta sistem kekeluargaan dan sokongan sosial, pembudayaan seperti adaptasi, asimilasi dan Islamisasi dan kesan dalam perkahwinan campur.

Secara spesifik, penemuan kajian ini mendapati faktor pendorong utama perkahwinan campur dalam kalangan responden yang dipilih adalah berdasarkan faktor agama dan ianya menjadi langkah permulaan kepada perkahwinan mereka. Manakala faktor kedua terbesar ialah faktor yang bersangkut dengan personaliti dan kualiti-kualiti tertentu pasangan serta faktor budaya dan keturunan keluarga pasangan. Faktor pemilihan pasangan ini didapati berkait rapat dengan latar belakang responden dan pasangan iaitu daripada segi pendidikan dan tempat pertemuan kali pertama pasangan. Ini

dapat dikuatkan dengan melihat faktor pemilihan pasangan yang mementingkan asas agama, ciri personaliti, kualiti tertentu, amalan budaya dan keturunan berdasarkan majoriti responden yang dikaji mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi dan turut menyatakan perjumpaan pertama bermula sewaktu menuntut di peringkat universiti atau ketika bekerja di luar negara.

Perbezaan dan kelainan budaya dalam perkahwinan campur boleh memberi impak yang besar kepada permasalahan dalam hubungan rumahtangga seharian. Kajian ini mendapati masalah perbezaan budaya daripada sudut makanan dan cara pemakanan adalah berlaku di peringkat awal perkahwinan iaitu mereka sering menghadapi masalah berkaitan penerimaan dan penyesuaian makanan seperti jenis makanan asasi sehari-hari, cara penyediaan dan penyajian, amalan-amalan tradisi serta masalah teringin pada makanan budaya asal. Namun setelah menjalani kehidupan bersama secara adaptasi, masalah tersebut diatasi peringkat demi peringkat.

Daripada aspek pakaian dan cara pemakaian, walaupun dapatan kajian mendapati ada segelintir pasangan responden masih mengamalkan cara pakaian mengikut amalan dan budaya bangsa asal mereka namun mereka mengakui telah berjaya menyesuaikan cara pemakaian orang Melayu dan Islam. Antara permasalahan lain yang dikenal pasti ialah apabila pasangan meminta untuk mengikut cara pakaian orang Melayu Muslim serta isu perbezaan cara pakaian sebelum dan selepas berkahwin. Hasil kajian mendapati kesemua responden dan pasangan memahami cara pemakaian

orang Islam dan perkara tersebut telah menjadi asas utama bagi menyelesaikan masalah yang berlaku.

Selain itu, penemuan kajian mendapati cara gaya keibubapaan pasangan yang terdiri daripada gabungan Melayu-Inggeris didapati lebih cenderung mengamalkan cara gaya keibubapaan yang bersifat *autoritarian* iaitu cara pengasuhan yang lebih tegas dan berdisiplin. Sebaliknya amalan pengasuhan bersifat *autoritatif* yang dilihat lebih jelas dalam menetapkan jangkaan tertentu untuk anak-anak mereka seperti pasangan Melayu-Indonesia. Akan tetapi gabungan pasangan Melayu-Jepun dan Melayu-Bosnia lebih mengamalkan cara didikan bersifat *permisif* iaitu lebih berlembut dan memberi kebebasan kepada anak-anak.

Merujuk kepada sudut perayaan, pola perubahan dapat dilihat di kalangan pasangan kahwin campur ini iaitu mereka hanya mengalami perbezaan daripada segi sambutan terhadap sesuatu perayaan, masalah penerimaan cara dan budaya dalam perayaan pasangan, sukar untuk menyesuaikan diri kepada suasana dan saudara-mara ketika menyambut perayaan di peringkat awal perkahwinan. Namun dapatan kajian membawakan penerimaan baik pasangan kepada sambutan perayaan pada tahun seterusnya telah memberi pengaruh baik kepada penyesuaian mereka dengan aspek adat dan keagamaan masyarakat Melayu. Perkara ini dilihat sebagai sesuatu perkara yang positif dan banyak membantu mengeratkan hubungan kekeluargaan dan silaturahim dengan masyarakat setempat di samping

menambah baik hubungan dan memperbanyakkan ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam kehidupan berumahtangga.

Manakala daripada segi bahasa pertuturan dan komunikasi, aspek ini didapati berhubung secara positif dan signifikan terhadap kebahagiaan keluarga pasangan kahwin campur kerana mereka menyatakan perbezaan bahasa komunikasi dan perhubungan adalah sesuatu yang lazim dan tidak menjadi cabaran besar dan permasalahan utama dan mereka menerima dengan hati yang terbuka. Merujuk kepada sistem kekeluargaan dan sokongan sosial, hasil kajian menggambarkan bahawa permasalahan hubungan kekeluargaan dan sokongan sosial pasangan kahwin campur yang dikaji telah berjaya diselesaikan dan diatasi. Ia terbukti melalui perhubungan sesama keluarga asal dan mertua yang semakin baik selepas berkahwin terutamanya selepas mendapatkan anak.

Seterusnya daripada aspek pembudayaan dalam perkahwinan campur satu gambaran yang menarik dalam proses pembudayaan telah dilihat. Secara keseluruhannya, perubahan sosial dan budaya melalui penyesuaian dan penerapan budaya telah berlaku terhadap pengamalan budaya dan cara hidup masyarakat Melayu secara timbal balik. Namun terdapat segelintir kecil yang menyesuaikan cara hidup pasangan Melayu dengan cara hidup asal. Perkara ini dilihat tidak menjadi satu masalah yang besar kerana perkara ini dapat diimbangi dengan proses Islamisasi. Ini dapat dikuatkan dengan kenyataan pasangan yang pergi mendapatkan ilmu agama secara tambahan walaupun tidak kerap. Melalui amalan mulia ini, mereka telah menunjukkan keinginan

dan usaha dalam meningkatkan tingkat iman iaitu melalui asas akidah dan pemahaman ilmu agama yang berterusan. Oleh yang demikian proses pembudayaan yang dilihat sebagai satu proses yang sistematik dan bersifat timbal balik mampu memberikan kesan dan menjadi salah satu alternatif yang menyumbang kepada kejayaan dan kelangsungan perkahwinan mereka.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati kesemua responden dilihat memiliki dan melaksanakan elemen penting dalam mendapatkan sebuah keluarga yang bahagia dari pandangan Islam di mana asas utama bahagia adalah iman dan amal. Daripada hasil analisis kajian, penemuan mendapati keseluruhan responden dilihat mempunyai nilai akidah dan ilmu agama yang baik dalam sebuah keluarga Islam. Buktinya turut dikaji melalui elemen lain seperti niat iaitu objektif pembentukan keluarga mereka, akhlak melalui nilai murni yang dianjurkan oleh Islam seperti sifat serdehana, adil, benar, berbudi bahasa, menjaga kehormatan diri dan sentiasa mengamalkan kebaikan. Manakala daripada sudut sosial yang dilihat dari sudut restu dan penerimaan keluarga serta masyarakat, amanah sebagai suami, isteri, anak dan masyarakat serta keselamatan fizikal yang dilihat dari kesihatan rohani, jasmani dan mental. Kesemua nilai tersebut telah diamalkan sebagai inspirasi oleh pasangan kahwin campur dalam mendapatkan ketenteraman dan kebahagiaan dalam rumahtangga serta sebagai langkah untuk memelihara ketenangan iaitu *al-sakīnah*, kasih sayang iaitu *al-mawaddah* dan juga belas kasihan yang disebut sebagai *al-rahmah*.

5.3 Cadangan dan Saranan

Setelah hasil dapatan kajian diperolehi, penulis mendapati terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki dan ditambahbaik dalam amalan perkahwinan campur dalam kalangan masyarakat Melayu sekarang. Gagasan penambahbaikan diterap dalam bentuk cadangan dan saranan yang boleh digunakan oleh mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak. Oleh yang demikian cadangan yang berikut digarap kepada empat entiti berkenaan iaitu:

5.3.1 Individu dan pasangan

a) Persediaan Agama yang cukup

Perkara utama yang perlu dititik beratkan dalam perkahwinan campur ialah persediaan agama yang secukupnya. Individu yang berhasrat untuk mendirikan rumah tangga dengan pasangan yang berlainan agama, bangsa, budaya atau warganegara mestilah membuat persediaan dan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan asas agama yang kukuh agar dapat membentuk dan mendidik diri, pasangan dan anak masing-masing sebelum dan selepas memasuki alam perkahwinan bagi mengelakkan pasangan yang baru memeluk agama Islam ini mengamalkan budaya hidup yang bertentangan dengan Islam seperti budaya hidup lama mereka.

b) Persediaan Ilmu Kekeluargaan

Di samping itu, pengetahuan mengenai ilmu kekeluargaan juga penting sebagai persediaan sampingan seperti membaca lebih banyak bahan bacaan seperti buku mengenai budaya pasangan, menghadiri kursus perkahwinan dan pasca perkahwinan, sesi kaunseling, kelas kemahiran keibubapaan dan hubungan intergenerasi. Segala aktiviti ini akan membantu kelancaran dan keberlangsungan rumahtangga dan perkahwinan di samping menguatkan daya tahan sesebuah ikatan perkahwinan terutamanya bagi pasangan kahwin campur.

c) Tanggungjawab Membimbing Pasangan

Meskipun proses membimbing dan membentuk saudara baru itu sesuatu yang mencabar, namun pasangan masing-masing harus memainkan peranan dan tanggungjawab utama dalam membentuk akidah dan menanam nilai-nilai Islam justeru mereka yang paling hampir dan rapat serta sering berinteraksi kerana jika didikan dan bimbingan yang terapkan bertepatan sudah tentu suami atau isteri akan berjaya mengubah dan membentuk pasangan masing-masing. Seterusnya, pasangan saudara baru juga boleh mengambil inisiatif sendiri dengan menambah pengetahuan agama dan sebagainya melalui kelas agama atau fardu ain yang dianjurkan oleh jabatan agama Islam yang disediakan khas untuk saudara baru.

d) Proses Pemilihan Pasangan Berdasarkan Syariat Islam

Individu dan pasangan mestilah mengenali dan memahami antara satu sama lain sebelum membuat keputusan untuk berkahwin campur seperti yang disyariatkan Islam iaitu *al-kafā'ah* sebagai panduan utama untuk memilih pasangan hidup. *Al-kafā'ah* iaitu kesamarataan dan kesesuaian dilihat dari beberapa sudut termasuklah ketaqwaan, akhlak, pekerjaan, harta, tahap kesihatan dan umur. Selain itu, restu dan penerimaan keluarga kedua belah pihak adalah perlu sebelum berkahwin sekaligus sebagai salah satu faktor utama kepada kejayaan perkahwinan yang bakal dibina. Seterusnya, penerapan rasa hormat dan mengiktiraf antara satu sama lain haruslah dilaksanakan dengan positif melalui pembudayaan yang sistematik tanpa memandang rendah bangsa dan budaya asal mahupun pasangan.

Secara keseluruhannya, pasangan harus meneladani dan mencontohi amalan Rasulullah s.a.w dan para sahabat dengan menjadikan ikatan perkahwinan silang bangsa dan budaya ini sebagai medium dakwah yang efektif dalam membawa dan mengembangkan Islam kepada golongan bukan Muslim yang lain.

5.3.2 Ahli Keluarga

a) Menerima dengan Terbuka dan Optimis

Menerima pasangan ini dengan sifat yang terbuka mengikut anjuran Islam. Justeru Islam sangat memuliakan setiap umat manusia tanpa membezakan warna kulit, bahasa ibunda atau cara hidup sekalipun asalkan mereka sanggup

mengamalkan ajaran Islam. Seharusnya ahli keluarga turut memberi sokongan psikologi dan bantuan tertentu dalam proses perubahan dan penyesuaian oleh pasangan campur kerana mereka merupakan golongan yang paling hampir dengan mereka dan dipercayai. Sudah tentu pasangan yang baru memeluk agama Islam tidak mempunyai hubungan baik atau rapat dengan keluarga asal sehingga ada di antara mereka yang terputus hubungan, justeru keluarga baru harus memainkan peranan dalam memberi semangat dan dorongan tanpa meminggirkan dan membuang mereka.

b) Menerapkan Perkongsian Budaya dan Nilai Murni

Kemudian, ahli keluarga pasangan kahwin campur boleh mengoreintasikan nilai-nilai murni budaya kedua belah pihak pasangan dengan cara berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai cara hidup yang berbeza secara positif. Maka dengan cara ini kehidupan berkeluarga akan lebih diserikan dengan budaya hidup yang pelbagai dan ia mampu mengeratkan hubungan silaturahim antara keluarga asal dan baru. Bagi anak-anak pula, pasangan dan keluarga harus mensosialisasikan anak-anak dengan nilai murni dan menerima identiti diri sebagai anak campuran.

5.3.3 Masyarakat

a) Membina Sistem Jaringan Sosial

Masyarakat yang prihatin dengan pasangan yang berkahwin campur boleh mewujudkan kumpulan sokongan sosial seperti membina persatuan atau kelab kahwin campur serta menjalin dan mengekalkan jaringan sosial dengan

keluarga jauh dan dekat, rakan, agensi perkhidmatan keluarga yang berkaitan dan komuniti setempat. Selain itu, masyarakat juga boleh mengembangkan budaya “xenophobik sifar” iaitu menghilangkan rasa takut atau gerun pada orang asing. Budaya ini seharusnya dicontohi ahli masyarakat dan diwarisi oleh generasi akan datang iaitu mewujudkan bangsa yang berbudaya cemerlang seperti bertoleransi tinggi, empati, fleksibel dan tidak berprasangka buruk terhadap perbezaan nilai dan peranan, norma, kepercayaan, tingkah laku bangsa dan kaum lain.

b) Memberi Contoh Teladan sebagai Cara Berdakwah

Di samping penerimaan keluarga terhadap pasangan, masyarakat Islam juga berperanan untuk membantu mendidik pasangan saudara baru kahwin campur dengan dakwah-dakwah yang tepat dan berkesan. Masyarakat harus berdakwah dengan cara menunjukkan contoh teladan yang baik terhadap golongan pasangan asing dan menerima baik mereka sebagai masyarakat yang mempunyai bangsa yang sama tanpa menjauhi dan menyisihkan mereka. Dengan adanya dakwah daripada masyarakat dan saudara-mara sedikit sebanyak dapat membantu saudara baru memahami dan menerapkan nilai-nilai Islam kepada mereka.

c) Tambah Maklumat Mengenai Perkahwinan Campur

Bagi pihak yang berkenaan iaitu golongan media massa dan media elektronik seperti televisyen, radio, buku dan majalah seharusnya memainkan peranan

mereka dengan lebih aktif dan efektif dalam menyebarluaskan info mengenai perkahwinan silang bangsa melalui pendedahan info yang lebih mendalam dan menyeluruh. Dengan cara sebegini sudah pasti dapat mempengaruhi dan mencorakkan minda masyarakat. Pendedahan yang betul, positif serta infomatif seperti cara menangani masalah pertembungan budaya atau cara terbaik dalam menyelesaikan masalah pengasuhan anak campuran dan sebagainya dilihat berperanan menjadi medium dakwah dan ilmu pengetahuan. Selain itu, iklan perkhidmatan komuniti atau talian kaunseling melalui media massa untuk membantu pasangan kahwin campur sekaligus mempromosikan elemen-elemen positif sebagai model perpaduan dan nilai murni masyarakat Malaysia dan melenyapkan elemen negatif seperti memandang serong dan menyalahkan pasangan keluarga kahwin campur.

5.3.4 Undang-Undang

5.3.4.1 Sistem Pendidikan

Sistem pendidikan negara seharusnya lebih peka dan sesuai dengan keperluan generasi hasil perkahwinan campur yang mana dengan mewujudkan lebih banyak lagi sekolah berpendidikan antarabangsa dan tidak menerhadkan pengambilan masuk pelajar-pelajarnya. Selain itu, sistem ini juga perlu mewujudkan pendidikan keagamaan, moral dan kebangsaan yang lebih mantap bagi anak campuran yang beragama Islam agar semangat jati mereka sebagai anak Malaysia yang beragama Islam dan berketurunan Melayu tetap utuh dan teguh.

5.3.4.2 Badan-badan kerajaan

a) Anjur Kursus dan Temuduga Khas

Lazimnya, setiap pasangan yang akan mendirikan rumah tangga wajib menghadiri kursus pra perkahwinan sebagai asas persediaan sebelum memasuki alam perkahwinan. Namun bagi pasangan kahwin campur, mereka boleh menghadirkan diri dalam kursus-kursus tambahan walaupun selepas berkahwin seperti yang telah dianjurkan oleh bahagian pembangunan Insan MAIS yang bertempat di PAID Klang. Mereka telah bertanggungjawab menganjurkan kursus pasca perkahwinan khusus untuk pasangan yang berkahwin campur dan pasangan yang baru memeluk agama Islam. Program murni seperti ini telah mendapat sambutan dan maklum balas yang memberangsangkan daripada pasangan dan juga masyarakat awam amnya.

Tambahan itu, menurut penulis badan-badan di atas juga dicadangkan untuk mengadakan sesi temubual dan temuduga khusus dengan pasangan saudara baru yang ingin berkahwin campur demi memastikan individu tersebut benar-benar mahu memeluk Islam dan layak untuk berkahwin dengan pasangan Islam. Sekiranya pasangan tidak memenuhi syarat, kursus-kursus penilaian prestasi mesti diberikan untuk menilai kefahaman mereka mengenai Islam. Kursus dan temuduga ini adalah secara objektifnya memberi pengetahuan dan bimbingan yang sewajarnya kepada pasangan kahwin campur tentang Islam dan tanggungjawab yang mesti dipatuhi sebagai seorang Muslim setelah berkahwin.

b) Memberi Kerjasama dan Sokongan Padu

Badan-badan kerajaan yang terlibat seperti Unit Undang-undang Keluarga JAIS, Mahkamah Syariah, Bahagian Pembangunan Insan, PERKIM, Jabatan Imigresen dan kedutaan harus memberikan bimbingan dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi kepada pasangan silang bangsa ini kerana tanpa penggembangan kerjasama dan sokongan pihak-pihak ini pasti mereka menghadapi kesukaran dan cabaran dalam menjayakan ikatan perkahwinan yang berbeza latar belakang budaya. Seharusnya lebih banyak kuliah agama, tazkirah, ceramah, seminar atau forum yang dianjurkan yang berkisar kepada persoalan prosedur perkahwinan, bantuan dan sokongan kepada pasangan muallaf.

5.3.4.3 Akta Undang-undang Keluarga Islam

a) Memperkuatkan Peruntukan Undang-Undang Islam

Peruntukan dan pelaksanaan undang-undang Islam yang lebih kuat dan terperinci boleh mengurangkan kepincangan yang berlaku dalam sistem kekeluargaan Islam. Seharusnya satu semakan peruntukan atau satu undang-undang baru digubal berhubung perkahwinan yang melibatkan orang-orang Islam dengan bangsa asing demi memelihara hak pasangan dan anak-anak seperti yang pernah berlaku dalam kes-kes terdahulu dan terkini apabila pasangan melarikan anak ke negara asal dan memohon bidang kuasa mahkamah luar untuk menukar hak penjagaan, agama dan kerakyatan anak-anak.

Seharusnya perkara ini menjadi isu yang perlu dibangkitkan di Parlimen oleh menteri berwajib kerana ia adalah isu penting yang perlu diselesaikan segera disebabkan ia melibatkan banyak institusi seperti keluarga, masyarakat, mahkamah, negara dan agama. Perkara mengenai perceraian pasangan kahwin campur tidak seharusnya berulang mahupun meningkat kerana efek daripada kegagalan yang dialami oleh pasangan boleh menjelaskan institusi kekeluargaan Islam dan agama Islam sendiri termasuklah pembubaran perkahwinan, keluar dari agama Islam, perebutan hak penjagaan dan masalah hubungan diplomatik.

Seterusnya, kerajaan seharusnya lebih bijak dan peka dalam membendung masalah yang sama kerana realiti perkahwinan campur di kalangan masyarakat Melayu adalah satu fenomena yang semakin berkembang akibat migrasi dan imigrasi yang semakin meningkat dan bertambah dari tahun ke setahun. Ada antara mereka dikatakan sering mengambil peluang dan kesempatan dengan menggoda, memujuk, mempengaruhi ataupun melarikan pasangan yang berbangsa Melayu agar mengahwini mereka dengan niat mengambil kesempatan dalam mendapatkan kemudahan daripada perkahwinan dengan warganegara seperti menyambung visa bekerja, mendapat bantuan atau peluang perniagaan dan mendapatkan status bumiputera atau penduduk tetap.³⁵⁴

³⁵⁴ Temubual bersama dengan Ustaz Anwarulhaq bin Sulaiman. Pegawai Agama di Bahagian Pembangunan Insan, MAIS di Shah Alam pada 11 Februari 2010, jam 11.30 pagi.

5.4 Penutup

Secara keseluruhannya diharapkan penemuan daripada kajian ini dapat memberikan ilmu dan maklumat yang berguna mengenai persoalan perkahwinan campur daripada sudut ilmu kemanusian serta daripada perspektif Islam dalam memahami realiti dan permasalahan yang berkemungkinan berlaku dalam perkahwinan campur dalam kalangan masyarakat Islam kini dengan lebih jelas dan mendalam.

Harapan penulis semoga kajian ini disusuli dengan kajian-kajian seterusnya yang berkisar dengan penerimaan terhadap amalan perkahwinan campur dalam masyarakat Islam di Malaysia dan menilai prospek dakwah dan perpaduan negara dengan lebih menyeluruh pada masa akan datang serta penyelesaian efektif kepada pasangan kahwin campur sebagai panduan utama dalam menjalani kehidupan berkeluarga yang berlainan budaya dan bangsa. Seterusnya berdasarkan saranan-saranan yang dikemukakan, penulis berharap persediaan-persediaan, langkah-langkah dan tindakan yang sewajar dengannya diambil perhatian khusus dan diaplikasi oleh pihak-pihak yang terlibat.

Akhir kata, segala yang baik dan sempurna adalah datang daripada Allah s.w.t dan segala kekurangan serta kelemahan datang dari diri penulis. Semoga segala kesilapan penulis sepanjang melakukan kajian ini mendapat kemaafan daripada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan proses penulisan kajian disertasi ini. Wallu_alam.

BIBLIOGRAFI

BUKU

- Abd al-Rahmān, Ā’isyah (2002), *Tarājīm Sayyidāt Bayt al-Nubūwwah Raḍiallahu „Anhunna*, Qāherah: Dār al-Ḥadīth.
- Aṭiyah Ṣaqar (1980), *al-„Usrah Tahta Ri,āyah al-Islām*, j. 1, Kuwayt: Mua‘ssasah al-Šabāḥ.
- Abdul Jalil Mohd Hassan (1993), *Perkahwinan dalam Islam Berdasarkan kepada Dalil, Hukum, Hikmah dan Panduan Kebahagiaan*, Kuala Lumpur: A. S Noordeen.
- Abū Abd Allāh Ibn Qayyim al-Jawzy, Al-Imām al-Ḥāfiẓ (t.t) *Zād al-Maād*, j. 4. Bayrut: Dār al-Kitāb al-Arābī.
- Abū Dāwud (t.t), *al-Kutub al-Sittah*, j. 8, Istanbūl: Cagri Yayınları.
- Abū Milham, Alī (1995), *„Āra“ Ahli al-Madīnah al-Fadīlah wa Madādatihā Li Ibn Naṣr al-Fārābī*, Bayrut: Dār wa Maktabah al-Hilāl.
- Ackrill, J.L (1980), *Aristotles The Philosopher*, Oxford: Clarendon Press.
- Aḥmad Ḥasan Karzūn (1997), *Mazāyā Nizām al-„Usrah al-Muslimah*, Bayrut: Dār Ibn Ḥazm.
- Aḥmad Maḥmūd Ibrāhīm (1997), *al-Waṣīṭ fī al-Madhab*, j. 5, Miṣr: Dār al-Salām.
- Aḥmad Muḥammad Ibn Qudāmah al-Maqdīsy, Abū Muḥammad Abd Allāh (t.t), *al-Mughnī al-Mukhtaṣar al-Kharqī*, j. 7, Miṣr: Maktabah al-Qāherah.
- Ajaan Lee Dhammadharo (1979), *Keeping the Breath in Mind*, Thailand: P. Samphanpanich Ltd., Part.
- Akrām Raḍāmursī (2001), *al-‘Usrah al-Muslimah fī al-,Ālim al-Muāṣir*, c. 1, Pakistan: Markaz al-Buḥūth wa al-Dirāsāt.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1931), *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*, Kuala Lumpur: Yayasan Anda Akademik.
- _____, (1976), *The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*, Kuala Lumpur: ABIM.
- _____, (1977), *Faham Agama dan Asas Akhlak*, Kuala Lumpur: ABIM.

- _____(1993), *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- _____(1995), *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Badāwy, Yūsuf Aḥmad Muḥammad (2000), *Maqāṣid al-Syarī, ah,, Iḥda Ibn Taymiyyah*, j. 1, al-‘Urdūn: Dār al-Nafā‘is.
- Al-Buṭy, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān (1967), *Fiqh Sīrah*, Qāherah: Dār al-Fikr al-Ḥadīth.
- Alexander, Jeffery. C, (2006), *The Meaning of Social Lifes: a Cultural Sociology*, Oxford: Oxford University Press.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad Ibn Muḥammad (1970), *Khuluq al-Muslim*, Riyāḍ: Dār al-Bayān.
- _____(1973), *Iḥyā” „Uūm al-Dīn*, j. 1, Qāherah: Amal Kitab al- Arabī.
- _____(2007), *Kimiya-e Saadat the Alchemy of Happiness*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Al-Jazīry, Abd al-Rahmān (1969), *Fiqh „Aā al-Madhāhib al-,Ārba,, ah*, j. 4, Qāherah: Dār Ihyā‘ al-Turāth al- Arabī.
- Al-Khāṭib, Al-Ḥabīb (1996), *al-Bujayrimī „Aā al-Khāṭib*, j. 4, c. 1, Bayrut: Dār al-Kitāb al- Ilmiyyah.
- Allan, D.J (1952), *The Philisophy of Aristotle*, London: Oxford University Press.
- Al-Mutallib, Rifā‘at Fauzy Abd (2001), *al-“Umm li al-Imām Muḥammad al-Idrīs al-Syafī,ī*, Manṣūrah: Dār al-Wafā‘.
- Al-Muṭī‘ī, Muḥammad Najīb (t.t), *Kitāb Majmū, Syarah Li Syairāzī*, j. 17. j. 1, Jeddah: Maktabah al-Irsyād.
- Al-Nawāwī (1980), *Kitāb al-Majmū, Syarh li al-Muhadhab al-Syairāzī*, j. 1, Jeddah: Maktabah al-Irsyād.
- Al-Qaraḍāwī, Yusūf (1995), *al-,Ibādah fī al-Islām*, Qāherah: Maktabah al-Wahbah.
- _____(1995), *Fī Ṭarīq Ilā Allah*, j. 1, c. 1, Qāherah: al- Maṭba ḥ al-Madānī.
- _____(1997), *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*, Qāherah: Maktabah Wahbah.

Al-Qarni, Aidh (2008), *Tafsir al-Muyassar*, j. 4, Jakarta: Qisthi Press.

Al-Qazwīny, Muḥammad bin Yazīd bin Abd Allah bin Mājah (1952), *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Nikāh, j. 1, no. hadith 1060, Qāherah: Dār Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.

Al-Syarbīny, Syams al-Dīn Muḥammad bin al-Khāṭib (1997), *Mughnī Muḥtāj*, j. 3, c. 1, Bayrut: Dār al-Manifah.

Al-Syāsh, Hidāyah Allah Aḥmad (2008), *Mawsū,ah al-Tarbiyatū al-Analiyyah li al-Tiflu*, c. 3, Qāherah: Dār al-Salām.

Al-Ṭabūnah, Baḍāwī (t.t), *Iḥyā'' Uūm al-Dīn li al-Imām al-Ghazāli*, j. 2, Qāherah: Dār al-Ulūm.

Al-Yāsīn, Jaafar (1983), *Faylāsufāny Raydāny: al-Kindī wa al-Fārābī*, c. 2, Bayrut: Dār al-Andalūs.

Al-Zarqā', Muṣṭafā Aḥmad (1989), *Syarḥ al-Qawā,id al-Fiqhiyyah*, c. 2, Damsyiq: Dār al-Qalam.

Al-Zuhaily, Wahbah (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, j. 1, Damsyiq: Dār al-Fikr.

Aristoteles (1930), *The Nichomachean Ethics*, London : J.M. Dent.

_____ (1956), *The Nicomachean Ethics*, London: Harvard University Press.

Asmah Omar (2002), *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azmah Abdul Manaf (2001), *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Bennett, Milton J. (1998), *Intercultural Communication: A Current Perspective*, Intercultural Press.

Chadidi, Jane Khatib *et al.* (1998) –Ehance, Choice and Circumstance: A Study of Women in Cross-cultural Marriage” dalam Rosemary Breger & Rosanna Hill (1998), *Cross-Cultural Marriage: Identity and Choice*, New York: Berg.

Chew Sock Foon dan Mac Dougall, John A. (1977), *Forever Plural: The Perception and Practice of Inter-communal Marriage in Singapore*, Ohio University: Center for International Studies.

Christopher Shields (2007), *Aristotles*, London: Routledge.

_____(t.t), Aristotle, New York : Routledge Taylor & Francis Group.

Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*, Buku 1, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Constable, Nicole (2005), "Introduction: Cross-Border Marriages, Gendered Mobility and Global Hypergamy" dalam Constable, Nicole, *Cross-Border Marriages Gender and Mobility in Transnational Asia*, Philadelphia: University of Pennsylvania.

Dugan Romano (1988), *Intercultural Marriage: Promises & Pitfalls*, United States: Intercultural Press, Inc.

Gerasimos Santas (2001), *Goodness and Justice Plato, Aristotles and the Moderns*, Oxford; Blackwell Publishers Ltd.

H. Rackham, M.A (1958), *Aristotle's Ethics for English Readers*, Oxford: Basil Blackwell.

Halimah Mohd Said (2004), *Images of the Jawi Peranakan of Penang: Assimilation of the Jawi Peranakan Community into the Malay Society*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ibn Uzlaq al-Farabi, Abū Naṣr Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn Tarkhān (1966), *Kitāb Tanbīh „aṭṭ Sabīl al-Saḍah*, t.t.p: Maṭba ah Majlis Dā'irat al-Ma ḥrif al-Uthmāniyyah.

_____(1964), *Kitāb al-Siyāsah al-Madāniyah al-Mulaqqab bi Mabādī“ al-Mawjudāt*, Beirut; Maktabah al-Khatuliqiyah.

_____(1971), *Fuṣūl al-Muntaza,ah*, Beirut: Dār al-Masyriq.

_____(1983), *Kitāb Tahṣīl al-Saḍah*, Beirut: Dār al-Andalus.

Ibn Miskawayh, Aḥmad Ibn Muḥammad (1961), *Tahdhīb al-Akhlāq*, Beirut: Mansyūrat Dār Maktabah al-Ḥayāh.

_____(1970), *Kitāb al-Fawzu“ al-Asghār*, Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayāh.

Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.

Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogjakarta: FIRKIP.

Joseph, S. Rousek dan Warren, Roland L. (1979), *Sosiologi Satu Pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kalupahana, David J. (1992), *a History of Buddhist Philosophy*, Honolulu: University of Hawaii Press.

Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid (2008), *Famili Harmoni Memupuk Keluarga Bahagia*, Shah Alam: Kaya Bestari.

Mai Yamani (1998), “Cross Cultural Marriage within Islam: Ideal and Reality” dalam Rosemary Breger & Rosanna Hill, *Cross-Cultural Marriage: Identity and Choice*, New York: Berg.

Mann, E & J.A Waldron (1977), “Intercultural Marriage and Child Rearing” dalam W. Maretzki, Thomas et al. *Adjustment in Intercultural Marriage*, Hawaii: The University Press of Hawaii.

Mary Sissons Joshi & Meena Krishna (1998), “English and North American Daughter-in-Law in the Hindu Joint Family” dalam Rosemary Breger & Rosanna Hill, *Cross-Cultural Marriage: Identity and Choice*, New York: Berg.

Micheal Quinn Patton (1987), *How to Use Methods in Evaluation*, London: Sage Publication.

Muhammad Abū Zuhrah (1958), *Muḥādarāt fī „Aqd al-Ziwāj wa Athāruhu*, Qāherah: Dār al-Fikr al-Arābī.

_____ (1970), *al-Mujtama_ al-Insāni fī Zillī al-Islām*, Bayrut: Dār al-Fikr.

_____ (1980), *al-Dawāhib Ilā al-Islām Tārīkhīhā fī „Ahdu al-Nabī wa al-Šahābah wa al-Tābi‘īn wa al-„Uhūd al-Mutalāhiqah wa mā yajib al-‘Ān*, Qāherah: Dār al-Fikr al-Arābī.

Muhammad Tāmīr (t.t), *al-Waṣīṭ Fī al-Madhab*, j. 5, Bayrut: Dār al-Salām.

Muslim, Imām Abū al-Ḥusīn (1980), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Nikāh, no. hadith 1401, j. 2, t.t.p: t.p.

Nellie, S. L. dan Wong, Tan ed. (1992), *Adat Perpatih*, Kuala Lumpur, Wintrac Sdn. Bhd.

Noraniza Yusuf (2006), “Globalisasi dan ICT sebagai Satu Fenomena Universal: Kesan Terhadap Pensejarahan Komuniti Global” dalam Abdul Manaf Bohari, *ICT dari Perspektif Profesional: Isu-Isu Pengurusan dan Organisasi*, Selangor: Pearson Hall.

Norazit Selat (1993), *Konsep Asas Antropologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Paizah Ismail (2003), *Kekeluargaan Islam Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Penerbit Mizan (1984), *Kimia Kebahagiaan al-Ghazali*, Johor Bahru: Thinkers Library Sdn. Bhd.

R.M, Hare (1992), *Plato*, Kassim Ahmad (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raja Bahrain Shah & Bryan Wickham (1997), *The Raja Bahrain Story: A Father's Dramatic Rescue Mission*, Singapore: Time Books International.

Rapar, J. H (1993), *Falsafah Politik Plato*, Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Robert, O. Blood (1962), *Mixed and Unmixed Marriage*, c. 3, New York: Holt, Rirehart and Winston.

Robin Fox (2003), *Kinship and Marriage: An Anthropological Perspective*, ed. 11, United Kingdom: Cambridge University Press.

Rosemary Breger & Rosanna Hill (1998), “Introducing Mixed Marriage” dalam Rosemary Breger & Rosanna Hill *Cross-Cultural Marriage: Identity and Choice*, New York: Berg.

Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Tan Jo-Pei (2003), *Perkahwinan Campur di Malaysia*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Saīd Ḥawwā (1986), *al-Rasūl s.a.w*, Bayrut: Dār al-Salām.

Safī Nazī Kāzim (1984), *Risālah fī Bayt Nubuwah*, Qāherah: al-Mukhtār al-Islām.

Sanborn, Kenneth O. (1977), “Intercultural Marriage in Hawaii” dalam W. Maretzki, Thomas et. al., *Adjustment in Intercultural Marriage*, Hawaii: The University Press of Hawaii.

Sayyid Quṭb (1992), *Fī Zilāl al-Quran*, j. 7, Lubnān: al-Risālah Publishers.

Sayyid Sābiq (1999), *Fiqh al-Sunnah*, J. 2, Qāherah: Dār al-Fath li-al-Ālām al-Ārābī.

Schaefer, Rirchard T. (2009), *Sociology: a Brief Introduction*, New York: Mc Graw-Hill Companies.

Sorokin, Pitirim A. (1959), *Social and Cultural Mobility*, New York: Noble Offset Printers.

Strong & Bryan (1998), *The Marriage and Family Experience: Intimate Relationships in a Changing Society*, c. 7, Belmont, CA: Wadsworth Publishing.

Sulaimān Dunyā (1964), *Mīzān al-„Amāl*, c. 1, Miṣr: Dār al-Ma_ārif.

_____ (1965), *al-Haqīqah fī Naṣar al-Ghazālī*, Miṣr: Dār al-Ma_rifī.

Sya_ban, Zākī al-Dīn (1964), *al-Ziwāj wa al-Talāq fī al-Islām*, Qāherah: Dār al-Qawmiyyah li al-Ṭaba_ah Wa al-Nasyr.

Syed Arabi Idid (2002), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tan, Poo Chang (1986), "Some Findings on Ethnic Intermarriage in Peninsular Malaysia" dalam *Himpunan Sains Sosial*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Thompson, William E. (2008), *Society in Focus: an Introduction to Sociology*, Boston: Pearson.

Ting Chew Peh (1993), *Konsep Asas Sosiologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Urmson, J. O. (1988), *Aristotle's Ethics*, Oxford: Blackwell Publisher Ltd.

_____ (1995), *Aristoteles Ethics*, Oxfords: Blackwell.

W. Maretzki, Thomas (1977), "Intercultural Marriage: An Introduction" dalam W. Maretzki, Thomas et al. *Adjustment in Intercultural Marriage*, Hawaii: The University Press of Hawaii.

Walter F. Char (1977), "Motivations for Intercultural Marriages" dalam Wen-Shing Tseng, *Adjustment in Intercultural Marriage*, United State: Department of Psychiatry.

Yusūf Qāsim (1984), *Huqūq al-„Uṣrah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Qāherah: Dār al-Nahḍah al-_Arābiyah.

Zakī Mubārak (1924), *al-Akhlāq „Iḥda al- Ghazālī*, Qāherah: Dār al-Syā_ī.

ARTIKEL JURNAL

Dan Rodríguez García (2006), "Mixed Marriages and Transnational Families in the Intercultural Context: A Case Study of African-Spanish Couples in Catalonia", *Journal of Ethnic and Migration Studies*, Jil. 32, No.3.

- Dina Khan (1998), "Mixed Marriages in Islam: An Anthropological Perspective on Pakistan", *Journal of Anthropological Society of Oxford*, <http://www.isca.ox.ac.uk/fileadmin/ISCA/JASO/1998-29-1.pdf#page=7>, 12 November 2009.
- Greenhaus, Jeffrey H. et. al (1987), "Work Experience, Job Performance and Feelings of Personal and Family Well-Being" *Journal of Vocational Behaviour*, Bil. 31, www.bus.lsu.edu/.../WorkExperiencesJobPerformance-1987.pdf, 25 Oktober 2009.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (1999), "Haslinda binti Alias lawan Johdi Matthew Byrne @ Yahya bin Abdullah", *Jurnal Hukum*, Jil.13, Bahagian 1, Kes Mal Bilangan 1341-34-3/99, JAKIM: Kuala Lumpur.
- James, A. Boon (1978), "The Shift to Meaning" dalam *American Ethnologist*, No. 2, Bil. 5, h. 7-8, <http://www.jstor.org/stable/pdfplus/643296.pdf>, 3 Disember 2009.
- Jefferey, H.Greenhaus et al. (1987), "Work Experience, Job Perfomance, and Feeling of Personal and Family Well-Being", *Journal of Vocational Behaviour*, www.bus.lsu.edu/.../WorkExperiencesJobPerformance-1987.pdf, 31 Disember 2009.
- John, Mcfadden & James, L. Moore (2001), "Intercultural Marriage and Intimacy: Beyond the Continental Divide", *International Journal for the Advancement of Counselling*, Netherlands: Kluwer Academic Publishers.
- Johnson, Ronald C. & Nagoshi, Craig T. (1986), "The Adjustment of Offspring of Within-Group and Interracial & Intercultural Marriages: A Comparison of Personality Factor Scores", *Journal of Marriage and Family*, <http://www.jstor.org/stable/352395>, 24 November 2009.
- Khoo Kay Khim (1937), "Malaysia: Immigration and the Growth of a Plural Society", Khoo Kay Khim, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, No. 71, (Jun 1998).
- Marsha Wiggins Frame (2004), "The Challenges of Intercultural Marriage: Strategies for Pastoral Care", *Pastoral Psychology*, No. 3, Bil. 52, Januari 2004, Netherlands: Springer.
- Nadine, F. Marks (1998), "Does It Hurt to Care? Caregiving, Work-Family Conflict, and Midlife Well-Being" *Journal of Marriage and Family*, Jil. 60, No. 4, November 1998, <http://www.jstor.org/stable/353637>, 3 Jun 2010.
- Paul, R. Amato & Bruce Keith (1991), "Parental Divorce and Adult Well-Being: A Meta-Analysis", *Journal of Marriage and Family*, Jil. 53, Bil.

1, Februari 1991, <http://www.jstor.org/stable/353132>, 24 Disember 2009.

S. Pompe (1988), "Mixed Marriages in Indonesia: Some Comments on the Law and the Literature", *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia and Oceania*. <http://www.kitlv-journals.nl>, 20 Mac 2010.

Toby, L. Parcel and Menaghan, Elizabeth G. (1997), "Effects of Low-Wage Employment on Family Well-Being", *The Future of Children*, No. 1, Bil. 7, United Kingdom: Princeton University.

Yinger, J. Milton (1968), "On the Definition of Interfaith Marriage", *Journal for the Scientific Study of Religion*, No. 1, bil. 7, h. 2, <http://www.jstor.org/stable/1385115>, 20 Disember 2009.

KERTAS KERJA PERSIDANGAN

Abbas Haji Ali (1974), "Sebahagian Dari Dasar Adat (Tinjauan Secara Umum)", (Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih di Seremban, 9-12 April: 1974).

Abdul Wahid Jais & Faezah Kassim (2005), "Sosialisasi Masyarakat Orang Asli: Satu Analisis Awal Dari Aspek Adat dalam Faezah Kassim", (Kertas Kerja Seminar Sejarah Sosial Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Serantau di Kuala Lumpur, 22-23 Jul 2005), Jil. 2.

_____(2006), "Kesantunan Bahasa dalam Peradaban Melayu dari Perspektif Komunikasi", (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Bahasa Verbal dan Bukan Verbal dari Perspektif Bahasa, Terjemahan dan Komunikasi di Pulau Pinang, 2006).

Gunn, Alastair Stephen dan Walker, Ruth (2003), "Buddhism and Environmental Ethics in Context" (Kertas Kerja Monograph Series Centre of Civilisation Dialogue, No. 4 di Universiti Malaya Kuala Lumpur).

Madlifah Mohd. Yusup (1976), "Perubahan Teknologi dan Kesan-Kesannya Terhadap Sistem Nilai Masyarakat", (Kertas Kerja Seminar Belia dan Alam Sekitar di Kuching, 18-20 Oktober 1976).

Mahmud Saedon bin Osman (1988), "Asas Pembentukan Keluarga Bahagia", (Kertas Kerja Kolokium Kefahaman dan Penghayatan Islam ke- 8 di Bangi, 17-18 September 1988).

Muhamad Zahiri Awang Mat (2006), "Konsep Sakinah, Mawaddah dan Rahmah Menurut Perspektif al-Quran: Kajian Khusus Ayat 21, Surah al-Rum" (Kertas Kerja Seminar Falsafah Perkahwinan di Kuala Lumpur, 29-30 Mac 2006), Jil.2, Kertas 34.

Ong, Hak Ching (1976), "Sejarah Kaum Baba (Cina Peranakan) di Melaka", Ong, Hak Ching, (Kertas Kerja Seminar Sejarah Melaka di Melaka, 14-18 Disember 1976).

Sarjit, S. Gill. (2008), "Integrasi Nasional Melalui Perkahwinan Campur: Kes Peranakan Punjabi di Sabah", (Kertas Kerja Kongres Kebangsaan Tamadun Malaysia di Kuala Lumpur, 22-23 Januari 2008).

Utaka, Yushi (2002), "Conserving the Living Culture: Lessons from Little India", (Kertas Kerja International Conference on the Penang Story di Penang, 19-21 April 2002), Bil. 3.

KAJIAN ILMIAH

Chang, Tan Poo (1986), "Some Findings on Ethnic Intermarriage in Peninsular Malaysia dalam Persatuan Sains Sosial Malaysia", (Kertas Kerja Seminar Himpunan Sains Sosial di Universiti Malaya, 1-2 Disember 1986).

Hassan, Riaz dan Benjamin, Riaz (1972), "Ethnic Outmarriage Rates in Singapore: The Influence of Traditional Socio-Cultural Organization" (Kajian Ilmiah, Department of Sociology, University of Singapore).

Kue, Eddie C.Y dan Hassan, Riaz (1974), "Some Social Concomitants of Interethnic Marriage In Singapore", (Kajian Ilmiah, Department of Sociology, University of Singapore).

Sarah Donovan (2004), "Stress and Coping Techniques in Successful Intercultural Marriages", (Disertasi Sarjana, Faculty of the Virginia Polytechnic Institute and State University).

KAMUS

BBC English (1993), *BBC English Dictionary*, London: BBC English & Harper Collin Publishers Ltd.

Faruqi, Harith Suleiman (2005), *Faruqi's Law Dictionary English-Arabic*, ed. 5, Bayrut: Librairie Dua Liban Publisher.

Frederic Maafouk (t.t), *Dictionary of Sociology*, c.1, Lebanon: Academia International.

J.A Simpson & E.S.C Wiener (1989), *The Oxford English Dictionary*, j. 7, c. 2, Oxford: C/A Rendon Press.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

TEMUBUAL

Temubual bersama dengan Ustaz Anwarulhaq bin Sulaiman. Pegawai Agama di Bahagian Pembangunan Insan, MAIS di Shah Alam pada 11 Februari 2010, jam 11.30 pagi.

Temubual bersama Norsuhana bt Rashib Pegawai di Unit Dokumen Nikah, Cerai & Rujuk, Bahagian Undang-Undang Keluarga. *Statistik Perkahwinan Warganegeri Selangor dengan Warganegara Asing di Negeri Selangor Darul Ehsan tahun 2009* pada 22 Disember 2009 di JAIS Shah Alam.

Temubual bersama Norsuhana bt Rashib Pegawai di Unit Dokumen Nikah, Cerai & Rujuk, Bahagian Undang-Undang Keluarga. *Statistik Nikah Tahun 2009 bagi Negeri Selangor Darul Ehsan* pada 22 Disember 2009 di JAIS Shah Alam.

Temubual bersama responden pasangan Melayu-Inggeris di Petaling Jaya pada 8 November 2009 jam 2.30 petang.

Temubual bersama responden pasangan Melayu-Jepun di Kuala Kubu Baru pada 4 Januari 2010 jam 12.30 tengahari.

Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Jakarta) di Kajang pada 18 April 2010 jam 4.30 petang.

Temubual bersama responden pasangan Melayu-Indonesia (Minang) di Sabak Bernam pada 4 Mei 2010 jam 10.00 pagi.

Temubual bersama responden pasangan Melayu-Bosnia di Gombak pada 7 Mei 2010 jam 9.00 malam.

Temubual bersama responden pasangan Melayu-Amerika di Banting pada 18 Februari 2010 jam 11.30 pagi.

Temubual bersama responden pasangan Melayu-Australia di Sunway Damansara pada 7 Mei 2010 jam 11.00 pagi.

Temubual bersama responden pasangan Melayu-Algeria di Gombak pada 26 April 2010 jam 2.30 petang.

MAJALAH DAN AKHBAR

Hidayah Mohammad. (27 Mei 2010) Elis Syuhaila Akan Terus Berusaha Dapatkan Anak Tunggal Yang Dilarikan Bekas Suami, *Berita Harian*, <http://www.bharian.com.my/articles/RindukepadaFerris/Article/print.html>.

Mohd Fadly Samsudin (4 Disember 2009), “Kahwin Campur”, *Harian Metro*, http://www1.bharian.com.my/Current_News/myMetro/Friday/AdDin/20091204_443856/Article/indexv_html.

Muhammad Shahjahan (1985), “An Introduction to the Ethics of al-Farabi” dalam Islamic Culture, Bil. 59, Januari, t.t.p: t.p.

Norhana Salashar Basharuddin. (22 November 2007) Siti Nazhirah Bawa Pulang Arman Khan, *Utusan Malaysia*, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1122&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm.

Norliza Mohamad Zakaria (26 Februari 2009), “Kahwin Campur Memang Ada Risiko”, *Utusan Malaysia*, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0227&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_17.htm&arc=hive.

Zulkifli Jalil (26 Februari 2010), “Waspada Kahwin Campur”, *Utusan Malaysia*, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0226&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm&arc=hive..

LAPORAN TAHUNAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (2000), *Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim*, Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2008), *Buku Tahunan Perangkaan Year of Statistics Malaysia 2007*, Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia, “Penduduk, Isi Rumah, Tempat Kediaman Malaysia 2009”, www.statistics.gov.my, 1 Januari 2010.

INTERNET

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (2007), “Perkahwinan Campur di Kalangan Masyarakat Islam: Kajian Kes di Kampung Likas, Kinabalu Sabah”, <http://www.kpwkm.gov.my/malayindo/index.php?page=research&country=my&category=9&pages=29>.

Pengisytiharan Selangor sebagai Negeri Maju, Kerajaan Negeri Selangor, <http://www.selangor.gov.my/main.php?Content=vertsections&SubVertSectionID=124&VertSectionID=375&CurLocation=120&IID=&Page=1>.

Peta Daerah Negeri Selangor, <http://www.jpbdselangor.gov.my>.

DOKUMEN

Enakmen Undang- Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (Enakmen 2),
http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/8afede34cda216624825702f000ea0dc?OpenDocument.